

**ANALISIS LEKSIS BAHASA CINA YANG BERKAITAN  
DENGAN KEMPEN PILIHAN RAYA UMUM KE-13  
MALAYSIA**

**TONG YIE NEE**

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2017**

**ANALISIS LEKSIS BAHASA CINA YANG BERKAITAN  
DENGAN KEMPEN PILIHAN RAYA UMUM KE-13  
MALAYSIA**

**TONG YIE NEE**

**DISERTASI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI  
SEBAHAGIAN DARIPADA KEPERLUAN BAGI  
IJAZAH SARJANA LINGUISTIK**

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2017**

**UNIVERSITI MALAYA**

**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama: **TONG YIE NEE**

No. Pendaftaran/Matrik: **TGC 120005**

Nama Ijazah: **IJAZAH SARJANA LINGUISTIK**

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”):

**ANALISIS LEKSIS BAHASA CINA YANG BERKAITAN DENGAN KEMPEN PILIHAN RAYA UMUM KE-13 MALAYSIA**

Bidang Penyelidikan: **LEKSIS**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa jua cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh

Nama:

Jawatan:

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengklasifikasi suku kata leksis dan menganalisis struktur pembentukan leksis bahasa Cina yang diguna di ruangan berita tempatan yang disiarkan dalam akhbar *Sin Chew Daily*. Data kajian dipilih secara teliti daripada ruangan tersebut antara awal bulan April dan akhir bulan Mei 2013. Daripada ruangan berita berkenaan, leksis bahasa Cina yang dikumpul sempena kempen Pilihan Raya Umum Ke-13 Malaysia didapati mengalami perubahan makna setelah membuat perbandingan dengan makna asas. Rujukan utama ialah kamus “*Xiandai Hanyu Cidian*” edisi keenam, terbitan *The Commercial Press*, Beijing 2012. Hasilnya sebanyak 78 leksis bahasa Cina dalam konteks politik telah dikenalpasti dan dikumpul. Didapati bahawa leksis yang terdiri daripada trisuku kata paling banyak diguna pakai iaitu 42 item leksis. Terdapat 1 (atau 1.3%) leksis majmuk bahasa Cina terdiri daripada kombinasi kombinasi kata yang sama jenis. 2 (atau 2.6%) leksis majmuk bahasa Cina yang terdiri daripada kata kerja dengan adverba. 3 (atau 3.8%) leksis majmuk bahasa Cina yang terdiri daripada kombinasi subjek dengan predikat, dan 20 (atau 25.6%) leksis majmuk bahasa Cina terdiri daripada kombinasi kata kerja dengan kata nama. Sebanyak 52 (atau 66.7%) leksis majmuk bahasa Cina yang terdiri daripada kombinasi penerang dengan kata dasar. Antara enam struktur pembentukan leksis majmuk, leksis majmuk yang terdiri daripada kombinasi penerang dengan kata dasar merupakan struktur pembentukan leksis yang paling banyak diguna pakai oleh pengguna semasa PRU Ke-13. Leksis majmuk kata berulang yang membawa maksud konteks tidak diguna pakai langsung. 78 leksis bahasa Cina juga dikaji maknanya dari segi makna perluasan, makna metafora, makna pinjaman dibanding dengan makna asal dalam konteks politik. Sebagai kesimpulan, 3 leksis bermakna pinjaman; 26 leksis bermakna metafora; 49 leksis mempunyai perluasan makna jika dibanding dengan makna asas. Kajian pengumpulan dan penganalisan

leksis-leksis bahasa Cina membantu membina korpus leksikal bahasa Cina di Malaysia semasa PRU Ke-13.

Kata kunci: Leksis bahasa Cina, Kempen Pilihan Raya, Politik, Konteks.

University of Malaya

## ABSTRACT

The aims of this research is to classify the syllables lexis and analyze structure formation of the Chinese lexis used in the local news columns of local newspaper *Sin Chew Daily* during the 13<sup>th</sup> General Election. Research data were carefully selected from the political news column published in *Sin Chew Daily* for the period between early April till the end of May 2013. From the articles, Chinese lexis collected during the 13<sup>th</sup> General Election campaign was found to have undergone changes in meaning after a comparison to the basic meanings of the lexis. The "*Xiandai Hanyu Cidian*" (sixth edition, a Chinese dictionary, published by the Commercial Press, Beijing in 2012) is used as the main reference. As a result, a total of 78 Chinese lexis have been identified, collected and analyzed. It was found that 42 items lexis, comprising trisyllables were considered most used. There are 1 (1.3%) Chinese lexis with co-ordination construction, 2 (2.6%) Chinese lexis with verbs and adverbs construction, 3 (3.8%) Chinese lexis with subjects and predicate construction, 20 (25.6%) Chinese lexis with a verb and a noun construction and 52 (66.7%) Chinese lexis with modifier-head construction. Among the six types of lexis formation, lexis with modifier-head construction was the most widely adopted lexis formation by users during the 13<sup>th</sup> general election campaign. The analysis found that there were no reduplicative compounds repeated lexis used in political context. The meaning of 78 of Chinese compound lexis were explored in the term of expansion, metaphore, loanwords with the comparison of the original meaning in the political context. As a conclusion, 3 lexis of loanwords; 26 lexis in metaphoric meaning; 49 lexis have expansion meaning when compared to the original meaning. The collection and analysis of the Chinese lexis in the study assisted the construction of corpus Chinese lexical in Malaysia during the 13<sup>th</sup> General Election.

Keywords: Chinese language lexis, General Election Campaign, Politics, Context.

## **PENGHARGAAN**

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan yang turus ikhlas kepada mantan penyelia saya, Puan Chong Siew Ling dan penyelia kini, Encik Chiah Seng yang telah memberi tunjuk ajar, memberi bimbingan dan nasihat yang teramat sangat bernilai sepanjang proses penyiapan kajian ini. Beliau berdua tidak jemu dan sentiasa membantu dengan tangan terbuka agar saya menambahbaikkan kajian dari semua aspek.

Terima kasih diucapkan kepada Dr. Loh Wah Ching kerana sudi memberi sumbangan dan cadangan penambahbaikan yang membina dalam data kajian. Tidak lupa saya juga kepada rakan-rakan sepejuangan saya iaitu Encik Tan Ah Sing, Puan Chan Mei Yoke, Cik Lee Kim Toh, Cik Irene Chong Suet Pei, Puan Wong Chooi Foon, adik Tong Yia Ting dan Puan Sabariah bt Abd. Ghani yang banyak memberi tunjuk ajar dalam kesalahan tatabahasa dan penterjemahan.

Terima kasih juga kepada para perpustakawan di Bahasa dan Linguistik, Asia Timur dan Perpustakaan Utama yang menjalankan tugas dengan baik apabila saya memerlukan bantuan mencari bahan-bahan rujukan kajian.

Tidak lupa saya ucapkan kepada ahli keluarga saya yang begitu prihatin dan memahami keadaan saya sepanjang tempoh menjalankan kajian. Terima kasih juga kepada kakak angkat saya Cik Tan Sew Geet yang banyak memberikan sokongan moral kepada saya sehingga menjayakan kajian ini.

## **JADUAL KANDUNGAN**

|                                    | Muka surat |
|------------------------------------|------------|
| HALAMAN TAJUK                      | i          |
| BORANG PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN | ii         |
| ABSTRAK                            | iii        |
| ABSTRACT                           | v          |
| PENGHARGAAN                        | vi         |
| JADUAL KANDUNGAN                   | vii        |
| SENARAI GAMBAR RAJAH               | x          |
| SENARAI JADUAL                     | xi         |
| SENARAI SIMBOL DAN SINGKATAN       | xii        |
| SENARAI LAMPIRAN                   | xiii       |
| <br>                               |            |
| <b>BAB 1: PENGENALAN</b>           |            |
| 1.0 Latar belakang kajian          | 1          |
| 1.1 Pernyataan Masalah             | 3          |
| 1.2 Objektif kajian                | 4          |
| 1.3 Persoalan kajian               | 5          |
| 1.4 Kepentingan kajian             | 5          |
| 1.5 Batasan kajian                 | 5          |
| 1.6 Kesimpulan                     | 6          |

## **BAB 2: TINJAUAN KESUSASTERAAN**

|       |                                                             |    |
|-------|-------------------------------------------------------------|----|
| 2.0   | Kesusasteraan Terdahu                                       | 7  |
| 2.1   | Leksis BC mengikut bilangan suku kata                       | 12 |
| 2.2   | Struktur Pembentukan Leksis BC                              | 13 |
| 2.2.1 | Leksis kombinasi berulang                                   | 15 |
| 2.2.2 | Kombinasi setara                                            | 16 |
| 2.2.3 | Leksis kombinasi kata kerja dengan adverb                   | 17 |
| 2.2.4 | Leksis kombinasi subjek dengan predikat                     | 18 |
| 2.2.5 | Leksis kombinasi kata kerja dengan kata nama                | 18 |
| 2.2.6 | Leksis kombinasi penerang dengan kata dasar                 | 19 |
| 2.3   | Definisi Makna perluasan, Makna Metafora dan Makna Pinjaman | 22 |
| 2.4   | Kesimpulan                                                  | 29 |

### **BAB 3: METODOLOGI**

|     |                                                    |    |
|-----|----------------------------------------------------|----|
| 3.1 | Reka Bentuk Kajian                                 | 30 |
| 3.2 | Pemilihan Data                                     | 31 |
| 3.3 | Prosedur Pengumpulan Data                          | 32 |
| 3.4 | Kaedah Pengkategorian Data                         | 33 |
| 3.5 | Prosedur Penganalisisan Data: Analisis Kuantitatif | 33 |
| 3.6 | Prosedur Penganalisisan Data: Analisis Kualitatif  | 34 |
| 3.7 | Kesimpulan                                         | 35 |

### **BAB 4: ANALISIS DATA**

|         |                                                                                         |    |
|---------|-----------------------------------------------------------------------------------------|----|
| 4.1     | Jenis-jenis leksis BC yang digunakan dalam kempen PRU Ke-13 Malaysia mengikut suku kata | 36 |
| 4.2     | Struktur pembentukan leksis BC yang digunakan dalam kempen PRU Ke-13 Malaysia           | 39 |
| 4.2.1   | Leksis majmuk terbentuk daripada kombinasi penerang dengan kata dasar                   | 41 |
| 4.2.1.1 | Leksis majmuk kombinasi penerang dengan kata dasar                                      |    |

|                                                                                                      |     |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| di mana kata dasarnya adalah kata nama                                                               | 41  |
| 4.2.1.2 Leksis majmuk kombinasi penerang dengan kata dasar<br>di mana kata dasarnya ialah kata kerja | 44  |
| 4.2.2 Leksis majmuk terbentuk daripada kombinasi kata kerja<br>dengan kata nama                      | 47  |
| 4.2.3 Leksis majmuk terbentuk daripada kombinasi subjek<br>dengan predikat                           | 48  |
| 4.2.4 Leksis majmuk terbentuk daripada kombinasi kata kerja<br>dengan adverb                         | 49  |
| 4.2.5 Leksis majmuk terbentuk daripada kombinasi setara                                              | 50  |
| 4.2.6 Leksis majmuk terbentuk daripada kombinasi kata berulang                                       | 50  |
| 4.3 Analisis Makna Leksis BC Dalam Kempen PRU Ke-13 Malaysia                                         | 51  |
| 4.3.1 Perluasan makna leksis dalam kempen PRU Ke-13 Malaysia                                         | 51  |
| 4.3.2 Makna metafora leksis BC dalam kempen PRU Ke-13 Malaysia                                       | 75  |
| 4.3.3 Makna pinjaman leksis dalam kempen PRU Ke-13 Malaysia                                          | 93  |
| 4.4 Kesimpulan                                                                                       | 95  |
| <br><b>BAB 5: KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>                                                            |     |
| 5.1 Dapatan Kajian Dan Perbincangan                                                                  | 96  |
| 5.2 Implikasi Kajian                                                                                 | 98  |
| 5.3 Cadangan Kajian Selanjutnya                                                                      | 98  |
| 5.4 Penutup                                                                                          | 99  |
| Rujukan                                                                                              | 100 |
| Lampiran                                                                                             | 107 |

## SENARAI GAMBAR RAJAH

|                                                              | Muka surat |
|--------------------------------------------------------------|------------|
| Rajah 2.1 Penggolongan leksis berdasarkan Ge (2009)          | 14         |
| Rajah 2.2 Penggolongan makna leksis berdasarkan Huang (1991) | 23         |
| Rajah 2.3 Perubahan makna leksis berdasarkan Ge (2009)       | 26         |
| Rajah 3.1 Kerangka Konseptual Kajian                         | 31         |

## SENARAI JADUAL

|                                                                                                  | Muka surat |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------|------------|
| Jadual 2.1 Leksis BC Mengikut Suku Kata berdasarkan Ge (2009)                                    | 12         |
| Jadual 2.2 Ringkasan Jadual Jenis Pembentukan Leksis BC Melalui Pemajmukan berdasarkan Ge (2009) | 20         |
| Jadual 4.1 Suku Kata Leksis BC                                                                   | 37         |
| Jadual 4.2 Kekerapan Struktur Pembentukan Leksis                                                 | 40         |
| Jadual 4.3 Struktur Pembentukan Leksis Majmuk: Kombinasi Penerang Dengan Kata Dasar (kata nama)  | 42         |
| Jadual 4.4 Struktur Pembentukan Leksis Majmuk: Kombinasi Penerang Dengan kata dasar (kata kerja) | 45         |
| Jadual 4.5 Pola Struktur Pembentukan Leksis Majmuk Trisuku Kata                                  | 47         |
| Jadual 4.6 Leksis Majmuk Kombinasi Kata Kerja Dengan Kata Nama                                   | 48         |
| Jadual 4.7 Leksis Majmuk Kombinasi Subjek Dengan Predikat                                        | 49         |
| Jadual 4.8 Leksis Majmuk Kombinasi Kata Kerja Dengan Adverba                                     | 49         |
| Jadual 4.9 Leksis Majmuk Kombinasi Setara                                                        | 50         |

## **SENARAI KATA SINGKATAN**

PRU Ke-13 – Pilihan Raya Umum Ke-13

PRU Ke-12 – Pilihan Raya Umum Ke-12

MCA – Parti Persatuan Cina Malaysia

MIC – Parti Kongres India Malaysia

UMNO – Parti Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu

DAP – Parti Tindakan Demokratik

BN – Barisan Nasional

PAS – Parti Islam Se Malaysia

DUN – Dewan Undangan Negeri

SUPP – Sarawak United People's Party

BC – bahasa Cina

S – Subjek

P – Predikat

KK – Kata Kerja

KN – Kata Nama

AVB – Adverba

P – Penerang

D – Dasar

KS – Kata Sifat

KL – Kekerapan Leksis

## SENARAI LAMPIRAN

|             | Muka surat |
|-------------|------------|
| LAMPIRAN A  | 107        |
| LAMPIRAN B  | 110        |
| LAMPIRAN C  | 120        |
| LAMPIRAN D1 | 122        |
| LAMPIRAN D2 | 125        |

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.0 Latar Belakang Kajian

Sejak belakangan ini, penggunaan bahasa Cina semakin popular dan penting, dan semakin mendapat sambutan di kaca mata dunia. Bahasa Cina merupakan salah satu bahasa antarabangsa yang penting selepas bahasa Inggeris. Bahasa Cina (BC) memiliki kesusasteraan dan tradisi lisan tersendiri, dan bahasa ini dianggap sebagai bahasa yang serumpun dengan bahasa bumiputera. Bahasa ini juga merupakan bahasa sekunder di Malaysia, (Asmah, 1991).

Kepentingan Bahasa Cina juga boleh dilihat melalui laporan oleh *King Abdullah International Center for Arabic Language* (KAICAL), iaitu dalam berita laman web Indonesia Tempo.co pada 11 Mei 2015 menunjukkan BC digunakan paling luas di dunia. Hasil penelitian Ulrichh Ammon, guru besar bahasa di Universiti Duesseldorf, Jerman, menunjukkan bahawa selama 15 tahun, turut membuktikan BC digunakan 1.39 bilion penduduk dunia dengan pelbagai dialek. Oleh itu, mereka yang ingin menceburkan diri dalam bidang perniagaan, penguasaan terhadap BC sering diidentifikasi sebagai satu keutamaan.

Situasi ini telah merangsangkan perkembangan leksikal BC secara produktif dalam pelbagai bidang, umpamanya bidang politik, pendidikan, ekonomi, kebudayaan, agama dan sebagainya. Kajian ini berkaitan dengan lexis BC yang dikumpul sempena kempen Pilihan Raya Umum Ke-13 Malaysia, maka perlunya mengetahui serba sedikit latar tentang pilihan raya umum di Malaysia.

Malaysia mengamalkan sistem demokrasi berparlimen iaitu calon-calon dipilih melalui pengundian semasa pilihan raya umum. Komponen Parlimen terdiri daripada

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan dua Dewan, iaitu Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Calon-calon dari kedua-dua Dewan yang dipilih itu, kemudiannya akan memenuhi jawatan-jawatan sebagai penggubal undang-undang, badan pelaksana dalam kerajaan persekutuan yang bertanggungjawab untuk meratifikasi, meminda dan menggubal undang-undang serta melaksanakannya.

Suruhanjaya Pilihan Raya merupakan sebuah badan bebas yang bertanggungjawab untuk memantau pilihan raya di Malaysia. Pilihan raya di Malaysia terbahagi kepada tiga jenis iaitu pilihan raya umum, pilihan raya negeri dan pilihan raya kecil. Sistem pilihan raya pula boleh dikategorikan kepada perwakilan berkadar (*proportional*) atau sistem majoriti. Calon yang dipilih diutamakan dalam sistem pilihan raya kerana beliau akan mewakili rakyat di Parlimen dan turut terlibat dalam proses penggubalan dasar kerajaan. Justeru, cara pemilihannya amat penting agar sejajar dengan kehendak demokrasi.

Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa pilihan raya umum hendaklah diadakan dalam tempoh 60 hari sebaik sahaja Dewan Rakyat dibubarkan di Semenanjung Malaysia manakala 90 hari bagi Sabah dan Sarawak. Peruntukan yang serupa terkandung juga di dalam Undang-undang Tubuh Negeri bagi tujuan pilihan raya Dewan Undangan Negeri. Perlembagaan Persekutuan dan Undang-undang Tubuh Negeri juga menetapkan bahawa Dewan Rakyat bagi peringkat Persekutuan dan Dewan Undangan Negeri bagi peringkat negeri, akan terbubar dengan sendirinya setelah tamat tempoh lima tahun, kecuali ia dibubarkan lebih awal.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU Ke-13) hangat melanda Malaysia pada bulan Mei, 2013. Hal ini merupakan julung kalinya dalam sejarah pilihan raya umum Malaysia kerana parlimen dibubarkan pada saat-saat akhir pemerintahan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak pada 3 April

2013 menerusi ucapan khas yang disiarkan secara langsung di televisyen kira-kira 11.30 pagi.

Sebaik sahaja pengumuman tarikh PRU Ke-13 oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak, calon-calon parti politik yang bertanding telah mula melancarkan pelbagai kempen untuk mendapatkan sokongan pengundi dalam pilihan raya umum tersebut. Kempen dalam kajian pengkaji merujuk kepada pelbagai kempen yang dijalankan oleh calon parti politik yang bertanding untuk mendapatkan sokongan pengundi dalam PRU 13.

Penyelidikan kajian adalah berkaitan dengan leksis BC semasa kempen PRU Ke-13 Malaysia pada 2013. Hal ini demikian kerana banyak leksis BC diguna pakai dalam tempoh berkenaan untuk keperluan konteks politik. Dalam tempoh kajian, pelbagai lapisan masyarakat Cina di Malaysia telah meluahkan pemikiran, pendapat, idea, rasa ketidakpuasan masing-masing melalui pelbagai saluran, misalnya internet, blog, ceramah, bahan media cetak, khususnya dalam akhbar Cina terhadap isu-isu semasa politik.

Kajian ini bertujuan mengenal pasti bilangan suku kata leksis, menganalisis jenis dan struktur pembentukan leksis BC, tidak ketinggalan juga mengesan leksis dalam kempen PRU Ke-13 Malaysia yang telah mengalami perubahan makna menurut konteks politik.

### **1.1 Pernyataan Masalah**

Kebanyakan kajian tentang leksis yang dijalankan di Malaysia mahupun di luar negara berfokus kepada penggunaan leksis dalam bidang-bidang yang berlainan, perbandingan antara penggunaan leksis dalam dua bahasa yang berlainan, perbandingan penggunaan leksis antara negara dan sebagainya. Walau bagaimanapun, setakat ini

masih belum ada kajian secara terperinci terhadap leksis BC dalam konteks politik, misalnya penggunaan leksis BC dalam akhbar *Sin Chew Daily* semasa membuat liputan berita berkenaan dengan kempen PRU Ke-13 di Malaysia.

Keadaan ini telah menarik minat pengkaji menjalankan kajian terhadap leksis BC yang telah mengalami perubahan makna mengikut keperluan konteks politik semasa kempen PRU Ke-13 Malaysia. Dalam tempoh berkenaan, banyak leksis BC yang sedia ada diguna pakai, leksis-leksis berkenaan telah mengalami perubahan makna, sama ada mengalami peluasan makna, perubahan makna metafora, ataupun makna pinjaman, malah ada leksis BC yang merupakan leksis yang direka cipta untuk keperluan konteks politik ketika itu sama ada leksis-leksis BC yang wujud dalam tempoh kajian berpotensi untuk bertahan lebih lama atau tidak bergantung pada pengguna bahasa yang berada dalam arus pemodenan. Melalui kajian ini, diharap dapatan kajian ini boleh menjadi sumber rujukan kepada panel penyusun kamus, ahli sosio-politik, bahkan pengguna bahasa untuk manfaat bersama.

## **1.2 Objektif Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk mengkategorikan leksis BC dari segi suku kata, menganalisis struktur pembentukan leksis dan perubahan makna leksis dalam tempoh PRU Ke-13 Malaysia. Dengan itu, objektif kajian secara khususnya adalah seperti berikut:

1. Mengklasifikasi suku kata leksis BC dalam kempen PRU Ke-13 Malaysia.
2. Mengkategori struktur pembentukan leksis BC yang digunakan dalam kempen PRU Ke-13 Malaysia; dan
3. Menganalisis jenis perubahan makna leksis BC dalam kempen PRU Ke-13 Malaysia berbanding dengan makna asas.

### **1.3 Persoalan Kajian**

Berdasarkan objektif kajian, maka persoalan kajian dibentuk selaras dalam analisis kajian. Persoalan kajian yang diselidik dalam kajian ini ialah:

1. Apakah jenis-jenis leksis BC yang digunakan dalam kempen PRU Ke-13 Malaysia mengikut suku kata?
2. Apakah struktur pembentukan leksis BC yang digunakan dalam kempen PRU Ke-13 Malaysia?
3. Apakah jenis perubahan makna leksis BC dalam kempen PRU Ke-13 Malaysia berbanding dengan makna asas?

### **1.4 Kepentingan Kajian**

Perbincangan hangat isu-isu politik negara dalam kalangan masyarakat Cina telah merangsangkan leksis-leksis BC yang sedia ada mengalami perubahan makna bagi tujuan penyampaian mesej yang berkesan. Oleh itu, pengguna bahasa memainkan peranan yang sangat penting untuk menentukan sesuatu leksis itu berpotensi untuk hidup lama atau tidak. Kerja pengumpulan dan analisis leksis-leksis BC boleh membantu untuk mengenal pasti apakah struktur pembentukan leksis BC yang sering digunakan dalam sesuatu bidang mengikut perkembangan semasa. Menganalisis leksis BC membina data leksikal di Malaysia di samping mencerminkan perkembangan penggunaan BC dalam aspek pertuturan dan penulisan di Malaysia.

### **1.5 Batasan Kajian**

Leksis BC mencakupi pelbagai bidang yang luas, namun tumpuan kajian ini hanya kepada ruangan berita tempatan tentang isu-isu politik di dalam akhbar *Sin Chew*

*Daily*. Data kajian dipilih secara teliti daripada ruangan tersebut dari awal bulan April sehingga akhir bulan Mei 2013. Dengan itu, lexis-lexis BC yang berkaitan dengan konteks politik merupakan hasil pembentangan kajian ini. Lantaran itu, unsur-unsur lain yang merangkumi bidang ekonomi, perubatan, pendidikan, sains dan teknologi dan sebagainya tidak dipilih untuk dianalisis.

78 Lexis yang dikumpul, kemudian dianalisis dan diklasifikasikan mengikut suku kata, dianalisis struktur pembentukannya dan telah mengalami perubahan makna daripada tiga aspek, iaitu makna peluasan, makna metafora, makna pinjaman dibanding dengan makna asas dalam konteks politik dalam tempoh kempen PRU Ke-13 Malaysia sahaja.

## **1.6 Kesimpulan**

Bab ini telah memperkenalkan latar belakang kajian ini. Selain itu, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian juga telah dibincangkan. Bab yang seterusnya akan memperkenalkan tinjauan kesusasteraan yang berkaitan dengan kajian ini.

## BAB 2

### TINJAUAN KESUSASTERAAN

#### 2.0 Kesusasteraan Terdahulu

Leksis atau perkataan merupakan salah satu cabang penting bagi bahasa. Leksis merujuk kepada perbendaharaan kata sesuatu bahasa atau kosa kata ataupun leksikon. Sebenarnya bilangan lexis bertambah saban hari dalam leksikon bahasa. Boleh dikatakan banyak pihak yang menyumbang kepada penambahan lexis dalam satu-satu bahasa. Antaranya media cetak seperti akhbar merupakan salah satu media massa yang sentiasa memberikan sumbangan kepada pengayaan lexis dalam bahasa.

Sebagaimana kesusasteraan dapat ditakrifkan seperti dalam *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2013:912), leksem adalah unit minimum, seperti kata atau kata dasar, dalam perbendaharaan kata sesuatu bahasa. Leksikal ialah berkenaan dengan perkataan atau perbendaharaan kata sesuatu bahasa; makna leksikal ialah makna yang dimiliki perkataan itu tanpa melihat makna dari segi konteks.

Menurut Asmah (2009:5-6), “unit leksikal atau perbendaharaan lexis ditafsirkan sebagai leksikon, di mana di dalamnya termasuk kata dan frasa dari semua sistem, termasuk frasa biasa, kata majmuk, jargon, kata-kata hikmah (catchphrase), slanga, idiom, metafora, dan sebagainya.” Leech & Short (1981:75-80) dalam buku mereka berjudul “*Style in Fiction*”, mengkategorikan lexis (*lexical*) atau kata sebagai salah satu daripada empat aspek penting dalam menerangkan ciri-ciri penggunaan bahasa.

Menurut Ge (2009:4), pada permulaan, ahli linguistik di negara China menjalankan kajian mengenai lexis berlandaskan pengalaman daripada ahli linguistik

di Eropah terutamanya daripada Stalin iaitu ahli linguistik Russia yang terkemuka. Sehingga tahun 80-an, ahli linguistik di China baru mencapai kejayaan dalam bidang kajian leksis.

Ge (2009:4) berpandangan, kata-kata yang berfungsi untuk membentuk ayat dalam sesuatu bahasa demi mencapai tujuan perhubungan komunikasi dikatakan sebagai leksis. Ge berpandangan bahawa leksis terbentuk daripada struktur pembentukan yang stabil, mempunyai makna yang sempurna bahkan berfungsi sebagai bahagian tertentu dalam struktur bahasa. Oleh itu bahasa indah yang disusun secara khas dan ringkas untuk menjelaskan situasi sesuatu benda atau seseorang atau sesuatu perkara untuk konsep bermakna seperti leksis tunggal bermakna *dānyìcí* 单义词, homonim *duōyìcí* 多义词 simpulan bahasa *chéngyǔ* 成语, peribahasa *yànyǔ* 谚语, *guànyòng yǔ* 惯用语, *xiēhòuyǔ* 歇后语 juga digolongkan sebagai leksis kerana memiliki ciri-ciri leksis seperti yang dinyatakan Ge.

Ge mula berkecimpung dalam bidang ini dan menjalankan kajian mengenai leksis BC sejak tahun 1955 sehingga kini. Kesungguhan dan pengalaman beliau yang amat mendalam dalam bidang leksis menjadi garis panduan bagi para pengkaji di China yang ingin mengkaji leksis dalam pelbagai bidang, dan turut menjadi kerangka teori dalam penyelidikan leksis BC dalam konteks politik ini.

Pengkaji lampau, Sun (2015) telah mengumpul 20 leksis baharu daripada internet sepanjang tahun 2013 sebagai data kajian. Sun telah mengkaji pembentukan leksis baharu internet dari empat aspek iaitu fonetik, suku kata leksis, ciri-ciri khas leksis internet dan singkatan leksis. Dapatan kajian menunjukkan bahawa suku kata leksis baharu internet adalah terdiri daripada trisuku kata atau tiga suku kata sebanyak 11 (atau 55%). Leksis yang terdiri daripada trisuku kata semakin popular penggunaannya dan direka cipta secara produktif.

Dapatan kajian mengenai struktur pembentukan leksis baharu dalam tempoh sepuluh tahun yang terkini yang dijalankan oleh Fan (2014), menunjukkan bahawa leksis majmuk baharu yang terdiri daripada kombinasi penerang dengan kata dasar merupakan jenis struktur pembentukan leksis yang paling produktif dan stabil. Jenis struktur pembentukan leksis majmuk baharu yang lain cuma merupakan sampingan dalam kajian Fan. Fan juga berpandangan bahawa banyak leksis baharu telah direka cipta untuk memenuhi keperluan pengguna kini. Mengetahui struktur pembentukan leksis baharu banyak membantu pengguna bahasa untuk mendalami makna yang diinterpretasikan dengan lebih berkesan.

Soon (2010) telah menjalankan kajian korpus linguistik tentang hubungan antara bahasa, ideologi dan hubungan kuasa yang terpendam di sebalik sinonim dan hiponim bagi bidang politik, dan leksis lain yang mewakili kerajaan, parti pembangkang, rakyat dan negeri-negeri tempat semasa PRU Ke-12 Malaysia. Kajian dijalankan untuk mengenal pasti makna-makna yang tersirat di dalam wacana media yang diterbitkan dalam rencana-rencana di internet di mana corak kolokasi dan konotasi leksis tersebut telah diteliti. Dapatan kajian telah menunjukkan bahawa kaedah linguistik korpus melengkapi analisis wacana kritikal dengan bukti corak-corak linguistik berulang untuk data teks.

Kajian yang dijalankan oleh Prema (2008) menyimpulkan bahawa bahasa Inggeris dalam surat khabar bahasa Inggeris telah meminjam leksis-leksis yang digunakan dalam bahasa-bahasa Tamil, bahasa Malaysia dan dialek-dialek Cina di Malaysia. Dapatan kajian jelas menunjukkan bahawa leksis-leksis bahasa Melayu mempunyai kekerapan tertinggi peminjaman dalam surat khabar bahasa Inggeris diikuti dengan dialek-dialek Cina dan bahasa Tamil.

Lee (2007) telah menjalankan penyelidikan untuk meninjau ciri-ciri BC internet yang wujud dalam mesej forum internet pelajar dalam konteks komunikasi melalui komputer (*computer-mediated communication*). Selain itu, faktor-faktor kewujudan ciri-ciri BC internet dan pandangan pelajar terhadap kewujudan, penggunaan dan perkembangan BC internet juga dibincangkan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar forum internet mencipta item leksikal baharu dengan pelbagai cara. Mereka juga cenderung menggunakan emotikon dan angka-angka dalam mesej-mesej untuk meningkatkan keberkesanan komunikasi melalui komputer sahaja dan tidak merosakkan ketulenan BC standard.

Seng (2006) telah menjalankan kajian untuk meninjau cara-cara pembentukan istilah-istilah baharu dan kekerapan penggunaannya dalam surat khabar dan majalah khususnya bidang sukan dengan merujuk kepada „*Standard Modern Chinese Dictionary*“ dan „*Xinhua New Words Dictionary*“. Sebanyak 80 istilah baharu telah dikenal pasti dan memenuhi peraturan-peraturan pembentukan BC. Salah satu dapatan hasil kajiannya yang penting adalah sesetengah istilah seperti „lumba kereta F1-*fāngchéngshì sàichē* 方程式赛车“ dalam majalah dan surat khabar tidak selaras dengan kata yang dimuatkan dalam kamus-kamus tersebut. Cara penggolongan pembentukan lexis majmuk kepada lima jenis yang utama iaitu (i) kombinasi setara, (ii) kombinasi kata kerja dengan adverba, (iii) kombinasi subjek dengan predikat, (iv) kombinasi kata kerja dengan kata nama, (v) kombinasi penerang dengan kata dasar dalam kajian ini sama dengan Seng.

Ng (2003) telah menjalankan kajian meninjau evolusi perubahan dan penggunaan lexis-lexis BC berdasarkan majalah *Yazhou Zhoukan* (*The International Chinese Newsweek*) sepanjang tahun 2000. Hasil kajian ini membuktikan bahawa penggunaan BC kini telah mengalami suatu proses evolusi ke arah penciptaan lexis baharu secara kreatif. Beliau juga menghuraikan perkembangan penggunaan lexis-

leksis baru ini dalam konteks penggunaannya dan hubung kaitnya dengan perubahan kehidupan yang dialami oleh masyarakat Cina dalam bidang politik, sosial, dan ekonomi.

Menurut Lee (2014) kebanyakan kajian yang dijalankan mengenai leksis baru bahasa Inggeris adalah menitikberatkan peraturan dan struktur pembentukannya secara luaran, tetapi jarang menumpukan kajian leksis secara dalaman. Kajian yang dijalankan Lee menekankan tinjauan struktur pembentukan leksis baru bahasa Inggeris secara dalaman iaitu hubungan makna bermetafora leksis baru dibanding dengan makna asas leksis baru, bagaimana makna bermetafora leksis baru mempengaruhi perkembangan leksis baru bahasa Inggeris. Data menunjukkan bahawa makna metafora leksis baru semakin mendapat sambutan oleh pengguna bahasa tanpa disedari sehingga ada antara mereka yang terlupa makna asas leksis baru, lebih memilih untuk menggunakan makna bermetafora leksis baru dalam komunikasi harian daripada makna asas leksis baru. Leksis baru bahasa Inggeris yang direka cipta melalui cara pemajmukan merupakan cara yang paling banyak diguna pakai.

Ferdinand de Saussure (1916) pernah menegaskan bahawa matlamat asas kajian bahasa adalah untuk meneliti hubungan antara bentuk dengan makna leksis. Su (1995) pula berpandangan ekoran percanggahan makna asas dengan konteks bahasa, maka makna metafora dipilih untuk menjelaskan makna menurut konteks sesuatu leksis. Salah satu matlamat kajian ini ialah meneliti struktur pembentukan leksis-leksis BC, bagaimana perubahan makna leksis-leksis yang dikumpul jika dibanding dengan leksis asasnya. Makna peluasan, makna metafora dan makna pinjaman merupakan tiga cara yang digunakan untuk menjelaskan bagaimana makna asas leksis mengalami perubahan makna dengan lebih berkesan. Dapat menyimpul di sini bahawa semua item leksis lengkap merealisasikan fungsi makna dalam bersama teks dan konteksnya.

## 2.1 Leksis BC mengikut suku kata

Menurut Ge (2009:4-5) perkembangan bahasa secara sinkronik menyebabkan makna leksis telah mengalami perubahan daripada zaman purba hingga zaman moden. Ge telah mengkategorikan leksis kepada ekasuku (satu suku kata) bermakna, kombinasi dwisuku (dua suku kata) bermakna, kombinasi trisuku (tiga suku kata) bermakna dan lebih daripada kombinasi trisuku (tiga suku kata) bermakna.

**Jadual 2.1: Leksis BC mengikut suku kata berdasarkan Ge (2009)**


| Suku kata leksis                                                                    | Contoh                                                                                                                                                                                                                                                                                |
|-------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Leksis yang terdiri daripada ekasuku (satu suku kata) bermakna<br><i>单音节</i>        | <i>tóu</i> 头 (kepala)<br><i>nǐ</i> 你 (awak)<br><i>shé</i> 蛇 (ular)<br><i>qiān</i> 千 (ribu)<br><i>pǎo</i> 跑 (lari)                                                                                                                                                                     |
| Leksis yang terdiri daripada kombinasi dwisuku (2 suku kata) bermakna<br><i>双音节</i> | <i>zhīzhū</i> 蜘蛛 (labah-labah)<br><i>nílong</i> 尼龙 (nilon)<br><i>kǎobèi</i> 拷贝 (salinan)<br><i>jiǔbā</i> 酒吧 (bar)<br><i>láo dāo</i> 唠叨 (bebel)                                                                                                                                        |
| Leksis yang terdiri daripada kombinasi trisuku (3 suku kata) bermakna<br><i>三音节</i> | 1. <i>jípǔché</i> 吉普车 (jeep)<br>2. <i>kuòyīnqì</i> 扩音器 (pembesar suara)<br>3. <i>dài gāo mào</i> 戴高帽 (memberi pujian)<br>4. <i>mǎhòupào</i> 马后炮<br>(cara yang dikemukakan kemudian tidak mendatangkan apa-apa kesan)<br>5. <i>chǎolěngfàn</i> 炒冷饭<br>(mengulangi perbuatan yang sama) |

Jadual 2.1, sambungan

|                                                                                                                        |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <p>Leksis yang terdiri daripada kombinasi 4 suku kata bermakna atau lebih daripada 4 suku kata bermakna</p> <p>多音节</p> | <p>1. <i>shuǐluòshíchū</i> 水落石出<br/>(mengetahui perkara yang sebenar)</p> <p>2. <i>xiōngyǒuchéngzhú</i> 胸有成竹<br/>(mempunyai keyakinan diri yang teramat sangat)</p> <p>3. <i>kuàidāo zhǎn luànmá</i> 快刀斩乱麻<br/>(membuat keputusan mutamad)</p> <p>4. <i>qiānjīn nán mǎi cùn guāngyīn</i><br/>千金难买寸光阴<br/>(masa itu emas)</p> <p>5. <i>sù hán zhī sōngbǎi, huànnàn jiàn rénxīn.</i><br/>岁寒知松柏，患难见人心。<br/>(ketika musim sejuk, baru diketahui ketahanan pokok pinus, pada saat-saat kesukaran baru dapat diketahui hati seseorang)</p> |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|

## 2.2 Struktur pembentukan leksis

Ge (2009: 21-26) juga telah menggolongkan leksis kepada dua kategori, iaitu leksis dasar dan leksis umum. Leksis dasar terbentuk daripada konsep dan peristiwa manusia dalam kehidupan seharian di mana ciri-ciri leksisnya adalah lazim, stabil dan produktif. Leksis umum sebaliknya terhasil daripada perkembangan sesuatu masyarakat termasuk leksis sejarah atau lama, leksis yang direka cipta untuk keperluan hubungan sosial, leksis klasik, leksis dialek dan leksis pinjaman. Gambar rajah 2.1 menunjukkan pengkategorian leksis menurut Ge.



**Rajah 2.1: Penggolongan Leksis berdasarkan Ge (2009)**

Ge (2009:49) menyatakan bahawa demi keperluan hubungan sosial, banyak leksis BC telah direka cipta secara produktif demi keperluan semasa. Pada mulanya, bidang kajian mengenai leksis kurang diambil perhatian. Berikutan dengan peningkatan ilmu pengetahuan dan aktiviti kebudayaan dalam kalangan pengguna bahasa, kajian tentang struktur pembentukan dalaman leksis semakin diminati pengkaji bahasa.

Pembentukan leksis merupakan peraturan dan struktur pembentukan dalaman sesuatu kata. Oleh itu, setiap kata boleh dianalisis pembentukannya melalui peraturan dan struktur pembentukan dalaman. Contohnya, *Chāyāngjī* 插秧机 (kuku kambing) merupakan salah satu pembentukan kata majmuk iaitu terdiri daripada kombinasi penerang dengan kata dasar 偏正. Kata yang berada di bahagian hadapan, *Chāyāng* 插秧 (perbuatan menanam benih padi), berperanan sebagai penerang manakala kata yang berada di bahagian belakang, *jī* 机 (alat), berperanan sebagai kata dasar bermaksud alat, (Ge, 2009).

$$\begin{array}{rcl}
 \text{Chāyāng 插秧} & + & \text{jī 机} \\
 \text{(Penerang) 偏} & + & \text{(kata dasar) 正} \\
 & & \text{正}
 \end{array}
 =
 \begin{array}{l}
 \text{Chāyāngjī 插秧机 (kuku kambing)} \\
 \text{(penerang dengan kata dasar) 偏正}
 \end{array}$$

Antara pembentukan leksis BC, pendekatan pembentukan leksis jenis majmuk banyak didapati dalam data kajian ini. Ge (2009:50-55) telah mengkategorikan pembentukan leksis majmuk (*Héchéngcí* 合成词) kepada enam jenis, iaitu kombinasi (i) kata jenis berulang (*chóngdié* 重叠), (ii) kombinasi setara (*bìngliè* 并列), (iii) kombinasi kata kerja dengan adverba (*wèibǔ* 谓补), (iv) kombinasi subjek dengan predikat (*zhǔwèi* 主谓), (v) kombinasi kata kerja dengan kata nama (*dòngbīn* 动宾), dan (vi) kombinasi penerang dengan kata dasar (*piānzhèng* 偏正).

### 2.2.1 Leksis kombinasi kata berulang

Leksis kombinasi kata berulang merupakan leksis di mana kata akarnya berulang. Leksis majmuk yang berbentuk kombinasi jenis ini mempunyai beberapa ciri pembentukan tanpa perubahan makna asasnya kecuali contoh-contoh di jadual 2.2 (2.2.1, (e)) yang mengalami perubahan maksud setelah kombinasi pada kata akar.

(a) Memanggil orang yang mempunyai hubungan mesra dan rapat dengan kita, atau kemungkinan besar merupakan onomatopeia bahasa kanak-kanak. Contohnya, *bàba* 爸爸(bapa), *jiějie* 姐姐(kakak), *gūgū* 姑姑(makcik) dan sebagainya.

(b) Maksud tambahan yang merujuk kepada setiap, contohnya, *rénrén* 人人(setiap orang), *jiājiā* 家家(setiap rumah/keluarga), *niánnián* 年年(setiap tahun) dan lain-lain lagi.

(c) Maksud tambahan berlaku dalam masa yang singkat atau perbuatan percubaan. Contohnya, *xiǎngxiǎng* 想想(cuba fikir), *kànkàn* 看看(cuba tengok), *shìshì* 试试(cuba), dan sebagainya.

(d) Maksud tambahan iaitu, fungsi kegunaannya semakin berkurangan atau semakin bertambah. Contohnya, *chóngchóng de dǎle xiàlái* 重重地打了下来 (menggunakan tenaga berat untuk memukul), *tiántián de wèi er* 甜甜的味儿 (rasa yang cukup manis), *hónghóng de liǎn er* 红红的脸儿 (muka kemerah-merahan).

(e) Leksis asas mengalami perubahan maksud setelah ulang pembentukan asasnya. contohnya, *wàn* 万(sepuluh ribu); *wànwàn* 万万(jangan sekali, berpuluh-puluh ribu), *tōng* 通(tidak sumbat, menghala, kepakaran, biasa); *tōngtōng* 通通(semua sekali), *qū* 区(daerah, membezakan); *qūqū* 区区(hanya) dan sebagainya.

### 2.2.2 Kombinasi setara

Kombinasi setara adalah menyatukan dua kelas kata yang sama untuk membentuk leksis majmuk, iaitu adjektif + adjektif, kata kerja + kata kerja, kata nama + kata nama. Proses penyatuan leksis kombinasi setara boleh dibentuk dalam beberapa jenis, iaitu leksis kombinasi dua kelas kata boleh secara sinonim, antonim atau maknanya berkaitan antara satu sama lain.

(a). Contoh leksis kombinasi setara melalui proses menyatukan dua adjektif secara sinonim,

*Ài* 爱 + *hào* 好 → *Àihào* 爱好

Kata *Ài* 爱 bermaksud „cinta“ adalah adjektif manakala *hào* 好 bermaksud „baik“ juga merupakan adjektif, apabila kedua-dua adjektif dikombinasikan menjadi leksis *Àihào* 爱好 akan membawa maksud „hobi“. Contoh-contoh lain sila rujuk dalam jadual 2.2.

(b). Contoh leksis kombinasi setara melalui proses menyatukan dua kata kerja secara antonim,

*lái* 来 + *wǎng* 往 → *lái wǎng* 来往

Kata *lái* 来 bermaksud „mari“ adalah kata kerja manakala kata *wǎng* 往 bermaksud „pergi“ juga merupakan kata kerja, apabila kedua-dua kata kerja yang mempunyai maksud yang berlawanan ini dikombinasikan menjadi lexis *lái wǎng* 来往 akan membawa maksud „berhubung“. Contoh-contoh lain sila rujuk dalam jadual 2.2.

(c). Contoh lexis kombinasi setara melalui proses menyatukan dua kata nama yang maknanya berkaitan antara satu sama lain,

*shān* 山 + *shuǐ* 水 → *shān shuǐ* 山水

Kata *shān* 山 bermaksud „bukit“ adalah kata nama manakala kata *shuǐ* 水 bermaksud „air“ juga merupakan kata nama. Apabila kedua-dua kata nama yang mempunyai makna berkaitan ini dikombinasikan akan menjadi lexis *shān shuǐ* 山水 yang membawa maksud „air yang mengalir dari bukit, bukit dan air, gambar pemandangan“. Contoh-contoh lain sila rujuk dalam jadual 2.2.

### 2.2.3 Lexis kombinasi kata kerja dengan adverba

Lexis kombinasi kata kerja dengan adverba merupakan proses mencantumkan dua kelas kata yang berlainan, iaitu satu kata kerja, satu lagi adverba untuk menghasilkan lexis majmuk. Contohnya,

*Gǎi* 改 + *zhèng* 正 → *gǎi zhèng* 改正

Kata *gǎi* 改 merupakan kata kerja yang bermaksud „ubah“ manakala *zhèng* 正 adalah adverbial yang membawa maksud „betul, positif, baik“. Kombinasi kelas kata kerja dengan adverbial ini menjadi leksis *gǎizhèng* 改正 yang bersemantik „membetulkan“. Contoh yang lain sila rujuk dalam jadual 2.2.

#### 2.2.4 Leksis kombinasi subjek dengan predikat

Leksis kombinasi subjek dengan predikat adalah satu proses leksis kombinasi dua kata, di mana kata di depan berfungsi sebagai subjek manakala kata di belakang memainkan peranan sebagai predikat untuk menghasilkan leksis majmuk. Predikat boleh terdiri daripada kata kerja ataupun kata adjektif. Contohnya,

*kǒu* 口 + *hóng* 红 → *kǒuhóng* 口红

Kata *kǒu* 口 bermaksud „mulut“ merupakan kata nama yang berfungsi sebagai subjek manakala *hóng* 红 bermaksud „merah“ adalah kata adjektif yang berperanan sebagai predikat. Kombinasi kedua-dua kata menjadi *kǒuhóng* 口红 yang bermakna „gincu“. Contoh yang lain sila rujuk dalam jadual 2.2.

#### 2.2.5 Leksis kombinasi kata kerja dengan kata nama

Leksis kombinasi kata kerja dengan kata nama adalah leksis kombinasi daripada dua golongan kelas kata yang berlainan. Ia merupakan satu proses mencantumkan kata kerja dengan kata nama untuk menghasilkan leksis majmuk. Contohnya,

*chū* 出 + *qì* 气 → *chūqì* 出气

Kata *chū* 出 adalah kelas kata kerja yang bermaksud „keluar“ manakala kata *qì* 气 adalah kelas kata nama yang bermaksud „marah“. Cantuman kelas kata kerja dan kelas kata nama ini menjadi leksis *chūqì* 出气 yang membawa maksud „melepaskan geram“. Contoh yang lain sila rujuk dalam jadual 2.2.

#### 2.2.6 Leksis kombinasi penerang dengan kata dasar.

Leksis kombinasi penerang dengan kata dasar adalah satu proses mencantumkan dua kata yang berlainan di mana yang depan berfungsi sebagai penerang manakala yang belakang berfungsi sebagai kata dasar untuk menghasilkan leksis majmuk. Contohnya,

*cháng* 长 + *pǎo* 跑 → *chángpǎo* 长跑

Kata *cháng* 长 membawa maksud „panjang“ manakala kata *pǎo* 跑 bermaksud „lari“. Kombinasi kedua-dua leksem ini menjadi *chángpǎo* 长跑 bermaksud larian jauh. Dalam leksis majmuk ini, *cháng* 长 berfungsi sebagai penerang dan *pǎo* 跑 berfungsi sebagai kata dasar. Contoh-contoh lain sila rujuk dalam jadual 2.2, (Ge, 2009).

**Jadual 2.2: Ringkasan Jadual Jenis Pembentukan Leksis Melalui Pemajmukan Berdasarkan Ge (2009)**

| Cara pemajmukan                                                                                                                             | Contoh                                                                                                                                                                                                           |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>2.2.1 Leksis Kombinasi Kata Berulang</b>                                                                                                 |                                                                                                                                                                                                                  |
| (a)<br>Memanggil orang yang mempunyai hubungan mesra dan rapat dengan kita, atau kemungkinan besar merupakan onomatopeia bahasa kanak-kanak | 1. <i>shū</i> 叔 + <i>shu</i> 叔 → <i>shūshu</i> 叔叔 (Pak cik)<br>2. <i>xīng</i> 星 + <i>xīng</i> 星 → <i>xīngxīng</i> 星星 (bintang)                                                                                   |
| (b)<br>Maksud tambahan yang merujuk kepada setiap                                                                                           | 1. <i>tàng</i> 趟 + <i>tàng</i> 趟 → <i>tàng tàng</i> 趟趟 (setiap kali ulang alik)<br>2. <i>huí</i> 回 + <i>hui</i> 回 → <i>huíhui</i> 回回 (setiap kali)                                                               |
| (c)<br>Maksud tambahan berlaku dalam masa yang singkat atau perbuatan percubaan.                                                            | 1. <i>cháng</i> 尝 + <i>cháng</i> 尝 → <i>cháng cháng</i> 尝尝 (cuba rasa)<br>2. <i>sǎo</i> 扫 + <i>sǎo</i> 扫 → <i>sǎo sǎo</i> 扫扫 (perbuatan sapu sambil lewa sahaja)                                                 |
| (d)<br>Maksud tambahan iaitu, fungsi kegunaannya semakin berkurangan atau semakin bertambah.                                                | 1. <i>gāogāo</i> 高高 + <i>de gèzi</i> 的个子 → <i>gāo gāo de gèzi</i> 高高的个子 (tinggi lambai badan)<br>2. <i>hěnhěnh</i> 狠狠 + <i>de shuō</i> 地说 → <i>hěnhěnh de shuō</i> 狠狠地说 (mengatakan dengan kata-kata yang kejam) |
| (e)<br>Leksis asas mengalami perubahan maksud setelah pengulangan pembentukan asalnya                                                       | 1. <i>tài</i> 太 → amat<br><i>tàitài</i> 太太 → isteri<br>2. <i>xióng</i> 熊 → beruang<br><i>xióngxióng</i> 熊熊 → api yang berbara<br>3. <i>duàn</i> 断 → putus<br><i>duànduàn</i> 断断 → jangan sekali                  |

Jadual 2.2, sambungan

| <b>2.2.2 Leksis Kombinasi Setara</b>                                             |                                                                                  |
|----------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------|
| <b>a) Sinonim</b>                                                                |                                                                                  |
| 1. Kata nama + kata nama                                                         | 1. <i>ní</i> 泥 + <i>tǔ</i> 土 → <i>nítǔ</i> 泥土 (tanah)                            |
| 2. Adjektif + adjektif                                                           | 2. <i>míng</i> 明 + <i>liàng</i> 亮 → <i>míngliàng</i> 明亮 (terang-benderang)       |
| 3. Kata kerja + kata kerja                                                       | 3. <i>dǎ</i> 打 + <i>jī</i> 击 → <i>dǎjī</i> 打击 (tamparan)                         |
| <b>b) Antonim</b>                                                                |                                                                                  |
| 1. Kata nama + kata nama                                                         | 1. <i>zuǒ</i> 左 + <i>yòu</i> 右 → <i>zuǒyòu</i> 左右 (Lebih kurang)                 |
| 2. Adjektif + adjektif                                                           | 2. <i>cháng</i> 长 + <i>duǎn</i> 短 → <i>chángduǎn</i> 长短 (kebaikan dan kelemahan) |
| 3. Kata kerja + kata kerja                                                       | 3. <i>mǎi</i> 买 + <i>mài</i> 卖 → <i>mǎimài</i> 买卖 (jual beli)                    |
| <b>c) Makna yang berkaitan antara satu sama lain</b>                             |                                                                                  |
| 1. <i>gǔ</i> 骨 + <i>ròu</i> 肉 → <i>gǔròu</i> 骨肉 (darah daging)                   |                                                                                  |
| 2. <i>xīn</i> 心 + <i>xuè</i> 血 → <i>xīnxuè</i> 心血 (hasil titik peluh)            |                                                                                  |
| 3. <i>lǐng</i> 领 + <i>xiù</i> 袖 → <i>lǐngxiù</i> 领袖 (pemimpin)                   |                                                                                  |
| <b>2.2.3 Leksis Kombinasi Kata Kerja Dengan Adverb</b>                           |                                                                                  |
| 1. <i>xiào</i> 笑 + <i>hāhā</i> 哈哈 → <i>xiào hāhā</i> 笑哈哈 (ketawa terbahak-bahak) |                                                                                  |
| 2. <i>suō</i> 缩 + <i>xiǎo</i> 小 → <i>suōxiǎo</i> 缩小 (mengecilkan)                |                                                                                  |
| 3. <i>yín</i> 银 + <i>liǎng</i> 两 → <i>yínliǎng</i> 银两 (wang ringgit)             |                                                                                  |
| <b>2.2.4 Leksis Kombinasi Subjek Dengan Predikat</b>                             |                                                                                  |
| 1. <i>zì</i> 自 + <i>shā</i> 杀 → <i>zìshā</i> 自杀 (bunuh diri)                     |                                                                                  |
| 2. <i>rì</i> 日 + <i>shí</i> 食 → <i>rìshí</i> 日食 (gerhana matahari)               |                                                                                  |
| 3. <i>shuāng</i> 霜 + <i>jiàng</i> 降 → <i>shuāngjiàng</i> 霜降 (turun salji)        |                                                                                  |

Jadual 2.2, sambungan

| <b>2.2.5 Leksis Kombinasi Kata Kerja Dengan Kata Nama</b> |                                                                                  |
|-----------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------|
| 1.                                                        | <i>guān</i> 观 + <i>guāng</i> 光 → <i>guānguāng</i> 观光 (lawatan)                   |
| 2.                                                        | <i>zhī</i> 知 + <i>jǐ</i> 己 → <i>zhījǐ</i> 知己 (sahabat karib)                     |
| 3.                                                        | <i>chū</i> 出 + <i>bǎn</i> 版 → <i>chūbǎn</i> 出版 (diterbit)                        |
| <b>2.2.6 Leksis Kombinasi Penerang Dengan Kata Dasar</b>  |                                                                                  |
| 1.                                                        | <i>bǐ</i> 笔 + <i>zhí</i> 直 → <i>bǐzhí</i> 笔直 (lurus sempurna)                    |
| 2.                                                        | <i>máomao</i> 毛毛 + <i>yǔ</i> 雨 → <i>máomaoyǔ</i> 毛毛雨 (hujan renyai atau gerimis) |
| 3.                                                        | <i>shēngchǎn</i> 生产 + <i>lì</i> 力 → <i>shēngchǎn lì</i> 生产力 (daya penghasilan)   |

Pengkaji perlu mengesan, mengkategorikan, memperjelas leksis-leksis BC dalam skop dan batasan yang dikaji. Justeru itu, kerangka teori Ge menjadi garis panduan dan rujukan utama dalam kajian pengkaji. Konsep pengkategorian bilangan suku kata leksis, penstrukturan bentuk-bentuk leksis, penjelasan jenis perubahan leksis beliau membantu untuk mencapai objektif kajian ini.


### 2.3 Definisi makna peluasan, makna metafora dan makna pinjaman

Huang (1991) berpendapat *dānyìcí* 单义词 hanya mempunyai satu makna, manakala *duōyìcí* 多义词 mempunyai lebih daripada satu makna. Menurut beliau makna asal *běnyì* 本义 leksis muncul paling awal, makna asas *jīběn yì* 基本义 sesuatu leksis pula merupakan leksis yang lazim digunakan dalam kehidupan seharian, dan biasanya sudah terpesong daripada makna asal sesuatu leksis. Contohnya, *bīng* 兵 makna asal ialah senjata yang digunakan oleh askar *bīngqì* 兵器, makna asasnya ialah

askar shìbīng 士兵 di mana merupakan peluasan makna daripada bīngqì 兵器.

Makna terbitan pàishēng yì 派生义 merupakan makna yang diterbitkan daripada makna yang sedia ada. Makna terbitan pàishēng yì 派生义 ialah makna baharu xīnyì 新义. Shao (2001:150) menyatakan ada segelintir pengkaji menganggap makna asas leksis sebagai makna ibunda mǔ yì 母义. Perkembangan perubahan makna leksis, makna ibunda tidak semestinya adalah makna asas leksis, tetapi merupakan makna ibunda yang paling menghampiri makna baharu. Perhubungan antara makna boleh ditaksirkan sebagai; A ialah makna asal leksis, B makna terbitan daripada A, jadi A ialah makna ibunda B, B pula ialah makna terbitan A, C makna terbitan daripada B, B ialah makna ibunda C, C pula ialah makna terbitan B, hubungan yang sama terjalin untuk CDE dan seterusnya.

Peluasan makna merupakan antara cara untuk mencapai perubahan makna yang paling berkesan, (Huang, 1991). Peluasan makna metafora bǐyù yǐnshēn 比喻引申, peluasan makna peminjaman jièdài yǐnshēn 借代引申 dan peluasan makna perlambangan xiàngzhēng yǐnshēn 象征引申 merupakan jenis-jenis peluasan makna yang lazim ditemui.



Rajah 2.2: Penggolongan makna Leksis berdasarkan Huang (1991)

Peluasan makna secara metafora *bǐyù yǐnshēn* 比喻引申 merupakan peluasan makna leksis daripada makna asal(pengibaratan objek) melalui makna metafora(makna ibunda) di mana pembentukan maknanya adalah tetap untuk menghasilkan makna baharu. Contohnya: makna asal *gǔròu* 骨肉 ialah tulang dan daging, hubungan yang rapat. Peluasan makna metafora *gǔròu* 骨肉 ialah hubungan rapat yang tidak dapat dipisahkan, (Huang, 1991).

Peluasan makna peminjaman *jièdài yǐnshēn* 借代引申 juga tetap pembentukan maknanya melalui peminjaman makna daripada makna ibunda. Contohnya: makna asal *zhǎoyá* 爪牙 ialah kuku dan gigi binatang, peluasan makna peminjaman ialah memberi layanan perkhidmatan atau bekerja untuk orang lain. Sebahagian struktur badan pada binatang *zhǎoyá* 爪牙 telah dipinjam pakai untuk menggantikan keseluruhan makna leksis, (Huang, 1991).


Perhubungan antara makna diperluas dengan makna ibunda ditaksirkan sebagai peluasan makna secara perlambangan. Peluasan makna perlambangan adalah tetap menurut konteks yang tertentu. Contohnya: makna asal *gēzi* 鸽子 ialah burung merpati. *Gēzi* 鸽子 mempunyai peluasan makna melambangkan aman damai. *Gēzi* 鸽子 tidak semestinya melambangkan aman damai di semua situasi dan hanya bermaksud sedemikian apabila berada dalam konteks yang tertentu sahaja, (Huang, 1991).

Tang & Xiao (2008:8) meninjau makna leksis *dǎtōng* 打通 dalam Kamus terbitan *The Commercial Press*, Beijing 2005 iaitu “*Xiandai Hanyu Cidian*” Edisi kelima 《现代汉语词典，第5版》. Makna leksis *dǎtōng* 打通 (1) membuka terowong; (2) membuka minda; (3) membuka era baru bidang sains. Mereka berpendapat 3 makna dalam kamus yang tertera adalah kurang tepat, cadangan mereka *dǎtōng* 打通 seharusnya dibuat penambahbaikan kepada, (1) menghapuskan halangan,

boleh dilalui antara satu sama lain; (2) menghapuskan kerenggangan, boleh berkomunikasi secara dua hala; (3) menghapuskan penyekatan bidang dan sempadan, boleh saling penambahbaikan. Mereka juga berpandangan setelah cadangan penambahbaikan, lebih jelas makna leksis *dātōng* 打通 (1) ialah makna asas leksis, makna leksis *dātōng* 打通 (2) ialah peluasan makna leksis dan makna leksis *dātōng* 打通 (3) ialah makna metafora leksis.

Homonim *duōyìcí* 多义词 bermakna boleh terdiri daripada makna asal, makna asas, makna peluasan dan makna metafora (Fu, 2004). Fu beranggapan makna asal leksis merupakan makna yang paling awal, makna tersebut jarang dikumpul dalam kamus terbitan kini, kerana peredaran zaman menyebabkan kurang sesuai atau hilang makna penggunaannya kini, contohnya: makna asal leksis “*fēng* 封” dalam frasa “*fēng zhí cǐ shù* 封殖此树” dipetik daripada *zuǒ chuán zhāogōng èr nián* 左传昭公二年, “*fēng* 封” di sini bermakna menambah tanah untuk menanam pokok dan bukannya makna asas “ditutup (*fēngbì* 封闭)”. Makna asas sudah menjadi pengganti makna asal sebagai makna yang utama dalam kamus, kecuali makna asal yang masih mengekalkan makna yang sama dengan makna asas sehingga kini. Bagaimanapun makna asal leksis masih wujud dalam kamus klasik kerana hasil peninggalan karya klasik yang tetap memerlukan kamus klasik sebagai rujukan untuk mendapatkan makna asal.

Ge (2009:82-89) menyatakan bahawa makna asal leksis boleh mengalami tiga jenis perubahan makna iaitu makna peluasan *yǐnshēn yì* 引申义, makna metafora *bǐyù yì* 比喻义 atau makna pinjaman *jièdài yì* 借代义.



**Rajah 2.3: Perubahan makna leksis berdasarkan Ge (2009)**

Leksis yang mampu untuk membentuk sesuatu konsep bermakna merupakan leksis tunggal bermakna *dānyìcí* 单义词. Leksis ini boleh terdiri daripada ekasuku (satu suku kata) bermakna, dwisuku (dua suku kata) bermakna atau trisuku (tiga suku kata) bermakna (Ge, 2009). Contoh-contohnya boleh rujuk pada jadual 2.1. Makna leksis tunggal bermakna adalah nyata dan tidak mengelirukan kerana hanya memiliki satu makna sahaja. Kebanyakan leksis yang digunakan dalam bidang sains merupakan leksis tunggal bermakna. Leksis yang baharu atau yang direka cipta juga kebanyakannya terdiri daripada leksis tunggal bermakna.

Homonim *duōyìcí* 多义词 merupakan leksis yang terdiri daripada leksis sebunyi, mempunyai pelbagai makna tetapi makna di antaranya saling berkaitan. Contohnya: *cǎipái* 彩排 (raptai) bermakna (1) latihan drama, tarian dan sebagainya sebelum persembahan yang sebenar; (2) latihan perarakan peristiwa kebudayaan, atau perhimpunan secara besar-besaran sebelum pertunjukkan yang sebenar. Kedua-dua makna leksis *cǎipái* 彩排 merujuk kepada bidang yang berbeza tetapi berkaitan dengan latihan persembahan, (Ge, 2009).

Leksis yang baharu dihasilkan merupakan leksis tunggal bermakna. Apabila leksis berkenaan telah melalui proses perkembangan secara sinkronik, ia mungkin akan beralih daripada leksis tunggal bermakna kepada leksis homonim yang memiliki pelbagai makna yang saling berkaitan atau akan berubah menjadi morfem terikat yang

tidak bermakna. Sebagai contoh, leksis *guān* 觀 bermakna (1) tengok; (2) pemandangan atau pandangan; (3) pengetahuan atau pandangan terhadap sesuatu perkara. Ketiga-tiga makna leksis *guān* 觀 berbeza tetapi saling berkaitan di antara satu sama yang lain. Peredaran masa menyebabkan *guān* 觀 kini tidak lagi wujud sebagai leksis tunggal bermakna, (Ge, 2009).

Daya pemikiran pengguna bahasa semakin berleluasa dan kreatif. Ekoran aktiviti keperluan harian pengguna, mereka mempunyai pendedahan yang kerap dengan masyarakat setempat mahupun masyarakat luar menyebabkan makna asas sesuatu leksis mengalami perubahan makna demi keperluan sosial. Homonim bermakna boleh dihasilkan melalui beberapa cara, iaitu melalui makna yang diperluas *yǐnshēn yì* 引申义, makna metafora *bǐyù yì* 比喻义, dan makna pinjaman *jièdài yì* 借代义, (Ge, 2009).

Makna yang diperluas *yǐnshēn yì* 引申义 adalah makna baharu yang dihasilkan daripada makna asas dengan cara menghubungkan kait ciri-ciri leksis asas dengan leksis baharu. Contohnya: leksis *lǎo* 老 (tua) bermakna (1) usia tua; (2) wujud sejak dahulu; (3) sudah lama; (4) yang asal. Daripada 4 makna yang dinyatakan, makna yang pertama adalah makna asas, yang selebihnya merupakan makna yang diperluaskan. *Lǎo* 老 (usia tua) bermakna memerlukan masa yang lama untuk melalui proses berkenaan, *lǎo* 老 (usia tua) bermakna sudah wujud sejak dulu lagi, mengalami tempoh yang lama untuk mencapai peringkat uzur, *lǎo* 老 (usia tua) juga merupakan antonim bagi muda dan baru. Melalui proses hubung kait dan kesinambungan antara makna leksis, maka terhasillah beberapa makna yang diperluas daripada leksis asas, (Ge, 2009).

Cara membandingkan ciri-ciri yang seakan-akan sama di antara makna asas dengan pengibaratan makna telah menghasilkan makna yang digelar sebagai makna

metafora *bǐyù yì* 比喻义. Contohnya: *yùnniàng* 酝酿 (penapaian) bermakna (1) proses penapaian arak; (2) mengibaratkan membuat persediaan atau perancangan awal. Makna leksis *yùnniàng* 酝酿 yang kedua dikatakan sebagai makna metafora adalah disebabkan proses penapaian arak memerlukan persediaan awal untuk menghasilkan arak yang berkualiti. Makna asas *yùnniàng* 酝酿 dengan makna metaforanya mempunyai ciri-ciri persamaan, yang digunakan untuk menghasilkan makna leksis metafora.

Leksis pinjaman makna *jièdài yì* 借代义 adalah menonjolkan ciri utama makna asas sesuatu leksis, iaitu menggunakan sebahagian makna leksis untuk melambangkan makna keseluruhan. Leksis jenis ini mempunyai hubungan yang rapat antara makna A dengan makna B, untuk menghasilkan makna yang baharu. Contohnya, *huā* 花 (bunga) bermakna (1) bahagian tumbuhan untuk pembiakan, biasanya berwarna terang dan berbau harum; (2) tumbuhan yang boleh dinikmati kecantikannya. Makna yang pertama merupakan makna asas *huā* 花, makna yang kedua merupakan makna pinjaman kerana melalui makna asas, makna pinjaman telah menggunakan lambang sebahagian tumbuhan *huā* 花 (bunga) untuk menghasilkan keseluruhan makna iaitu tumbuhan cantik yang menyedapkan pandangan pancaindera.

Antara makna asal *běnyì* 本义, makna asas *jīběn yì* 基本义, makna yang diperluas *yǐnshēn yì* 引申义, makna metafora *bǐyù yì* 比喻义, dan makna pinjaman *jièdài yì* 借代义 yang dibincangkan oleh pengkaji-pengkaji, penggolongan makna leksis Fu (2004) dan Ge (2009) merupakan panduan kajian untuk menjelaskan perubahan makna leksis BC dibanding dengan makna asas dalam kempen PRU Ke-13 Malaysia.

## **2.4 Kesimpulan**

Bab ini telah membincangkan tinjauan kesusasteraan yang relevan dengan kajian ini. Huraian istilah leksis, kajian lampau leksis, pengkategorian leksis mengikut suku kata, pengklasifikasi leksis majmuk mengikut enam kategori utama telah ditunjukkan dengan jelas dalam bentuk jadual. Tidak ketinggalan juga rajah, huraian dan contoh peluasan makna, makna metafora, dan makna pinjaman diperjelaskan dengan teliti. Semua proses penghuraian dan pengkategorian leksis menurut Ge (2009) menjadi garis panduan utama dalam bab ini. Rangka kerja teori yang digunakan dalam kajian ini akan dibincangkan dengan lebih terperinci dalam bab seterusnya iaitu metodologi kajian ini.

## **BAB 3**

### **METODOLOGI**

#### **3.1 Reka Bentuk Kajian**

Bogdan & Biklen dipetik dari Noraini Idris (2010:285) menyatakan reka bentuk penyelidikan kualitatif dalam penyelidikan berbeza mengikut disiplin, ideologi, dan pengaruh politik. Penyelidikan yang menggunakan pendekatan ini lazimnya berfokuskan persekitaran atau konteks tertentu. Bryman (2004:266) menegaskan penyelidikan kuantitatif biasanya menekankan kuantifikasi dalam pengumpulan dan analisis data. Johnson & Onwuegbuzie (2004:15), matlamat kaedah campuran strategi penyelidikan adalah percubaan untuk memaksimumkan kekuatan dan meminimumkan kelemahan kualitatif dan kuantitatif.

Kaedah gabungan metode kualitatif dan kuantitatif telah digunakan untuk memperoleh keputusan pengumpulan data dan cara analisis data dalam kajian ini. Menurut Argyrous (2000), penggunaan lebih dari satu pendapat atau penggunaan pelbagai kaedah dalam strategi pengumpulan data, seperti menggunakan gabungan kaedah kualitatif dan kuantitatif dalam kes-kes tertentu akan dapat menerangkan lebih nyata, kekayaan dan kerumitan kelakuan manusia.

## Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 3.1: Kerangka Konseptual Kajian

### 3.2 Pemilihan Data

Untuk mencapai tujuan kajian ini, lexis-leksis majmuk BC yang dikenal pasti dan telah mengalami perubahan makna asas dalam kempen PRU Ke-13 Malaysia daripada akhbar *Sin Chew Daily* bermula awal bulan April 2013 sehingga akhir bulan Mei 2013 dipilih sebagai data kajian.

Akhbar *Sin Chew Daily* menjadi pilihan data kajian ini disebabkan akhbar ini merupakan akhbar yang mendapat liputan pembaca yang ramai. Menurut artikel Utusan Melayu (M) Bhd. yang dilaporkan oleh Zulkifli Jalil pada 20 Jun 2012, *Sin Chew Daily* merupakan akhbar paling laris di Malaysia dengan jumlah percetakan harian sebanyak 388, 240 pada akhir 2011. Buku terbitan *Sin Chew Daily* “*Lìshǐ xiě zài dà mǎ de tǔdìshàng*” (历史 写在大马的土地上)(2008:18-21) menyatakan, *Sin Chew*

*Daily* bukan sahaja laris di negara Malaysia sahaja, ia juga telah menjadi pilihan pembaca di negara Brunei, Thailand, Indonesia dan Kemboja. Nielson (2007) menyatakan bahawa daripada lebih kurang 6 juta penduduk Cina di Malaysia, seramai 1.2 juta adalah pembaca *Sin Chew Daily*. Pada tahun yang sama, daripada 26 jenis akhbar di Malaysia, *Sin Chew Daily* telah menjadi salah satu aliran akhbar yang terlaris di Malaysia. Kelebihan *Sin Chew Daily* menjadi akhbar terlaris dan mempunyai liputan pembaca yang ramai daripada akhbar Cina di Malaysia telah menjadi pilihan utama sebagai data kajian.

### 3.3 Prosedur Pengumpulan Data

Ruangan berita tempatan akhbar *Sin Chew Daily* dipilih untuk tujuan kajian ini, data direkod satu persatu mengikut tarikh terbitan akhbar secara teliti. Setiap lexis BC diklasifikasi mengikut suku kata, kemudian dianalisis struktur pembentukannya dan perubahan maknanya dibandingkan dengan makna asas menurut konteks politik dalam kempen PRU Ke-13 Malaysia.

Kajian ini tertumpu pada pemilihan lexis BC dalam konteks politik yang digunakan sepanjang tempoh kempen PRU Ke-13 Malaysia sahaja dan mengetepikan segala unsur yang lain. Pada permulaannya, sebanyak 161 lexis dikumpul, didapati kebanyakannya bukan lexis, tetapi adalah frasa dan tidak mengalami perubahan makna dalam konteks politik yang dikaji. Kemudian 161 lexis ini ditapis berulang kali, untuk pengkategorian suku kata lexis, pengkelasan struktur pembentukan lexis dan memastikan hanya lexis yang mempunyai peluasan makna, makna metafora dan makna pinjaman, dalam konteks politik dibanding dengan makna asas sahaja dipilih. Akhirnya 78 lexis dikenal pasti mengalami perubahan makna asas dengan merujuk kepada kamus *The Commercial Press*, Beijing 2012 iaitu “*Xiandai Hanyu Cidian*” Edisi keenam 《现代汉语词典，第6版》. Kamus tersebut dipilih sebagai rujukan kajian

kerana kamus ini merupakan kamus yang paling mantap di negara China. Menurut *Zhongguo Shehui Kexueyuan Yuyan Yanjiusuo* (中国社会科学院语言研究所) (2005:11-12), *Xiandai Hànyǔ Cídiǎn* (现代汉语词典), juga dikenali sebagai kamus Kontemporari Cina. Edisi pertama *Xiandai Hanyu Cidian* ialah satu jilid kamus BC yang telah memenangi Anugerah Buku Kebangsaan Pertama China dan telah disusun sebagai kerja rujukan untuk penutur asli moden Cina. Ia bukan sahaja menjadi bahan sandaran utama negara berkenaan malah menjadi pilihan utama pengguna kaum Cina di Malaysia khususnya. Kamus ini telah menjadi kamus yang pertama disusun mengikut *Hanyu Pinyin* bagi Republik Rakyat China. Edisi berikutan telah diterbitkan masing-masing pada tahun 1983, 1996, 2002, 2005, dan 2012. *Xiandai Hanyu Cidian* Edisi keenam mengandungi kira-kira 69,000 kata dasar, isi kandungan kamus termasuk huruf, perkataan dan ungkapan, frasa idiomatik dan simpulan bahasa.

### 3.4 Kaedah Pengkategorian Data

Data untuk mengenalpastian suku kata leksis dan pengkategorian struktur pembentukan leksis ditunjukkan dalam jadual mengikut pengkategorian leksis Ge (2009). Selepas itu, bentuk-bentuk leksis disusun daripada kekerapan paling tinggi sehingga kekerapan yang paling rendah di mana peratusan akan dikira.

### 3.5 Prosedur Penganalisisan Data: Analisis Kuantitatif

Analisi kuantitatif dilakukan ke atas 78 leksis BC mengikut suku kata, diikuti struktur pembentukannya. Contohnya: pembentukan leksis *su ān pútáo* “ „酸葡萄” dikategorikan sebagai leksis tiga suku kata bermakna, kata adjektif “*su ān* „酸” dengan kata nama “*pútáo* „葡萄” untuk membentuk leksis majmuk yang terdiri daripada kombinasi penerang dengan kata dasar. Kemudian setiap kali terjumpa leksis lain yang

mengandungi jenis pembentukan yang sama ataupun berlainan iaitu pembentukan leksis jenis berulang, pembentukan leksis kombinasi setara, pembentukan leksis kombinasi kata kerja dengan adverba, pembentukan leksis kombinasi subjek dengan predikat, pembentukan leksis kombinasi penerang dengan kata dasar, leksis itu dimasukkan ke dalam senarai data satu persatu mengikut tarikh terbitan akhbar. Apabila 78 leksis dalam akhbar *Sin Chew Daily* tersebut telah habis dipilih atau „ditapis“, maka lengkaplah jadual kekerapan leksis yang mengandungi enam jenis bentuk leksis, sila rujuk Lampiran B. Daripada jadual kekerapan, peratusan juga dikira untuk menunjukkan bahawa pembentukan leksis daripada kekerapan yang paling tinggi sehingga kekerapan paling rendah mengikut urutan. Isi jadual ini dianalisis bagi menentukan pembentukan leksis yang paling tinggi kekerapan penggunaannya, sila rujuk jadual 4.2.

### **3.6 Prosedur Penganalisisan Data: Analisis Kualitatif**

Kaedah kualitatif digunakan untuk menganalisis data yang dikumpul dalam bentuk jadual kekerapan yang telah dibuat semasa pengumpulan data. Penganalisisan kualitatif deskriptif berlandaskan teori-teori Ge (2009) merupakan kaedah yang paling sesuai bagi memperjelaskan makna pinjaman, makna bermetafora, makna yang diperluas berbanding dengan makna asas leksis BC dalam konteks politik PRU Ke-13 Malaysia.

Kamus terbitan *The Commercial Press*, Beijing 2012 iaitu “*Xiandai Hanyu Cidian*” Edisi keenam 《现代汉语词典，第6版》 dipilih sebagai rujukan utama untuk mendapatkan makna asas leksis-leksis BC kerana kamus tersebut mengandungi kira-kira 69,000 kata dasar, isi kandungan kamus termasuk huruf, perkataan dan ungkapan, frasa idiomatik dan simpulan bahasa. Kamus tersebut telah menjadi pilihan

utama pengguna kaum Cina di Malaysia kerana belum ada kamus BC terbitan tempatan setakat ini.

### **3.7 Kesimpulan**

Bab ini telah menunjukkan kerangka konsepsi kajian, reka bentuk kajian data dan metodologi yang digunakan dalam kajian ini. Prosedur yang terlibat dalam analisis data juga telah diterangkan dan diberikan contoh-contoh yang relevan dari data. Hasil kajian dan perbincangan akan dibentangkan dan dibincangkan dalam bab yang berikutnya.

## **BAB 4**

### **ANALISIS DATA**

Dalam bab ini, suku kata leksis BC dalam kempen PRU Ke-13 Malaysia dikira untuk mengetahui bilangan dan peratusannya. Selepas itu, struktur pembentukan leksis dianalisis jenis-jenis pembentukannya mengikut urutan kekerapan tertinggi. Hasil analisis yang ditunjukkan dalam jadual untuk memudahkan perbincangan lanjut. Kajian seterusnya akan membuat perbandingan sama ada leksis berkenaan mengalami perubahan makna asas.

#### **4.1 Jenis-jenis leksis BC yang digunakan dalam kempen PRU Ke-13 Malaysia Mengikut suku kata**

Bahagian ini bertujuan untuk menjawab soalan penyelidikan pertama, iaitu apakah jenis-jenis leksis BC yang digunakan dalam kempen PRU Ke-13 Malaysia mengikut suku kata.

78 leksis yang dikumpul boleh dikategorikan kepada 3 jenis mengikut suku kata, iaitu leksis yang mempunyai dwisuku kata (2 suku kata), trisuku kata (3 suku kata) dan 4 suku kata, sila lihat jadual 4.1.

Jadual 4.1: Suku Kata Leksis Bahasa Cina

| Bil | Suku Kata Leksis                                            | Contoh                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |
|-----|-------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1   | Leksis yang terdiri daripada 2 suku kata (dwisuku)<br>双音节词汇 | 1. <i>tiānbīng</i> 天兵<br>2. <i>jiànmǎ</i> 价码<br>3. <i>tiěpiào</i> 铁票<br>4. <i>tiěqiáng</i> 铁墙<br>5. <i>móguǐ</i> 魔鬼<br>6. <i>lǎocháo</i> 老巢<br>7. <i>láncháo</i> 蓝潮<br>8. <i>dàgē</i> 大哥<br>9. <i>kūzhī</i> 枯枝<br>10. <i>xīn xuè</i> 新血<br>11. <i>lǜdēng</i> 绿灯<br>12. <i>rèdiǎn</i> 热点<br>13. <i>nánchǎn</i> 难产<br>14. <i>huánghǎi</i> 黄海<br>15. <i>dà huò</i> 大镬<br>16. <i>fǎnfēng</i> 反风<br>17. <i>luǒ tuì</i> 裸退<br>18. <i>yí zhū</i> 遗珠<br>19. <i>pǎo piào</i> 跑票<br>20. <i>dào cài</i> 倒蔡<br>21. <i>hùháng</i> 护航<br>22. <i>huícháo</i> 回巢<br>23. <i>huíguō</i> 回锅<br>24. <i>lí cháo</i> 离巢<br>25. <i>shàilěng</i> 晒冷<br>26. <i>chūtóu</i> 出头<br>27. <i>miǎnyì</i> 免疫<br>28. <i>qiǎngtān</i> 抢滩<br>29. <i>zhuōguǐ</i> 捉鬼<br>30. <i>cāxié</i> 擦鞋<br>31. <i>pěngdàn</i> 捧蛋<br>32. <i>pàohuī</i> 炮灰 |
| 2   | Leksis yang terdiri daripada 3 suku kata (samsuku)<br>三音节词汇 | 1. <i>qiánxiàn zhōu</i> 前线州<br>2. <i>cǎogēn xíng</i> 草根型<br>3. <i>tiěniángzǐ</i> 铁娘子<br>4. <i>táifēng wěi</i> 台风尾<br>5. <i>huǒjiàn guǎn</i> 火箭馆<br>6. <i>hóushé bào</i> 喉舌报<br>7. <i>qián xiàn zhōu</i> “钱”线州<br>8. <i>dìtóushé</i> 地头蛇<br>9. <i>zhōngbǎi lùn</i> 钟摆论<br>10. <i>wénzi dǎng</i> 蚊子党                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     |

|   |                                                |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            |
|---|------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|   |                                                | 11. <i>jīn zhōng zhào</i> 金钟罩<br>12. <i>hóng máo rén</i> 红毛人<br>13. <i>hóngdòu bīng</i> 红豆兵<br>14. <i>suān pútáo</i> 酸葡萄<br>15. <i>zhòngpào shǒu</i> 重炮手<br>16. <i>lǎo dàgē</i> 老大哥<br>17. <i>xiǎo làjiāo</i> 小辣椒<br>18. <i>chòu dòufu</i> 臭豆腐<br>19. <i>dà huànxiě</i> 大换血<br>20. <i>lǎo huǒjiàn</i> 老火箭<br>21. <i>zào wángzhě</i> 造王者<br>22. <i>chūxiàn lǜ</i> 出线率<br>23. <i>tiàosǎn yuán</i> 跳伞员<br>24. <i>huímǎqiāng</i> 回马枪<br>25. <i>guòjiāng lóng</i> 过江龙<br>26. <i>bàijiā zǐ</i> 败家仔<br>27. <i>zhèn hàn dàn</i> 震撼弹<br>28. <i>qiāoqiāobǎn</i> 跷跷板<br>29. <i>huígōu ròu</i> 回锅肉<br>30. <i>cáng jìng rén</i> 藏镜人<br>31. <i>bōjiǎo yā</i> 跛脚鸭<br>32. <i>zhēng chūxiàn</i> 争出线<br>33. <i>qù hólán</i> 去“荷兰”<br>34. <i>chī zǐ dàn</i> 吃子弹<br>35. <i>zǒu hòu mén</i> 走后门<br>36. <i>huátiě lú</i> 滑铁卢<br>37. <i>wō lǐ fǎn</i> 窝里反<br>38. <i>bǎi shàng tái</i> 摆上台<br>39. <i>lán shuǐ xiāng</i> 蓝水箱<br>40. <i>máng fū sè</i> 盲肤色<br>41. <i>dà huànxiě</i> 大换血<br>42. <i>yí yè qíng</i> 一夜情 |
| 3 | Leksis yang terdiri daripada 4 suku kata 多音节词汇 | 1. <i>fēi xiàngguò hé</i> 飞象过河<br>2. <i>qīngtíng diǎnshuǐ</i> 蜻蜓点水<br>3. <i>lǎo māo shāo xū</i> 老猫烧须<br>4. <i>suō tóu wūguī</i> 缩头乌龟                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |

Terdapat 32 (atau 41.0%) leksis terdiri daripada dwisuku kata, 42 (atau 53.9%) leksis terdiri daripada trisuku kata, 4 (atau 5.1%) leksis terdiri daripada 4 suku kata. Dapatan kajian menunjukkan antara tiga jenis suku kata yang dikaji, leksis BC yang terdiri daripada 3 suku kata paling banyak diguna pakai iaitu sebanyak 42 item. Sebenarnya leksis yang terdiri daripada 2 suku kata merupakan salah satu ciri BC

moden kini, penggunaan leksis 3 suku kata melebihi 2 suku kata merupakan satu fenomena yang patut diberi perhatian. Kajian ini selaras dengan dapatan Sun (2015) yang juga menunjukkan leksis 3 suku kata lebih digunakan. Ciri-ciri pembentukan 3 suku kata yang jauh lebih fleksibel untuk direka cipta mungkin antara punca fenomena ini terjalini.

#### **4.2 Struktur pembentukan leksis BC yang digunakan dalam kempen PRU Ke-13 Malaysia**

Apakah struktur pembentukan leksis BC yang digunakan dalam kempen PRU Ke-13 Malaysia? Daripada 78 leksis yang terkumpul, dikenal pasti kesemuanya merupakan leksis majmuk (*héchéngcí* 合成词). Leksis majmuk kemudiannya dikelaskan kepada enam jenis menurut struktur pembentukannya iaitu leksis majmuk yang terbentuk daripada kombinasi penerang dengan kata dasar, di mana kata dasarnya sama ada terdiri daripada kata nama, kata kerja atau kata adjektif; leksis majmuk yang terbentuk daripada kombinasi kata kerja dengan kata nama; leksis majmuk yang terbentuk daripada kombinasi subjek dengan predikat; leksis majmuk yang terbentuk daripada kombinasi kata kerja dengan kata adverba; leksis majmuk yang terbentuk daripada kombinasi setara dan leksis majmuk yang terbentuk daripada kombinasi kata berulang.

**Jadual 4.2: Kekerapan Struktur Pembentukan Leksis**

| Bilangan | Struktur Pembentukan Leksis Majmuk                         | Bilangan Kekerapan Leksis | Peratusan |
|----------|------------------------------------------------------------|---------------------------|-----------|
| 1        | Penerang + Kata Dasar<br>P + KD<br>( <i>biān zhèng</i> 偏正) | 52                        | 66.7%     |
| 2        | Kata Kerja + Kata Nama<br>KK + KN<br>( <i>dòng bīn</i> 动宾) | 20                        | 25.6%     |
| 3        | Subjek + Predikat<br>S + P<br>( <i>zhǔwèi</i> 主谓)          | 3                         | 3.8%      |
| 4        | Kata Kerja + Adverba<br>KK + AVB<br>( <i>wèibǔ</i> 谓补/动补)  | 2                         | 2.6%      |
| 5        | Kombinasi Setara<br>KN + KN<br>( <i>bìngliè</i> 并列)        | 1                         | 1.3%      |
| 6        | Kombinasi Kata Berulang<br>KU<br>( <i>chóngdié</i> 重叠)     | 0                         | 0%        |
| Jumlah   |                                                            | 78                        | 100%      |

Jadual 4.2 menunjukkan bahawa leksis majmuk yang terbentuk daripada kombinasi penerang dengan kata dasar merupakan leksis yang paling banyak dalam dapatan kajian, manakala leksis majmuk yang terbentuk daripada kombinasi kata berulang tidak langsung wujud dalam dapatan kajian. Keadaan ini juga membuktikan leksis majmuk jenis kombinasi penerang dengan kata dasar 52 item (atau 66.7%) dan leksis majmuk jenis kombinasi kata kerja dengan kata nama 20 item (atau 25.6%) merupakan dua jenis struktur pembentukan leksis BC yang sering digunakan dalam kempen PRU Ke-13 Malaysia. Dapatan kajian pengkaji selaras dengan kajian Fan (2014) iaitu leksis majmuk yang terdiri daripada kombinasi penerang dengan kata dasar paling banyak dihasilkan dalam tempoh yang dikaji. Fan juga berpandangan bahawa leksis baharu yang direka cipta untuk keperluan pengguna banyak membantu pengguna bahasa untuk menginterpretasi makna dengan lebih berkesan.

#### **4.2.1 Leksis majmuk terbentuk daripada kombinasi penerang dengan kata dasar**

##### **4.2.1.1 Leksis majmuk kombinasi penerang dengan kata dasar di mana kata dasarnya adalah kata nama**

Secara keseluruhan, struktur pembentukan leksis majmuk jenis kombinasi penerang dengan kata dasar ialah sebanyak 52 item (atau 66.7%). Leksis jenis ini kata dasarnya boleh terdiri daripada kata nama, kata kerja atau kata adjektif. Dalam kajian ini, hanya kata dasar yang terdiri daripada kata nama dan kata kerja didapati. Leksis 2 suku kata di mana kata dasarnya ialah kata nama sebanyak 15 item (atau 19.2%), sebanyak 32 item (atau 41%) leksis 3 suku kata yang kata dasarnya ialah kata nama, dan hanya 1 item (atau 1.3%) leksis 4 suku kata yang kata dasarnya ialah kata nama, sila lihat jadual 4.3.

**Jadual 4.3: Struktur Pembentukan Leksis Majmuk:  
Kombinasi Penerang Dengan Kata Dasar (kata nama)**

| Jenis struktur pembentukan leksis                                           |                                                                                                                 | Contoh                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              |
|-----------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <p align="center">P + D<br/>Penerang + Dasar<br/>(<i>piān zhèng</i> 偏正)</p> | <p>Leksis terdiri daripada 2 suku kata dan kata dasarnya terbentuk daripada kata nama.</p> <p>双音节名词性的偏正式合成词</p> | 1. <i>tiānbīng</i> 天兵<br>2. <i>jiàmǎ</i> 价码<br>3. <i>tiě piào</i> 铁票<br>4. <i>tiě qiáng</i> 铁墙<br>5. <i>móguǐ</i> 魔鬼<br>6. <i>lǎocháo</i> 老巢<br>7. <i>lán cháo</i> 蓝潮<br>8. <i>dàgē</i> 大哥<br>9. <i>kū zhī</i> 枯枝<br>10. <i>xīn xuè</i> 新血<br>11. <i>lǜdēng</i> 绿灯<br>12. <i>rèdiǎn</i> 热点<br>13. <i>huánghǎi</i> 黄海<br>14. <i>dà huò</i> 大镬<br>15. <i>fǎn fēng</i> 反风                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              |
|                                                                             | <p>Leksis terdiri daripada 3 suku kata dan kata dasarnya terbentuk daripada kata nama.</p> <p>三音节名词性的偏正式合成词</p> | 1. <i>qiánxiàn zhōu</i> 前线州<br>2. <i>cǎogēn xíng</i> 草根型<br>3. <i>tiě niángzǐ</i> 铁娘子<br>4. <i>táifēng wěi</i> 台风尾<br>5. <i>huǒjiàn guǎn</i> 火箭馆<br>6. <i>hóushé bào</i> 喉舌报<br>7. <i>qián xiàn zhōu</i><br>“钱”线州<br>8. <i>dìtóushé</i> 地头蛇<br>9. <i>zhōngbǎi lùn</i> 钟摆论<br>10. <i>wénzi dǎng</i> 蚊子党<br>11. <i>jīn zhōng zhào</i><br>金钟罩<br>12. <i>hóngdòu bīng</i> 红豆兵<br>13. <i>yīyèqíng</i> 一夜情<br>14. <i>hóng máo rén</i> 红毛人<br>15. <i>suān pútáo</i> 酸葡萄<br>16. <i>zhòngpào shǒu</i><br>重炮手<br>17. <i>lǎo dàgē</i> 老大哥<br>18. <i>xiǎo làjiāo</i> 小辣椒<br>19. <i>chòu dòufu</i> 臭豆腐<br>20. <i>lǎo huǒjiàn</i> 老火箭<br>21. <i>lán shuǐxiāng</i> 蓝水箱<br>22. <i>chūxiàn lǜ</i> 出线率<br>23. <i>tiàosǎn yuán</i> 跳伞员 |

|  |                                                                                                             |                                                                                                                                                                                                                                                                            |
|--|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|  |                                                                                                             | 24. <i>huímǎqiāng</i> 回马枪<br>25. <i>guò jiāng lóng</i><br>过江龙<br>26. <i>bàijiā zǐ</i> 败家仔<br>27. <i>zhènhàn dàn</i> 震撼弹<br>28. <i>qiāoqiāobǎn</i> 跷跷板<br>29. <i>huíguōròu</i> 回锅肉<br>30. <i>cáng jìng rén</i> 藏镜人<br>31. <i>bōjiǎo yā</i> 跛脚鸭<br>32. <i>tuōchē jiě</i> 拖车姐 |
|  | Leksis terdiri daripada 4 suku kata dan kata dasarnya terbentuk daripada kata nama.<br><br>多音节名词性的偏正式固定结构词语 | 1. <i>suō tóu wūguī</i><br>缩头乌龟                                                                                                                                                                                                                                            |

Jadual 4.3 di atas menunjukkan leksis 2 suku kata jenis penerang dengan kata dasar di mana kata dasarnya ialah kata nama sebanyak 15 item (atau 19.2%). Daripada 15 item hanya 3 sahaja leksis 2 suku kata yang kata dasarnya merupakan kata nama orang iaitu *tiānbīng* 天兵, *móguǐ* 魔鬼, *dàgē* 大哥, 3 item leksis merupakan leksis 2 suku kata yang kata dasarnya ialah kata nama am merujuk kepada keadaan alam semulajadi iaitu *lán cháo* 蓝潮, “*cháo* 潮” ialah gelombang; *huánghǎi* 黄海, “*hǎi* 海” ialah laut; *fǎn fēng* 反风, “*fēng* 风” ialah angin. 9 leksis BC iaitu *jiànmǎ* 价码, *tiě piào* 铁票, *tiě qiáng* 铁墙, *lǎocháo* 老巢, *kū zhī* 枯枝, *xīn xuè* 新血, *lǜdēng* 绿灯, *rèdiǎn* 热点, *dà huò* 大镬 merupakan leksis 2 suku kata yang kata dasarnya *mǎ* 码(duit), *piào* 票 (tiket), *qiáng* 墙(dinding), *cháo* 巢(sarang), *zhī* 枝(ranting), *xuè* 血(darah), *dēng* 灯 (lampu), *diǎn* 点(titik), *huò* 镬(kuali) ialah kata nama am merujuk kepada benda.

Sebanyak 32 (atau 41%) leksis terdiri daripada 3 suku kata dan struktur pembentukannya terdiri daripada kombinasi penerang dengan kata dasar iaitu kata dasarnya adalah kata nama. Daripada 32 item leksis, sebanyak 15 item leksis 3 suku kata merujuk kepada orang, iaitu, *tiě niángzǐ* 铁娘子, *dìtóushé* 地头蛇, *wénzi dǎng* 蚊子

党, *hóngdòu bīng* 红豆兵, *hóng máo rén* 红毛人, *zhòngpào shǒu* 重炮手, *lǎo dàgē* 老大哥, *xiǎo làjiāo* 小辣椒, *lǎo huǒjiàn* 老火箭, *tiàosǎn yuán* 跳伞员, *guò jiāng lóng* 过江龙, *bàijiā zǐ* 败家仔, *cáng jìng rén* 藏镜人, *bōjiǎo yā* 跛脚鸭, *tuōchē jiě* 拖车姐. Antaranya, 8 item leksis 3 suku kata yang kata dasarnya ialah kata nama merujuk kepada orang, iaitu; *niángzǐ* 铁娘子-“*niángzǐ* 娘子”(wanita); *hóngdòu bīng* 红豆兵-“*bīng* 兵”(tentara ); *hóng máo rén* 红毛人-“*rén* 人”(orang ); *lǎo dàgē* 老大哥-“*gē* 哥”(abang); *tiàosǎn yuán* 跳伞员-“*yuán* 员”(ahli); *bàijiā zǐ* 败家仔-“*zǐ* 仔”(anak); *cáng jìng rén* 藏镜人-“*rén* 人”(orang); *tuōchē jiě* 拖车姐- “*jiě* 姐”(cik). 3 item leksis 3 suku kata yang kata dasarnya merujuk kepada haiwan, iaitu; *dìtóushé* 地头蛇- “*shé* 蛇”(ular); *guò jiāng lóng* 过江龙-“*lóng* 龙”(naga); *bōjiǎo yā* 跛脚鸭-“*yā* 鸭”(itik). 4 item leksis 3 suku kata yang kata dasarnya ialah terdiri daripada kata nama am, iaitu *wénzi dǎng* 蚊子党-“*dǎng* 党”(parti), *zhòngpào shǒu* 重炮手-“*shǒu* 手”(tangan), *lǎo huǒjiàn* 老火箭-“*huǒjiàn* 火箭”(roket), *xiǎo làjiāo* 小辣椒-“*làjiāo* 辣椒”(cili).

Hanya 1 item (atau 1.3%) leksis terdiri daripada 4 suku kata yang penerangnya adalah perbuatan *suō tóu* 缩头(mengecutkan kepala), dan kata dasarnya ialah kata nama *wūguī* 乌龟(kura-kura).

#### 4.2.1.2 Leksis majmuk kombinasi penerang dengan kata dasar di mana kata dasarnya ialah kata kerja

*Nánchǎn* 难产 dan *luǒ tuì* 裸退 merupakan 2 (atau 2.6%) leksis terdiri daripada 2 suku kata yang struktur pembentukannya terdiri daripada kombinasi penerang dengan kata dasar iaitu kata dasarnya adalah kata kerja. Leksis *nánchǎn* 难产, kata penerang *nán* 难(kesulitan) merupakan adjektif dan *chǎn* 产(bersalin) sebagai kata dasar merupakan kata kerja. *Luǒ tuì* 裸退 merupakan jenis leksis majmuk di mana kata

penerang *luǒ* 裸(telanjang) dan kata dasar *tùi* 退(undur), adalah terdiri daripada kata kerja. Leksis *wō li fǎn* 窝里反 dan *dà huànxuè* 大换血 ialah 2 (atau 2.6%) lexis 3 suku kata yang kata dasarnya *fǎn* 反(membalikkan) dan *huànxuè* 换血(pertukaran darah) adalah kata kerja, sila lihat jadual 4.4.

**Jadual 4.4: Struktur Pembentukan Leksis Majmuk:  
Kombinasi Penerang Dengan Kata Dasar (kata kerja)**

| Jenis struktur pembentukan lexis             |                                                                                                       | Contoh                                              |
|----------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------|
| P + D<br>Penerang + Dasar<br>(piān zhèng 偏正) | Leksis terdiri daripada 2 suku kata dan kata dasarnya terbentuk daripada kata kerja.<br>双音节动词性的偏正式合成词 | 1. <i>nánchǎn</i> 难产<br>2. <i>luǒ tùi</i> 裸退        |
|                                              | Leksis terdiri daripada 3 suku kata dan kata dasarnya terbentuk daripada kata kerja.<br>三音节动词性的偏正式合成词 | 1. <i>wō li fǎn</i> 窝里反<br>2. <i>dà huànxuè</i> 大换血 |

Terdapat 42 item lexis terdiri daripada lexis majmuk 3 suku kata. Kajian juga mendapati lexis majmuk 3 suku kata terdapat 2 jenis pola kombinasi struktur pembentukannya.

(1) Leksis majmuk di mana kata penerang terdiri daripada ekasuku kata, manakala kata dasarnya adalah terdiri daripada dwisuku kata.

Contoh:

|                         |   |                               |
|-------------------------|---|-------------------------------|
| <i>tiě</i> 铁 (penerang) | + | <i>niángzǐ</i> 娘子 (kata akar) |
| ↓                       |   | ↓                             |
| (Ekasuku kata)          | + | (Dwisuku kata)                |

Contoh-contoh yang lain adalah *suān pútáo* 酸葡萄, *lǎo dàgē* 老大哥, *xiǎo làjiāo* 小辣椒, *chòu dòufu* 臭豆腐, *lǎo huǒjiàn* 老火箭, *bǎi shàngtái* 摆上台,

*zǒuhòumén* 走后门, *dà huànxuě* 大换血, *zhēng chūxiàn* 争出线, *qù hélán* 去“荷兰”, *chī zǐdàn* 吃子弹, *huátiě lú* 滑铁卢, *máng fū sè* 盲肤色, *lán shuǐ xiāng* 蓝水箱. Sebanyak 15 item (atau 19.2%) leksis majmuk 3 suku kata yang terdiri daripada jenis pola kombinasi ini termasuk contoh yang diberi. Sila lihat jadual 4.5.

(2) Leksis majmuk di mana kata penerang terdiri daripada dwisuku kata, manakala kata dasarnya adalah terdiri daripada ekasuku kata.

Contoh:

|                               |   |                           |
|-------------------------------|---|---------------------------|
| <i>qiánxiàn</i> 前线 (penerang) | + | <i>zhōu</i> 州 (kata akar) |
| ↓                             |   | ↓                         |
| (Dwisuku kata)                |   | (Ekasuku kata)            |

Daripada 42 item leksis majmuk 3 suku kata, 27 item (atau 34.6%) leksis majmuk 3 suku kata termasuk contoh yang diberi ialah jenis pola kombinasi terdiri daripada kata penerang dwisuku kata, manakala kata dasarnya adalah terdiri daripada ekasuku kata. Contoh-contoh yang lain adalah *cǎogēn xíng* 草根型, *táifēng wěi* 台风尾, *huǒjiàn guǎn* 火箭馆, *hóushé bào* 喉舌报, *qián xiàn zhōu* “钱”线州, *dìtóushé* 地头蛇, *zhōngbǎi lùn* 钟摆论, *wénzi dǎng* 蚊子党, *jīn zhōng zhào* 金钟罩, *hóngdòu bīng* 红豆兵, *yīyèqíng* 一夜情, *hóng máo rén* 红毛人, *zhòngpào shǒu* 重炮手, *chūxiàn lǜ* 出线率, *tiàosǎn yuán* 跳伞员, *huímǎqiāng* 回马枪, *guò jiāng lóng* 过江龙, *bàijiā zǐ* 败家仔, *zhèn hàn dàn* 震撼弹, *qiāoqiāobǎn* 跷跷板, *huíguōròu* 回锅肉, *cáng jìng rén* 藏镜人, *bōjiǎo yā* 跛脚鸭, *tuōchē jiě* 拖车姐, *wō lǐ fǎn* 窝里反, *zào wángzhě* 造王者. Sila lihat jadual 4.5.

**Jadual 4.5: Pola Struktur Pembentukan Leksis Majmuk Trisuku Kata**

| <p>Leksis trisuku kata yang penerang dibentuk ekasuku kata, kata dasar dibentuk dwisuku kata.</p> <p>Leksis trisuku kata =<br/>Penerang (Ekasuku kata)<br/>+ kata akar (Dwisuku kata)</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                  | <p>Leksis trisuku kata yang penerang dibentuk dwisuku kata, kata dasar dibentuk ekasuku kata.</p> <p>Leksis trisuku kata =<br/>Penerang (Dwisuku kata)<br/>+ kata akar (Ekasuku kata)</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <ol style="list-style-type: none"> <li>1. tiě niángzǐ 铁娘子</li> <li>2. suān pútáo 酸葡萄</li> <li>3. lǎo dàgē 老大哥</li> <li>4. xiǎo làjiāo 小辣椒</li> <li>5. chòu dòufu 臭豆腐</li> <li>6. lǎo huǒjiàn 老火箭</li> <li>7. dà huànxuě 大换血</li> <li>8. zhēng chūxiàn 争出线</li> <li>9. qù hélán 去“荷兰”</li> <li>10. chī zǐdàn 吃子弹</li> <li>11. huátiě lú 滑铁卢</li> <li>12. máng fū sè 盲肤色</li> <li>13. bǎi shàngtái 摆上台</li> <li>14. zǒu hòumén 走后门</li> <li>15. lán shuǐxiāng 蓝水箱</li> </ol> | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. qiánxiàn zhōu 前线州</li> <li>2. cǎogēn xíng 草根型</li> <li>3. tái fēng wěi 台风尾</li> <li>4. huǒjiàn guǎn 火箭馆</li> <li>5. hóushé bào 喉舌报</li> <li>6. qián xiàn zhōu “钱”线州</li> <li>7. dìtóushé 地头蛇</li> <li>8. zhōngbǎi lùn 钟摆论</li> <li>9. wénzi dǎng 蚊子党</li> <li>10. jīn zhōng zhào 金钟罩</li> <li>11. hóngdòu bīng 红豆兵</li> <li>12. yīyèqíng 一夜情</li> <li>13. hóng máo rén 红毛人</li> <li>14. zhòngpào shǒu 重炮手</li> <li>15. chūxiàn lǜ 出线率</li> <li>16. tiàosǎn yuán 跳伞员</li> <li>17. huímǎqiāng 回马枪</li> <li>18. guò jiāng lóng 过江龙</li> <li>19. bài jiā zǐ 败家仔</li> <li>20. zhènhàn dàn 震撼弹</li> <li>21. qiāoqiāobǎn 跷跷板</li> <li>22. huíguōròu 回锅肉</li> <li>23. cáng jìng rén 藏镜人</li> <li>24. bōjiǎo yā 跛脚鸭</li> <li>25. tuōchē jiě 拖车姐</li> <li>26. wō lǐ fǎn 窝里反</li> <li>27. zào wángzhě 造王者</li> </ol> |

#### 4.2.2 Leksis majmuk terbentuk daripada kombinasi kata kerja dengan kata nama

Sebanyak 20 (atau 25.6%) leksis majmuk BC terbentuk daripada kombinasi kata kerja dengan kata nama, iaitu 14 item (atau 17.9%) terdiri daripada dwisuku, contohnya: *hùháng* 护航, *dào cài* 倒蔡, *zhuō guǐ* 捉鬼. 6 item (atau 7.7%) terdiri daripada trisuku

kata, contohnya; *chī zǐdàn* 吃子弹, *máng fū sè* 盲肤色, *zào wángzhě* 造王者. Contoh-contoh yang lain, sila lihat jadual 4.6 di bawah.

**Jadual 4.6: Leksis Majmuk Kombinasi Kata Kerja Dengan Kata Nama**

| Jenis struktur pembentukan leksis                                 |                                                                                                                             | Contoh                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            |
|-------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| KK + KN<br><br>Kata Kerja +<br><br>Kata Nama<br><br>(dòng bīn 动宾) | Leksis terdiri daripada 2 suku kata iaitu struktur pembentukannya terdiri daripada kata kerja dan kata nama<br><br>双音节动宾合成词 | 1. <i>hùháng</i> 护航<br>2. <i>huícháo</i> 回巢<br>3. <i>huíguō</i> 回锅<br>4. <i>lí cháo</i> 离巢<br>5. <i>shài lěng</i> 晒冷<br>6. <i>chūtóu</i> 出头<br>7. <i>miǎnyì</i> 免疫<br>8. <i>qiǎngtān</i> 抢滩<br>9. <i>zhuō guǐ</i> 捉鬼<br>10. <i>cā xié</i> 擦鞋<br>11. <i>pěng dàn</i> 捧蛋<br>12. <i>yí zhū</i> 遗珠<br>13. <i>pǎo piào</i> 跑票<br>14. <i>dào cài</i> 倒蔡 |
|                                                                   | Leksis terdiri daripada 3 suku kata iaitu struktur pembentukannya terdiri daripada kata kerja dan kata nama<br><br>三音节动宾合成词 | 1. <i>zhēng chūxiàn</i> 争出线<br>2. <i>qù hélán</i> 去“荷兰”<br>3. <i>chī zǐdàn</i> 吃子弹<br>4. <i>huátiě lú</i> 滑铁卢<br>5. <i>máng fū sè</i> 盲肤色<br>6. <i>zào wángzhě</i> 造王者                                                                                                                                                                            |

#### 4.2.3 Leksis majmuk terbentuk daripada kombinasi subjek dengan predikat

78 leksis yang dikumpul, tiada leksis majmuk kombinasi subjek dengan predikat yang terdiri daripada 2 suku kata dan 3 suku kata. 3 (atau 3.8%) leksis majmuk terbentuk daripada 4 suku kata yang pembentukannya terdiri daripada subjek (terdiri daripada kata nama atau kata ganti nama) dan predikat (terdiri daripada kata kerja atau kata adjektif). *Fēixiàng* 飞象 (gajah terbang), *qīngtíng* 蜻蜓 (pepatung), *lǎo māo* 老猫 (kucing tua) merupakan subjek (kata nama am) yang merujuk kepada binatang. *Guò hé*

过河 (melepassi sungai), *diǎnshuǐ* 点水 (menyentuh air), *shāo xū* 烧须 (membakar misai) merupakan predikat yang merujuk kepada aksi binatang tersebut, sila lihat jadual 4.7 di bawah.

**Jadual 4.7: Leksis Majmuk Kombinasi Subjek dengan Predikat**

| Jenis struktur pembentukan leksis                          |                                                                                                                                   | Contoh                                                                                                       |
|------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| S + P<br><br>Subjek + Predikat<br><br>( <i>zhǔ wèi</i> 主谓) | Leksis terdiri daripada 4 suku kata iaitu struktur pembentukannya terdiri daripada subjek dan predikat.<br><br><i>多音节主谓固定结构词语</i> | 1. <i>fēi xiàngguò hé</i><br>飞象过河<br>2. <i>qīngtíngdiǎnshuǐ</i><br>蜻蜓点水<br>3. <i>lǎo māo shāo xū</i><br>老猫烧须 |

#### 4.2.4 Leksis majmuk terbentuk daripada kombinasi kata kerja dengan adverba

2 item (atau 2.6%) leksis 3 suku kata yang terbentuk dengan kata kerja dengan adverba. *Bǎi* 摆 menunjukkan perbuatan meletakkan sesuatu benda dan *shàngtái* 上台 merupakan adverba iaitu arah sesuatu benda itu diletak. *Zǒu* 走 merupakan kata kerja jalan dan adverba *hòumén* 后门 merupakan tempat yang dituju iaitu pintu belakang, sila lihat jadual 4.8.

**Jadual 4.8: Leksis Majmuk Kombinasi kata kerja dengan adverba**

| Jenis struktur pembentukan leksis                                      |                                                                                                                         | Contoh                                                |
|------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------|
| KK + AVB<br><br>Kata Kerja +<br><br>Adverba<br><br>( <i>wèi bǔ</i> 谓补) | Leksis terdiri daripada 3 suku kata iaitu struktur pembentukannya adalah kata kerja dan adverba.<br><br><i>三音节谓补合成词</i> | 1. <i>bǎi shàngtái</i> 摆上台<br>2. <i>zǒuhòumén</i> 走后门 |

#### 4.2.5 Leksis majmuk terbentuk daripada kombinasi setara

Hanya 1 (atau 1.3%) leksis majmuk terbentuk daripada kombinasi kata sejenis. *Pào 炮* merupakan kata nama am bermaksud meriam, *huī 灰* ialah kata nama am bermaksud abu, kedua-dua leksem kata nama am ini bergabung untuk membentuk leksis majmuk setara kerana lesemnya terbentuk daripada golongan kata nama yang sama. Antara 6 jenis struktur pembentukan leksis, selain daripada leksis majmuk berulang tiada langsung penggunaannya dalam kajian ini, kombinasi setara merupakan kedua terakhir kurang penggunaan dalam data kajian, sila lihat jadual 4.9.

**Jadual 4.9: Leksis Majmuk Kombinasi Setara**

| Jenis struktur pembentukan leksis        |                                                                                                                                                  | Contoh              |
|------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------|
| Kombinasi Setara<br>( <i>Bìngliè</i> 并列) | Leksis kombinasi setara iaitu struktur pembentukannya terdiri daripada 2 suku kata iaitu gabungan kata nama + kata nama<br><br><i>双音节名词并列合成词</i> | 1. <i>pàohuī</i> 炮灰 |

#### 4.2.6 Leksis majmuk terbentuk daripada kombinasi kata berulang

Pembentukan leksis ulangan tidak wujud langsung dalam dapatan kajian. Perbincangan isu politik merupakan perkara yang lebih serius dan sensitif, pengguna masyarakat Cina tidak memilih leksis ulangan yang terdiri daripada kombinasi berunsur mesra dan rapat untuk menyuarakan ideologi politik mereka semasa kempen pilihan raya umum merupakan antara sebab dapatan kajian ini berlaku. Selain itu, skop data kajian hanya memfokuskan leksis BC yang berunsur konteks politik, kebarangkalian leksis ulangan wujud dalam bidang-bidang yang lain. Oleh sebab bidang lain bukan

merupakan skop kajian pengkaji, maka perkara tersebut tidak akan dibincangkan lebih lanjut di sini.

#### 4.3 Analisis Makna Leksis BC dalam Kempen PRU Ke-13 Malaysia

Makna leksis akan berubah dalam konteks yang berlainan jika dibandingkan dengan makna asas, makna berubah boleh ditentukan sama ada makna itu adalah makna metafora, makna peluasan atau makna pinjaman (Ge, 2009).

Bahagian ini menjawab soalan kajian yang ketiga, iaitu apakah perubahan makna leksis BC yang digunakan dalam kempen PRU Ke-13 Malaysia dibanding dengan makna asas leksis berkenaan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat 44 leksis mempunyai makna peluasan, 31 leksis mempunyai makna metafora, 3 sahaja leksis mempunyai makna pinjaman, jika dibandingkan dengan makna asas leksis yang berkenaan.

##### 4.3.1 Peluasan Makna Leksis dalam Kempen PRU Ke-13 Malaysia

###### 1. *Dàgē* 大哥 (Abang sulung / abang long)

Halaman 08 (1/4/2013)

他称，听闻民联如果胜出，伊斯兰党就会做“大哥”（big brother）有人说行动党倘若“做大”马来人的权益就会被边缘化。

Beliau berkata, khabar menyatakan bahawa jikalau Pakatan Rakyat telah memenangi pilihan raya, PAS akan menjadi **abang long**, ada juga menyatakan bahawa kalau DAP menjadi **abang long**, maka hak asasi orang Melayu akan dipinggirkan.

Maksud asas *dàgē* 大哥 ialah (1) anak lelaki pertama dalam keluarga; (2) panggilan hormat kepada orang yang sebaya kita. Leksis dalam konteks politik di sini

mengalami peluasan makna iaitu sebagai bos besar, orang yang paling berpengaruh atau mempunyai kuasa tertinggi antara parti dalam konteks budaya Cina.

## 2. *Lǎocháo* 老巢 (Sarang lama)

Halaman 09 (1/4/2013)

“邓回,老巢‘我弃国迎战’”

“Teng kembali semula menjadi calon undi di **sarang lama**, saya melepaskan peluang menjadi calon undi di dewan undangan parlimen dan beralih berjuang di dewan undangan negeri”

Makna asas *lǎocháo* 老巢 ialah tempat kediaman asal. Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng merasakan beliau tertipu dengan helah politik pengerusi BN Pulau Pinang Teng Chang Yeow yang mencabarnya bertanding di kerusi DUN Padang Kota kerana tidak menampakkan Teng berniat untuk menepati cabarannya sendiri. Teng Chang Yeow merupakan calon undi lama di Padang Kota Pulau Pinang bermula tahun 1995 sehingga 2008. Leksis *lǎocháo* 老巢 mengalami makna yang diperluas iaitu menjadi semula calon undi di tempat asas atau lama mengikut konteks yang tertera di akhbar.

## 3. *Hùháng* 护航 (Konvoi)

Halaman 21 (1/4/2013)

他反问，如果选举制度真的如部分人所指为国阵“护航”，没理由民联可赢得 5 州政权、.....

Beliau bertanya, kalau BN adalah di bawah **konvoi** sistem suruhanjaya pilihan raya, tidak mungkin Parti Pakatan Rakyat boleh memenangi lima kuasa pemerintahan negeri.

*Hùháng* 护航 mempunyai makna asas iaitu pengiring atau eskot kepada kapal atau kapal terbang. Leksis *hùháng* 护航 membawa perluasan makna dalam konteks

politik iaitu bukan sahaja mempunyai makna pengiring sahaja tetapi juga membawa maksud melindungi calon undi BN daripada dirampas kuasa dan dibuli oleh parti lain.

#### 4. *Huícháo* 回巢 (Kembali ke sarang)

Halaman 04 (1/4/2013)

林冠英说过，若邓章耀不“回巢”，一切免谈；邓章耀则一句“up to him（由林冠英决定）”，又把风波带回原点。

Lim Guan Eng berkata, jikalau Teng Chang Yeow tidak **kembali ke sarang**, dia menolak untuk perbincangan seterusnya, Teng pula membalas mengatakan “up to him”, jadi masalah yang sama kekal pada titik asalnya, iaitu tidak ada jalan penyelesaian antara mereka berdua.

Makna asas *huí* 回 (1) kembali; (2) memulangkan; (3) penjodoh bilangan bermaksud kali. *Cháo* 巢 bermaksud (1) sarang lama burung; (2) kawasan penguasaan penjahat. Makna *huícháo* 回巢 mengalami makna yang diperluas mengikut konteks politik iaitu Teng Chang Yeow kembali menjadi calon undi semula di Padang Kota, Pulau Pinang.

#### 5. *Huíguō* 回锅 (Balik semula ke kualiti)

Halaman 11 (7/4/2013)

„马依沙于 2008 年“回锅”中选宾冬州议员，或委为州大臣;.....

Mayisyah “**balik semula ke kualiti**” terpilih menjadi calon dewan undangan negeri di Bintong atau dilantik menjadi Menteri Besar negeri berkenaan.....

Leksis *huíguō* 回锅 bermakna memanaskan semula masakan yang separuh masak atau masak penuh di dalam kualiti. Leksis *huíguō* 回锅 mengalami peluasan makna iaitu Mayishah menjadi calon dewan undangan negeri semula di tempat yang sama atau asal iaitu Bintong. *Huíguō* 回锅 masih mengekalkan makna *huí* 回 “semula”, tetapi *guō* 锅 “kualiti” sudah berbeza makna dengan makna asas lexis berkenaan.

6. *Luǒ tuì* 裸退 (Berundur telanjang)

Halaman A7 (8/4/2013)

万一马华真的被迫“裸退”，政府和华社会有哪些对策？以下有一些联想，纯属瞎猜： .....

Jikalau MCA terpaksa **berundur telanjang**, apakah langkah susulan yang diambil oleh pihak kerajaan dan masyarakat Cina? Di bawah merupakan ramalan yang kemungkinan berlaku.....

*Luǒ* 裸 bermakna telanjang, tidak ada apa-apa untuk menutup badan; *tuì* 退 bermakna (1) undur; (2) meninggalkan; (3) bersara; (4) turun. Leksis *luǒ tuì* 裸退 merupakan lexis yang direka cipta yang membawa makna peluasan iaitu tidak memegang apa-apa jawatan dalam kabinet dalam konteks politik.

7. *Lí cháo* 离巢 (Meninggalkan sarang)

Halaman 12 (8/4/2013)

前首相敦马哈迪对民联大将“离巢”南下转攻国阵堡垒区， .....

Berkenaan dengan orang kuat Pakatan Rakyat **meninggalkan sarang** ke selatan untuk menentang kubu kuat BN, bekas Perdana Menteri Tun Mahathir berkata .....

*Lí cháo* 离巢 bermakna (1) meninggalkan sarang lama burung; (2) meninggalkan kawasan penguasaan penjajah. Leksis *lí cháo* 离巢 mempunyai makna yang diperluas iaitu calon undi Pakatan Rakyat khususnya calon undi DAP Lim Kit Siang meninggalkan tempat asal atau tempat lama undi iaitu utara-Ipoh Timur, Perak ke selatan-Gelang Patah, Johor untuk menjadi calon undi.

8. *Shài lěng* 晒冷 (Jemur sejuk)

Halaman A6 (8/4/2013)

在美丽的星期六晚上，观看电视直播，看国阵的竞选宣言，有一种在观赏赌神系列电影的感觉，而且是已经看到接近结局，主角要高喊“晒冷”的一刻，在赌桌上把所有筹码往前推的一幕。

Pada malam Sabtu yang indah, menonton siaran langsung manifesto pilihan raya BN di televisyen, umpama menonton siri babak wayang yang berkenaan dengan dewa judi, di mana sudah sampai cerita penghujung, pada masa saat-saat genting, watak utama berteriak “**jemur sejuk**”, selepas itu menolak kesemua duit pertaruhan ke depan.

*Shài lěng* 晒冷 merupakan leksis pinjaman kantonis yang bermaksud bertaruh berhabis-habisan apa-apa yang dimiliki orang yang berjudi. Leksis *shài lěng* 晒冷 mempunyai makna yang diperluas iaitu BN bertaruh berhabis-habisan melalui manifesto PRU 13 agar memenangi majoriti undi rakyat.

#### 9. *jià mǎ* 价码 (Harga pengukur)

Halaman 23 (13/4/2013)

他表示，据他了解，被收买的目标包括落选为候选人者、获选为候选人者及中选者，各有不同的“**价码**”从百万到千万不等。

Beliau berkata, mengikut pengetahuannya, sasaran yang dibeli termasuk calon yang gagal dalam pilihan raya, calon yang dipilih untuk bertanding dan calon menang dalam pilihan raya, masing-masing mempunyai **harga pengukur** yang berbeza, bermula dengan ratus juta sehingga ribu juta pun ada.

*Jià mǎ* 价码 bermakna nilai harga. *Jià mǎ* 价码 mengalami makna yang diperluas dalam konteks politik iaitu harga beli calon undi dengan nilai yang berbeza.

#### 10. *Chū tóu* 出头 (Menonjolkan kepala)

Halaman 10 (13/4/2013)

.....并称如马华正副部长不敢为蔡细历**出头**，他愿代蔡细历**出头**，在此届大选后换民联做政府来教训国阵。

.....beliau menyatakan bahawa jikalau Presiden dan Naib Presiden MCA tidak berani **menonjolkan kepala** bagi pihak Chua Soi Lek, beliau sanggup berbuat demikian bagi pihak Chua dengan cara pilihan raya kali ini dengan memilih Pakatan Rakyat menjadi kerajaan pentadbir dalam pilihan raya kali ini untuk memberi pengajaran kepada BN.

Leksis *chū tóu* 出头 bermakna (1) mengharungi keadaan yang miskin; (2) mengetuai sesuatu perkara. Leksis pinjaman dialek Hokkien ini mempunyai peluasan makna iaitu bersuara atau mengambil tindakan bagi pihak yang tidak dilayani dengan adil. Chua Soi Lek mantan Presiden MCA dikatakan tidak dilayani adil kerana tidak diberi muka oleh BN untuk mengekalkan calon MCA untuk bertanding di kawasan undi milik MCA.

#### 11. *Rèdiǎn* 热点 (kawasan hangat)

Halaman depan (14/4/13)

其中雪州以 20 个热点居首，其次是霹雳；柔佛被视为高度敏感区，其中昔加末、振林山、古来、居銮和峇吉里都被鉴定为热点。

Negeri Selangor telah menduduki tempat pertama kerana memiliki 20 **kawasan hangat** bertanding dalam pilihan raya, diikuti negeri Perak, negeri Johor merupakan kawasan saingan sengit yang utama. Segamat, Gelang Patah, Kulai, Kluang dan Bakri dari negeri Johor juga disahkan sebagai **kawasan hangat** bertanding.

Makna asas *rèdiǎn* 热点 merupakan tempat atau sesuatu masalah yang menarik perhatian orang ramai dalam suatu tempoh tertentu. Leksis *rèdiǎn* 热点 telah mengalami peluasan makna menurut konteks tertera iaitu kawasan pilihan raya yang dianggap saingan sengit daripada parti-parti bertanding.

#### 12. *Tiě piào* 铁票 (Tiket besi)

Halaman 08 (14/4/2013)

他今晚前往昔加末旧市区的夜市拜会选民后表示，在新加坡工作和居留的选民是民联的**铁票**，不能让这些选民无法回来投票的情况发生。

Selepas beliau pergi melawat pengundi di pasar malam Segamat malam ini, beliau berpendapat bahawa pengundi yang bekerja dan bermastautin di Singapura merupakan **tiket besi** kepada Pakatan Rakyat. Oleh itu, keadaan yang pengundi tidak jadi balik mengundi tidak boleh berlaku sama sekali.

*Tiě 铁* bermaksud (1) sejenis logam; (2) senjata; mempertahankan diri; (3) pendirian teguh; (4) muka serius. *Piào 票* bermaksud (1) kertas bukti; (2) duit kertas. Leksis *tiě piào 铁票* mempunyai peluasan makna iaitu kertas pengundi calon yang amat kukuh dan banyak.

### 13. *Miǎnyì 免疫* (antibodi)

Halaman 06 (15/4/2013)

原任巴西古当区国会议员莫哈莫卡立说，他对传言指他会在本届大选将弃国攻州，出任柔州州务大臣的说法已经“免疫”，并称他也不知道自己将上阵哪个议席。

Ahli parlimen Pasir Gudang Mohamed Khaled berkata, mengenai khabar angin mengatakan bahawa beliau telah beralih daripada kerusi undangan parlimen ke kerusi undangan negeri supaya boleh memegang jawatan sebagai Menteri Besar Johor sudah menjadi **antibodi** baginya. Sebenarnya dia sendiri pun tidak tahu mana satu kerusi undangan yang dia akan bertanding.

Makna asas leksis *miǎnyì 免疫* ialah daya ketahanan kesihatan yang semulajadi dan tidak mudah terkena penyakit. Leksis *miǎnyì 免疫* mempunyai makna yang diperluas iaitu ahli Parlimen Pasir Gudang Mohamed Khaled sudah memiliki daya ketahanan untuk menghadapi segala gosip terhadapnya mengikut konteks yang dinyatakan.

### 14. *Nánchǎn 难产* (Mengalami Kesulitan bersalin)

Halaman 04 (15/4/13)

另一方面，诺奥马不否认派系问题导致国阵候选人名单险些**难产**，但他强调，民联也是面对一样的问题，.....

Di samping itu, Noroma tidak menafikan bahawa disebabkan percanggahan pendapat antara aliran dalaman UMNO menyebabkan senarai calon undi hampir **mengalami kesulitan bersalin**, tetapi dia menekankan Pakatan Rakyat juga mengalami masalah yang sama.....

Leksis *nánchǎn* 难产 bermakna mengalami kesulitan bersalin atas sebab-sebab yang tertentu. Leksis ini mengalami makna yang diperluas mengikut konteks politik di akhbar iaitu senarai calon undi mengalami kesulitan dalam tempoh masa yang terdesak.

15. *Yí zhū* 遗珠 (Mutiara peninggalan)

Halaman 22 (17/4/2013)

被视为候选人名单的最大“遗珠”是全国公共服务及投诉局主任刘开强，以及中委兼蒲种区部主席，也是国阵蒲种国会选区协调官拿督卢永平。

**Mutiara peninggalan** yang paling utama dalam senarai calon undi ialah Pengerusi Biro Aduan dan Perkhidmatan Gerakan Pusat Lau Hoi Keong dan Datuk Lau Yeng Peng selaku AJK Pusat serta Pengerusi Kawasan Puchong, juga merangkap Pegawai Penyelaras BN dalam kerusi Dewan Undangan Parlimen Puchong.

Leksis *yí zhū* 遗珠 berasal daripada kiasan “*zhòng ní chēng guānguò zhī rén, jūn kěwèi cānghǎi yí zhū yǐ*” “仲尼称观过知仁，君可谓沧海遗珠矣” dalam buku Dinasti Tang “*Xīn tángshū· dírénjié chuán*” 《新唐书·狄仁杰传》. Buku ini mengisahkan *Dírénjié* 狄仁杰 semasa usia kanak-kanak, orang gaji di rumahnya telah mati dibunuh, bapa dan datuknya yang menjadi pegawai kerajaan ketika itu sibuk melayan soal siasat pegawai yang bertanggungjawab, hanya *Dírénjié* 狄仁杰 tidak memberi sebarang keterangan kerana tekun membaca buku yang mencatat orang-orang yang berakhlak mulia. *Dírénjié* 狄仁杰 dipersalahkan oleh pegawai setempat dengan kelakuannya yang kurang sopan. Beliau memberi alasan masanya lebih berharga jika digunakan untuk mengenali orang-orang yang berwibawa dan berakhlak mulia di dalam buku sejarah, daripada membuang masa untuk perkara yang remeh. Selepas itu, *Dírénjié* 狄仁杰 berpeluang dicadangkan untuk menjadi pegawai yang berpangkat tinggi. Malangnya, tidak lama kemudian *Dírénjié* 狄仁杰 dituduh rakan sejawat, pangkatnya diturunkan. Pegawai yang menyoal siasat *Dírénjié* 狄仁杰 ketika itu mendapatinya merupakan

seorang yang berkebolehan tetapi telah diberi jawatan yang tidak setimpal dengan kebolehannya. Semenjak itu, *Dírénjié* 狄仁杰 diberi peluang untuk memegang jawatan tinggi yang benar-benar setimpal dengan kebolehannya. Leksis *yí zhū* 遗珠 bermaksud orang yang berkebolehan tercidir daripada diberi peluang. Leksis *yí zhū* 遗珠 mempunyai peluasan makna iaitu calon undi Puchong yang berkebolehan iaitu Lau Hoi Keong dan Lau Yeng Peng yang rajin memberi khidmat nasihat di kawasan Puchong tercidir daripada senarai calon undi mengikut konteks yang dinyatakan.

#### 16. *Pàohuī* 炮灰 (Abu meriam)

Halaman 18 (17/4/2013)

“我们行动党有一个精神，我们没有怕字，兵来将挡水来土掩，我不要到古来当炮灰，希望大家能够不要让我当炮灰。”

“Dalam semangat DAP tidak ada soal takut. Kami akan mengatasi segala masalah dengan apa jua cara yang ada. Saya tidak ingin menjadi **abu meriam** di Kulai. DiDiharap DDiharap kalian.”

Leksis *pàohuī* 炮灰 bermaksud sudah binasa atau musnah menjadi abu. Leksis pinjaman Kantonis ini mengalami peluasan makna iaitu calon undi DAP Teo Nie Ching di Kulai menyeru agar pengundi mengundi padanya agar beliau tidak menjadi mangsa pengorbanan iaitu terkecundang dalam pilihan raya.

#### 17. *Tiě qiáng* 铁墙 (Tembok besi)

Halaman depan berita tambahan pilihan raya (20/4/2013)

火箭猛炸**铁墙**

Roket giat menghancurkan **tembok besi**

*Tiě* 铁 bermaksud (1) sejenis logam; (2) senjata mempertahankan diri; (3) pendirian teguh; (4) muka serius. *Qiáng* 墙 bermakna tembok. *Tiě qiáng* 铁墙

mempunyai makna peluasan dalam konteks politik iaitu parti DAP menemui parti lawan iaitu BN yang amat kukuh kedudukannya kerana BN telah mula mentadbir negara Malaysia sejak mencapai kemerdekaan.

18. *Qiǎngtān* 抢滩 (Merebut pantai)

Halaman 26 (21/4/2013)

.....25 名独立人士则分别在 12 个州议席**抢滩**，其中有 3 名独立人士提名的州选区，.....

.....25 orang calon bebas telah **merebut pantai** di 12 kerusi undangan negeri. Antara 12 kerusi undangan negeri, terdapat 3 orang calon bebas yang dicalonkan .....

*Qiǎngtān* 抢滩 bermaksud (1) mencari tempat cetek bagi kapal berlabuh untuk mengelakkan kapal karam; (2) merebut tempat yang paling menonjol bagi pangkalan tentera; (3) merebut pasaran dalam bidang perniagaan. Leksis *Qiǎngtān* 抢滩 dalam konteks ini mengalami peluasan makna daripada bidang perniagaan beralih kepada bidang politik iaitu merebut peluang menjadi calon undi.

19. *Móguǐ* “魔鬼” (Syaitan)

Halaman 12 (23/4/16)

提到伊斯兰党主席拿督斯里哈迪阿旺说，民联候选人中存有“魔鬼”候选人，卡巴星说，或许是指独立人士，不过他会进一步了解情况。

Apabila menyentuh persoalan yang dikemukakan oleh Pengerusi PAS Dato Seri Hadi Awang mengenai wujud calon undi “**syaitan**” dalam Pakatan Rakyat, Karpal Singh berkata, mungkin “syaitan” tersebut merujuk kepada calon bebas. Walau bagaimanapun, dia akan mengambil perhatian lanjut mengenai perkara ini.

*Móguǐ* 魔鬼 mempunyai makna asas iaitu (1) syaitan yang membahayakan nyawa manusia; (2) kuasa jahat manusia. Konteks politik leksis *móguǐ* 魔鬼 di sini

mempunyai peluasan makna iaitu calon undi yang memudaratkan parti. Menurut Pengerusi PAS Dato Seri Hadi Awang wujud calon undi yang mengancam kesepakatan antara parti dalam Pakatan Rakyat.

## 20. *Zhuō guǐ* 捉鬼 (Menangkap hantu)

Halaman 04 (3/5/2013)

他接受星洲日报询问时说，由于李志光在万津中华小学投票站外较积极的“捉鬼”，引起警方的注意。

Ketika ditemuramah oleh *Sin Chew Daily*, beliau berkata, oleh sebab Lee Chi Guang bersungguh-sungguh **menangkap hantu** di tempat undi Sekolah Rendah Cina Banting, perkara ini telah menarik perhatian pihak polis.

*Zhuō* 捉 adalah perbuatan menangkap, *guǐ* 鬼 bermaksud (1) roh orang yang sudah meninggal; (2) licik; (3) melakukan perbuatan jahat. Leksis *zhuō guǐ* 捉鬼 mempunyai makna yang diperluas dalam konteks politik iaitu perbuatan mencari dan menangkap warga asing yang menyamar diri sebagai calon mengundi tempatan. Warga asing dianggap sebagai *guǐ* 鬼(hantu) kerana mereka bukan merupakan warga negara Malaysia, dan tidak layak mengundi semasa pilihan raya umum, gelaran itu diberi oleh pengundi yang begitu benci dan marah dengan sikap sekian calon undi menggunakan taktik kotor untuk mendapatkan tiket undi warga asing yang haram semasa pilihan raya.

## 21. *Pǎo piào* 跑票 (Larian tiket undi)

Halaman 19 (4/5/2013)

.....不过从一些马来选票可窥见，出现严重跑票的局面，让民联候选人的选票不断紧追在国阵的后头.....

.....Tetapi melalui kertas undi Melayu didapati bahawa oleh sebab berlaku **larian tiket undi**, kertas undi.....

*Pǎo piào 跑票* bermakna pengundi setia yang selama ini menyokong calon sesuatu persatuan atau kelab semasa pemilihan ahli jawatan kuasa telah beralih kepada memilih calon baru. *Pǎo piào 跑票* mengalami peluasan makna dalam konteks politik iaitu larian tiket undi bukan sahaja berlaku di dalam kelab atau persatuan tetapi di bidang politik semasa pilihan raya umum.

## 22. *Dào cài 倒蔡* (Tumbang Chua)

Halaman 08 (4/5/2013)

“倒蔡”活动已经延烧至要求中央领袖集体总词，部分党员要求众领袖为败选负责。”

Aktiviti “**tumbang Chua**” telah merebak sampai meminta pemimpin majlis tertinggi parti bersuara sepakat, iaitu sebahagian ahli parti meminta pemimpin-pemimpin parti bertanggungjawab atas terkecundang dalam pilihan raya.

*Dào 倒* bermaksud (1) terbalikkan; (2) bergerak berlawanan arah; (3) keluarkan isi dari bekas; (4) berlawanan pemikiran. *Dào 倒* bergabung dengan *chē 车* untuk membentuk lexis *dào chē 倒车* bermaksud undur kereta; *Dào 倒* bergabung dengan *tùi 退* untuk membentuk lexis *dàotùi 倒退* bermaksud undur ke belakang; *Dào 倒* bergabung dengan *yǐng 影* untuk membentuk lexis *dàoyǐng 倒影* yang bermaksud bayang yang terbalik dan sebagainya. Lexis *dào cài 倒蔡* merupakan lexis yang direka cipta mempunyai peluasan makna desakan meminta Tan Sri Dr. Chua Soi Lek meletakkan jawatan sebagai presiden MCA ekoran kegagalan teruk MCA dalam PRU-13.

23. *Zào wángzhě* 造王者 (Raja pengubah)

Halaman 21 (1/4/2013)

选举委员会主席丹斯里阿都阿兹强调，来届大选选民才是决定“谁主江山”的**造王者**，不是选委会，他劝请候选人在大选败选时，不要一味将失败归咎选委会，而不检讨自身的问题。

Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya Tan Sri Abdul Aziz menekankan bahawa pilihan raya yang akan datang, calon pengundi merupakan **raja pengubah** yang menentukan kuasa pemerintahan dan bukannya Suruhanjaya Pilihan Raya. Beliau menasihati calon undi seharusnya membetulkan kesilapan diri dan bukan mempersalahkan Suruhanjaya Pilihan Raya atas terkecundang mereka dalam pilihan raya.

*Zào wángzhě* 造王者 bermaksud orang yang mampu menentukan keputusan terakhir. Leksis *zào wángzhě* 造王者 di sini telah membawa peluasan maksud dalam konteks tertera iaitu calon pengundi merupakan orang yang paling penting dan berkuasa dalam mengubah sesuatu keputusan pilihan raya.

24. *Chūxiàn lǜ* 出线率 (Peratusan keluar garisan)

Halaman 11 (2/4/2013)

.....但消息指出莫哈末晋并不会弃国攻州，因此拥有高学历和具有企业家形象的另一人选法迪，**出线率**较高。

.....tetapi berita menunjukkan Mohamad Zin tidak akan terpilih menjadi calon undangan negeri daripada calon parlimen. Oleh itu, calon undangan negeri Fadi yang memiliki ijazah tinggi dan pengalaman usahawan, peluang menjadikan **peratusan keluar garisan** lebih tinggi.

*Chūxiàn lǜ* 出线 bermakna perseorangan atau pasukan yang berpeluang mengambil bahagian dalam pertandingan yang dijalankan secara berperingkat. *Lǜ* 率 bermaksud peratusan. Leksis *chūxiàn lǜ* 出线率 mempunyai peluasan makna dalam konteks yang dinyatakan iaitu mempunyai peluang yang amat tinggi dipilih menjadi calon undi.

25. *Qiánxiàn zhōu* 前线州 (Negeri garisan depan)

Halaman 11 (2/4/2013)

.....从首相亲自到雪州坐镇领军强攻的形态可以理解，国政对雪州这个前线州志在必得，.....

.....Perdana Menteri telah memimpin sendiri para calon undi bersaing sengit di Selangor. Bolehlah kita ketahui BN tidak akan melepaskan peluang menjadikan Selangor sebagai **negeri garisan depan**.

Leksis *qiánxiàn* 前线 bermaksud tempat mara yang paling dekat dengan kedua-dua pihak tentera bertempur. Leksis *qiánxiàn zhōu* 前线州 mempunyai peluasan makna iaitu negeri harapan utama yang pasti akan menang dalam pilihan raya dalam konteks politik .

26. *Zhēng chūxiàn* 争出线 (Merebut keluar garisan)

Halaman 12 (2/4/2013)

.....大家一起来“拼服务，争出线”体现国政君子精神。

.....marilah bersama-sama berusaha memberi perkhidmatan, untuk **merebut keluar garisan** demi menunjukkan semangat budiman BN.

*Chūxiàn* 出线 bermakna perseorangan atau pasukan yang berpeluang mengambil bahagian dalam pertandingan yang dijalankan secara berperingkat. Leksis *zhēng chūxiàn* 争出线 mempunyai peluasan makna iaitu perbuatan merebut kelayakan menjadi calon undi.

27. *Qù “hélán”* 去“荷兰” (Pergi Belanda)

Halaman Depan (8/4/2013)

.....也要考虑到宋溪州选区的 22%印裔选民，若他们不愿意出来投票，马华也会去“荷兰”。

.....Perlu juga memikirkan 22 peratus calon mengundi kaum India. Jikalau mereka enggan keluar untuk mengundi, MCA juga akan “**pergi Belanda**”.

Dialek Hokkien perbuatan *holan*-kasi orang (*geiren* 给人), akan diikuti dengan kata perbuatan seterusnya *gan* 干-dirogol yang merupakan kata kesat orang Hokkien. Orang Hokkien yang budiman tidak menyebut „gan“ semasa pertuturan untuk menunjukkan kesopanan. Bunyi „holan“-kasi orang (*geiren* 给人) , sama bunyi dengan nama tempat „holan“-Belanda dalam dialek Hokkien yang bermaksud “mati”. Pinjaman leksis Hokkien ini membawa peluasan maksud iaitu kesilapan petunjuk orang lain menyebabkan Kekalahan teruk dialami dalam pilihan raya.

## 28. *Wō li fǎn* 窝里反 (Membalikkan sarang dari dalam)

Halaman 17 (8/4/13)

敦拉萨镇国会选区出现“反对陈氏家族政治”的布条，是马华的准候选人“窝里反”？

Kawasan pengundian Parlimen Pekan Tun Razak telah muncul sebanduk “menentang politik keluarga Tan”. Adakah ini bakal calon undi MCA yang **“membalikkan sarang dari dalam”**?

Leksis ini mempunyai makna asas iaitu berlaku perselisihan faham dalaman antara ahli keluarga. Leksis *wō li fǎn* 窝里反 membawa peluasan makna menurut konteks iaitu berlaku perselisihan faham atau perbalahan dalaman yang susah diselesaikan antara ahli dalam sesebuah parti.

## 29. *Huímǎqiāng* 回马枪 (Balas lembing atas kuda)

Halaman A4 (8/4/13)

公正党顾问拿督斯利安华说来霹雳州上阵，三天后要了一记回马枪，转个身就说不来了。

Penasihat Parti Keadilan, Dato Sri Anwar mengatakan bahawa beliau akan bertanding dalam pilihan raya di Perak. Tiga hari kemudian beliau **balas lembing atas kuda**, enggan bertanding seperti yang dijanjikan sebelum itu.

Leksis *huímǎqiāng* 回马枪 bermakna perbuatan menyerang balik musuh dengan menggunakan lembing ketika menunggang kuda. *Huímǎqiāng* 回马枪 telah mengalami peluasan makna iaitu daripada makna asas yang tertera di atas menjadi maksud mengubah keputusan secara mendadak atau tidak diduga dalam konteks yang dinyatakan.

30. *Táifēng wěi* 台风尾 (Ekor taufan)

Halaman 20 (13/4/2013)

.....做记者这些年来,我也曾多次被“台风尾”扫到,彭亨州早上 2004 年起,已取消了每星期三州行政议会后的新闻发布会, .....

.....menjadi pemberita selama ini, saya pernah berulang kali terkena **ekor taufan**. Sejak tahun 2004 negeri Pahang telah mengumumkan berita membatalkan mesyuarat majlis eksekutif setiap pagi hari Rabu.....

*Táifēng* 台风 merupakan sejenis angin taufan yang melanda Taiwan. Bencana alam *táifēng* 台风 menyebabkan banyak nyawa terkorban dan kehilangan harta benda. *Wěi* 尾 bermaksud (1) ekor; (2) penjodoh bilangan untuk ikan; (3) penghabisan. *Táifēng wěi* 台风尾 merupakan angin taufan pada saat-saat penghabisan. Leksis *táifēng wěi* 台风尾 daripada dialek Hokkien yang mempunyai peluasan makna iaitu menjadi mangsa atau orang yang dipersalahkan dalam sesuatu perkara yang tidak diduga.

31. *Huǒjiàn guǎn* 火箭馆 (Stadium roket)

Halaman depan (15/4/2013)

要想在振林山立足开火箭馆, 得先问我.....

Jikalau ingin menubuhkan **stadium roket** di Gelang Patah, perlu meminta keizinan daripada saya terlebih dahulu.....

Leksis *huǒjiàn* 火箭 bermakna roket, leksem *guǎn* 馆 bermakna stadium. *Huǒjiàn* 火箭(roket) di sini bukan merupakan sejenis pesawat berbentuk silinder yang dilancarkan dengan ledakan. “Roket” melambangkan DAP setelah ditubuhkan pada 3 Mac, 1966. *Huǒjiàn guǎn* 火箭馆 mengalami peluasan makna asas dalam konteks politik iaitu pusat gerakan parti DAP.

### 32. *Zhènhàn dàn* 震撼弹 (Bom kejutan)

Halaman 15 (15/4/2013)

正当砂民联的人民公正党及行动党还在为数个争议的议席僵持不下，其友党即伊斯兰党今日却率先宣布出战砂州 7 个国会选区的候选人，为民联投下一颗震撼弹。

Apabila 2 parti daripada Pakatan Rakyat Sabah iaitu Parti Keadilan dan DAP tengah berbincang siapakah yang lebih layak bertanding dalam kerusi undangan parlimen Sabah, tidak diduga rakan sepejuangan mereka PAS terlebih dahulu membuat pengumuman tujuh calon undi dari parti berkenaan akan bertanding di kerusi undangan parlimen. Ini merupakan **bom kejutan** bagi Pakatan Rakyat.

Leksis *zhènhàn* 震撼 bermaksud perkara atau berita yang mengejutkan. Leksem *dàn* 弹 bermaksud (1) bom; (2) peluru. *Zhènhàn dàn* 震撼弹 membawa maksud yang diperluas iaitu parti Keadilan dan DAP sama sekali tidak menduga parti sepejuangan mereka(PAS) demi kepentingan parti telah mengumumkan 7 calon undi dari parti berkenaan tanpa membuat perbincangan terlebih dahulu dengan mereka dalam konteks yang dinyatakan.

### 33. *Zhòngpào shǒu* 重炮手 (bom berat tangan)

Halaman 08 (16/4/2013)

他说，振林山国席拥有 53%华裔、34%巫裔及 12%印裔选民，是马华的传统堡垒区，他之前以为在振林山选区将会碰上马华的“重炮手”从未想过会碰上巫统的“大人物”。

Lim Kit Siang berkata, Gelang Patah mempunyai 53 peratus pengundi kaum Cina, 34 peratus pengundi kaum Melayu dan 12 peratus pengundi kaum India. Gelang Patah merupakan kubu kuat MCA selama ini. Beliau menyangka akan bertanding dengan “**bom berat tangan**” MCA di Gelang Patah, tidak diduga akan bertanding dengan “orang kuat” UMNO.

Makna asas leksis *zhòngpào shǒu* 重炮手 ialah serangan sengit pemain dalam bidang sukan. Leksis *zhòngpào shǒu* 重炮手 mempunyai peluasan makna dalam konteks politik iaitu calon undi penting dan terpengaruh dalam sesuatu parti. Peluasan maknanya telah beralih daripada orang penting di bidang sukan ke orang penting di bidang politik.

#### 34. *Lǎo dàgē* 老大哥 (Ketua pemimpin)

Halaman 08 (16/4/2013)

.....显示国阵对马华攻取该选区毫无信心，也体现了巫统作为国阵“**老大哥**”、一党独大的作风，完全不把其他成员党放在眼里。

.....ini menunjukkan BN tidak menaruh harapan langsung bahawa MCA mampu memenangi kawasan bertanding berkenaan. Ia juga membuktikan UMNO sebagai **Ketua pemimpin** BN, sebuah parti yang terbesar sekali langsung tidak peduli hak parti lain.

Maksud asas *lǎo* 老 adalah (1) antonim muda; (2) kata hormat bagi orang tua; (3) sudah lama; (4) asal; (5) meninggal dunia. *Dàgē* 大哥 adalah (1) anak lelaki pertama dalam keluarga; (2) panggilan hormat kepada orang yang sebaya kita. *Lǎo dàgē* 老大哥 mempunyai peluasan maksud iaitu ketua pemimpin utama, terpenting dan terpengaruh dalam konteks politik yang dinyatakan.

#### 35. *Huíguōròu* 回锅肉 (Daging masak semula dalam kualiti)

Halaman A5 (17/4/2013)

虽然我跟你一样在纳闷着，为什么这次有那么多“**回锅肉**”？但是我不得不佩服这些人的能耐，倒下了仍然坚持著，.....

Walaupun saya sama seperti kalian bertanya-tanya kenapa begitu banyak **daging masak semula dalam kualiti**, tetapi saya tetap kagum dengan kesabaran mereka. Selepas tewas masih bertahan untuk bangkit semula.....

Leksis *huígǔōròu* 回锅肉 terdiri daripada lexis tiga suku kata ini bermaksud daging yang dimasak berulang kali dalam kualiti. *Huígǔōròu* 回锅肉 telah mengalami peluasan makna dalam konteks yang dinyatakan iaitu calon undi lama yang berulang kali bertanding dalam pilihanraya .

### 36. *Dà huànxuè* 大换血 (Pertukaran darah besar-besaran)

Halaman 10 (20/4/2013)

公正党本届大选的柔佛州候选人大换血，在出战的 12 个国席和 12 个州席中，只有 2 个国席和 2 个州席的候选人是旧面孔。

Calon undi Parti Keadilan negeri Johor telah mengalami **pertukaran darah besar-besaran**. Antara 12 kerusi undangan parlimen dan 12 kerusi undangan negeri, hanya 2 daripada calon undi kerusi undangan parlimen dan 2 daripada calon undi kerusi undangan negeri ialah muka lama.

Makna asas *dà* 大 ialah (1) antonim kecil; (2) kata keterangan yang bermaksud dalam; (3) usia tua; (4) orang pertama dalam urutan; (5) besar-besaran. *Huànxuè* 换血 bermakna pertukaran sepenuhnya ahli-ahli dalam sesuatu organisasi. *Dà huànxuè* 大换血 mempunyai peluasan maksud iaitu rombakan pertukaran calon undi lama kepada calon undi baharu secara besar-besaran dalam konteks politik yang dinyatakan.

### 37. *Dìtóushé* 地头蛇 (Ular tempatan)

Halaman 02 (21/4/2013)

有拖车姐外号之称的黄糴璠上阵新古毛本来就不是一场容易打的仗，现在又遇到地头蛇拦路，情况堪忧。

Jessie Ooi Hui Wen yang mempunyai gelaran Cik Tarik Kereta ingin

bertanding di Kuala Kubu Bahru bukan merupakan satu perkara yang mudah. Tambahan pula terdapat **ular tempatan** yang menghalang kelancaran bertanding.

Leksis *dītóu* 地头 bermaksud tempatan, leksem *shé* 蛇 bermaksud ular. Ular di sini sebenarnya bukan merujuk kepada haiwan tetapi merujuk kepada orang tempatan yang amat kenal dengan latar belakang setempat. Leksis *dītóushé* 地头蛇 kini telah mempunyai peluasan makna iaitu calon undi tempatan yang amat kenal dengan latar belakang calon mengundi dalam konteks politik yang tertera.

38. *Cáng jìng rén* 藏镜人 (Penyorok cermin)

Halaman 11 (23/4/2013)

他强调，若证实“**藏镜人**”是党员，也应该一并开除，以便杀鸡儆猴。

Dia menekankan bahawa jikalau ahli parti terbukti merupakan **penyorok cermin** itu, sepatutnya keahliannya ditarik balik sebagai memberi amaran keras kepada ahli-ahli lain.

Makna asas *cáng jìng rén* 藏镜人 merujuk kepada watak jahat utama dalam pertunjukan boneka (glove puppetry). *Cáng jìng rén* 藏镜人 mengalami peluasan makna daripada makna asas kepada kepala penghasut ahli parti menyorok diri untuk melakukan sesuatu kejahatan tanpa pengetahuan parti dalam konteks yang dinyatakan.

39. *Huátiě lú* 滑铁卢 (Gelongsor tangki besi)

Halaman A2 (1/5/2013)

在 2011 年 416 州选举中，人联党在美里 3 个州议席上演**滑铁卢**，丢失埔奕和卑尔骚，在史纳汀也只是以区区 58 张多数票胜选，.....

Pada tahun 2011, sebanyak 416 kerusi bertanding dalam pilihan raya, 3 kerusi undangan negeri Parti Rakyat Bersatu Sarawak di Miri telah berlaku **gelongsor tangki besi**. Selain kehilangan 2 kerusi undangan negeri iaitu Pujut dan Piasau, di Senadin hanya memenangi 58 kertas undi sahaja.....

Leksis *huátiě lú* 滑铁卢 merupakan tempat Napoleon kalah dalam peperangan pada tahun 1815. Leksis *huátiě lú* 滑铁卢 dalam konteks ini telah mempunyai peluasan makna iaitu tempat kekalahan seseorang dalam pilihan raya umum.

40. *lǎo huǒjiàn* 老火箭 (Roket tua)

Halaman A6 (2/5/2013)

.....是一名务实勤奋服务人民，民联执政槟州的其中一名功臣，他的遭遇令老火箭心寒。

.....Beliau ialah seorang yang jujur, ikhlas dan rajin memberi layanan perkhidmatan kepada rakyat. Selain itu beliau juga merupakan salah seorang yang berjasa kepada Pakatan Rakyat Pulau Pinang, ketidakadilan layanan yang diterimanya menyejukkan hati **roket tua**.

*Lǎo* 老 bermakna (1) usia tua; (2) gelaran hormat bagi orang tua; (3) sudah wujud sejak dulu lagi; (4) lama; (5) asal. *Huǒjiàn* 火箭 bermaksud (1) sejenis pesawat berbentuk silinder yang dilancarkan dengan ledakan; (2) sejenis senjata peluru yang dilancarkan dengan ledakan. Roket di sini sebagai lambang DAP. *Lǎo huǒjiàn* 老火箭 mengalami peluasan maksud, iaitu merujuk kepada calon undi DAP yang telah lama menceburkan diri dalam parti DAP dalam konteks politik yang dinyatakan.

41. *Zhōngbǎi lùn* 钟摆论 (Teori bandulan jam)

Halaman A15 (3/5/201)

出现 6 角战的加影州议席则由公正党天兵李景杰脱颖而出，也成功中止加影州席自 90 年代开始就应验的钟摆论，他得票 1 万 9 千 571 张，以 6 千 824 张多数票击败原本备受看好，却只获得 1 万 2 千 747 张票的马华劲敌李万行。

DUN Kajang telah muncul perang 6 segi di mana orang baharu Parti Keadilan Lee Chin Cheh telah menang majoriti. Beliau berjaya juga mengubah sejarah **teori bandulan jam** di Kajang yang telah bermula sejak tahun 90-an. Beliau telah memenangi sebanyak 19,571 kertas undi, iaitu memperoleh majoriti kertas undi sebanyak 6,824, mengalahkan sengit calon undi MCA Lee Ban Seng yang hanya memperoleh 12,747 kertas undi.

*Zhōngbǎi lùn* 钟摆论 berasal daripada teori pendulum jam Christiaan Huygens dalam buku *Holorogium Oscillatorium* (1673). Christiaan Huygens (1629-1695) dari Belanda telah memberi sumbangan besar dalam bidang Matematik, Fizik dan astronomi. Teori bandulan jam memiliki waktu yang memerlukan benda untuk melakukan satu getaran secara lengkap mulai bergerak dari titik di mana benda tersebut dilepaskan dan kembali lagi ke titik tersebut. Jam pendulum merupakan pengukur waktu yang paling tepat di dunia. Leksis *zhōngbǎi lùn* 钟摆论 mempunyai peluasan makna dalam konteks politik di mana sejak tahun 90-an, DUN Kajang telah berlaku satu keadaan lumrah seperti teori bandulan atau pendulum jam iaitu kerajaan pemerintahan dengan parti pembangkang akan bergilir-gilir memenangi DUN dalam pilihan raya umum Malaysia. Tetapi keputusan PRU-13 Malaysia telah mengubah sejarah teori bandulan jam di Kajang kali ini kerana Pakatan Rakyat telah memenangi pilihan raya umum secara berturut-turut sejak PRU-12 Malaysia.

#### 42. *Bōjiǎo yā* 跛脚鸭 (Kaki itik tempang)

Halaman 19 (5/5/2013)

据报道，“跛脚鸭”间接指的是行动党及伊斯兰党拥护担任州最高职位的丹斯里卡立。较前有报道指阿兹敏曾因被忽视担任州大臣一职，而感到懊恼。

Menurut laporan akhbar, “**kaki itik tempang**” merujuk kepada Tan Sri Kalid yang disanjung oleh DAP dan Parti PAS kerana menyandang kerusi Menteri Besar di Selangor. Sebelum itu, ada laporan akhbar yang menyatakan bahawa Azmin pernah berasa kecil hati kerana disingkirkan daripada menyandang jawatan tersebut .

*Bōjiǎo yā* 跛脚鸭 telah diguna pakai pada kurun ke-18 di Bursa Saham London. Leksis ini merujuk kepada hutang pelabur lebih banyak daripada modal yang dilaburkan di bursa saham. Makna asas leksis ini merujuk kepada kecacatan itik menyebabkan pergerakannya jauh ketinggalan di belakang itik normal. Akibatnya ia

telah menjadi mangsa buruan dengan mudah. Leksis ini mempunyai peluasan maksud dalam konteks politik iaitu beralih daripada bidang ekonomi kepada bidang politik yang bermaksud pemimpin yang dilantik tidak memiliki kuasa yang sebenar.

43. *Máng fūse* 盲肤色 (buta warna kulit)

Halaman 11 (6/5/2013)

种族主义的言论在“第十三届大选后：马来人的政治去向”座谈会上被群众喝倒彩，朝野政党 3 名巫裔领袖认为大马政治已迈向“**盲肤色**”政治。

Ceramah isu-isu perkauman “Pasca PRU Ke-13: Ke mana Haluan Politik Melayu” telah diberi suara bu oleh para hadirin, ketiga-tiga pemimpin parti pembangkang berpendapat politik Malaysia telah menuju ke arah politik “**buta warna kulit**”.

*Máng* 盲 merujuk kepada (1) buta; (2) hilang daya perbezaan. *Fūse* 肤色 merujuk kepada warna kulit. Leksis *máng fūse* 盲肤色 diperluas makna daripada makna asas kepada ideologi politik yang tidak membezakan warna kulit tetapi untuk manfaat bersama antara kaum.

44. *Fēi xiàngguò hé* 飞象过河 (Gajah terbang melintasi sungai)

Halaman 6 (6/4/2013)

林吉祥飞象过河到柔佛州，用意就是要把巫统和马华连根拔起，.....

Lim Kit Siang umpama **gajah terbang melintasi sungai** ke negeri Johor sebenarnya berhajat menjatuhkan UMNO dan MCA sepenuhnya.....

Leksem *xiàng* 象 dalam catur Cina tidak boleh melepasi sungai yang merupakan garisan pemisah. *Fēi xiàngguò hé* 飞象过河 mempunyai peluasan maksud dalam konteks politik di mana calon undi demi manfaat tersendiri beralih dari kawasan undi asal ke kawasan undi yang baharu.

Terdapat 44 item leksis terdiri daripada leksis yang mengalami peluasan makna jika dibandingkan dengan makna asas. Antaranya 22 item merupakan leksis 2 suku kata bermakna, 21 item ialah leksis 3 suku kata bermakna. 1 item ialah leksis empat suku kata bermakna. Leksis “*lǎocháo* 老巢”, “*huícháo* 回巢”, “*lí cháo* 离巢” antara leksis yang mengulangi kata akar “*cháo* 巢” yang bermakna sarang burung, lebah atau semut; kawasan penguasaan penjahat. “*Cháo* 巢” di sini mengalami peluasan makna daripada sarang haiwan atau kawasan penguasaan penjahat beralih kepada tempat undi calon. Pengguna bahasa gemar menggunakan ekasuku leksis “*cháo* 巢” untuk menggantikan dwisuku leksis “*dìfāng* 地方” yang mempunyai makna yang sama disebabkan jimat dari segi penggunaan kata dan mesra pembaca.

“*Pǎo piào* 跑票”, “*tiě piào* 铁票” merupakan 2 item leksis yang menggunakan kata akar yang sama iaitu “*piào* 票” yang bermakna (1) kertas yang dijadikan bukti; (2) duit kertas; (3) orang tahanan penculik; (4) penjodoh bilangan – segudang. “*Piào* 票” mengalami peluasan makna iaitu merujuk kepada kertas undi. Kertas undi amat penting untuk caon undi semasa pilihan raya umum kerana majoriti kertas undi akan menjamin mereka menang dalam kerusi yang bertanding. Penggunaan kata akar “*piào* 票” memang boleh didapati dalam akhbar *Sin Chew Daily* saban hari.

Terdapat 5 item leksis makna peluasan yang menggunakan leksis pinjaman Kantonis untuk menyampaikan makna dengan lebih berkesan. Antaranya “*dìtóushé* 地头蛇”, “*shài lěng* 晒冷”, “*chūtóu* 出头”, “*pàohuī* 炮灰”, “*chòu dòufu* 臭豆腐”. Walaupun terdapat leksis BC yang boleh menggantikan leksis pinjaman yang dinyatakan, tetapi pemilihan penggunaan leksis pinjaman Kantonis masih berlaku adalah disebabkan golongan penutur Kantonis Malaysia membentuk suku dialek terbesar di Kuala Lumpur, Selangor, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Johor timur,

Sabah, Sandakan. Penutur memilih leksis pinjaman Kantonis yang lebih mendekati dengan bahasa penggunaan mereka saban hari untuk untuk maksud memesrakan komunikasi.

2 item leksis menggunakan leksis pinjaman Hokkien untuk menyampaikan makna peluasan iaitu “*qù hélán* 去“荷兰” dan “*táifēng wěi* 台风尾”. Penutur dialek Hokkien merupakan suku dialek bertapak di Johor barat, Klang, Melaka, Pulau Pinang, Kelantan, Terengganu, Kedah. Saluran Televisyen Malaysia juga menampilkan rancangan dialek Hokkien dari Taiwan memerangsang lagi penggunaan leksis pinjaman Hokkien di kalangan penutur kaum Cina. Leksis “*chūtóu* 出头” bukan sahaja merupakan leksis pinjaman Kantonis juga merupakan leksis pinjaman Hokkien yang membawa maksud peluasan iaitu bersuara atau mengambil tindakan bagi pihak yang tidak dilayani dengan adil. Leksis “*qù hélán* 去“荷兰” selain merupakan leksis pinjaman Hokkien yang mempunyai makna peluasan kesilapan petunjuk orang lain menyebabkan kekalahan yang teruk dialami dalam pilihan raya. Ia juga merupakan leksis pinjaman Kantonis yang membawa maksud tersirat “mati”.

#### 4.3.2 Makna Metafora Leksis BC dalam Kempen PRU Ke-13 Malaysia

##### 1. *Tiānbīng* 天兵 (askar langit)

Halaman 13 (1/4/2013)

虽然何国忠上阵的呼声最高，但是，不到最后一刻，还不知道是何国忠与刘镇东上演师徒之战？或是由马华副总会长颜炳寿对垒行动党的“天兵”刘镇东？

Walaupun seruan meminta Hou Kok Chung bertanding dalam pilihan raya adalah tertinggi, tetapi belum sampai saat-saat akhir, masih tidak tahu sama ada pertandingan pilihan raya kali ini adalah tentangan antara Hou Kok Chung dengan anak muridnya Liew Chin Tong, atau naib presiden MCA Gan Ping Shou bertentangan dengan **askar langit** DAP Liew Chin Tong ?

Maksud asas *tiānbīng* 天兵 adalah (1) askar dari langit; (2) askar yang berani dan pandai berperang; (3) askar milik kerajaan purba. Leksis ini telah mengalami perubahan makna daripada makna asas iaitu makna yang mengibaratkan atau makna metafora iaitu calon pilihan raya bukan dari kawasan setempat tetapi dari tempat lain dalam konteks yang dinyatakan.

## 2. *Fǎn fēng* 反风 (anti angin)

Halaman 08 (1/4/2013)

.....这次大选，令他感受到文冬吹起反风，如果这股反风强大，将会席卷整个马来西亚，改朝换代。

.....pilihan raya kali ini, membuatnya terasa telah bangkitnya **anti angin** di Bentong. Jikalau anti angin ini cukup kuat, maka akan berleluasa sehingga seluruh Malaysia menyebabkan pertukaran rejim.

Makna asas *fǎn fēng* 反风 adalah angin yang datang dari arah yang bertentangan. Makna leksis *fǎn fēng* 反风 dalam konteks politik ini diibaratkan perasaan ketidakpuasan rakyat jelata terutama masyarakat Cina terhadap kerajaan pemerintahan. Rasa ketidakpuasan ini telah disalurkan melalui gerakan seperti tunjuk perasaan, mogok, perhimpunan senyap dan sebagainya.

## 3. *Láncháo* 蓝潮 (gelombang biru)

Halaman 06 (1/4/2013)

.....“我们是可以改变，我们就把吉兰丹、雪兰莪、檳城和直辖区都变为蓝潮，成为国阵执政的州属。”.....

Kami boleh berubah. Kami boleh mengubah negeri Selangor, Pulau Pinang dan Kuala Lumpur kepada **gelombang biru** sehingga menjadi negeri pemerintahan Barisan Nasional.

*Lán* 蓝 membawa maksud biru, *cháo* 潮 membawa maksud 1.gelombang air, 2.basah, 3.trend. Dalam konteks ini, *láncháo* 蓝潮 mengibaratkan parti pemerintahan demokrasi negara iaitu Barisan Nasional yang terdiri daripada gabungan parti perikatan iaitu UMNO, MCA dan MIC menurut konteks politik kerana biru adalah warna rasmi parti Barisan Nasional sejak 1 Jun 1974.

#### 4. *Kū zhī* 枯枝 (Ranting kering)

Halaman 03 (3/4/2013)

纳吉是针对前财政部长敦达英认为其现有内阁班底存在太多“枯枝”应大刀阔斧注入“新血”时，作出上述回应。

Najib telah memberi maklum balas mengenai apa yang dikatakan oleh bekas/mantan Menteri Kewangan Tun Daim iaitu terlalu banyak **ranting kering** dalam kabinet. Kini seharusnya banyak memasukkan darah baharu.

*Kū zhī* 枯枝 membawa makna asas ranting yang sudah kering, pucat dan tidak bermaya. *kū zhī* 枯枝 dalam konteks politik di sini diibaratkan sebagai calon uzur dan lama. Tun Daim berpendapat terlalu ramai calon undi dalam kabinet terdiri daripada calon lama yang sudah uzur.

#### 5. *Xīn xuè* 新血 (Darah baharu)

Halaman 03 (3/4/13)

纳吉是针对前财政部长敦达英认为其现有内阁班底存在太多“枯枝”应大刀阔斧注入“新血”时，作出上述回应。

Najib telah memberi maklum balas mengenai apa yang dikatakan oleh bekas/mantan Menteri Kewangan Tun Daim iaitu terlalu banyak ranting kering di dalam kabinet kini, seharusnya banyak memasukkan **darah baharu**.

“*Xīn* 新” bermakna (1) membaiki (melakukan sesuatu, mengubah dan lain-lain) supaya sesuatu menjadi baharu; (2) mengulangi lagi; (3) menyatakan atau

menukarkan (sesuatu) dengan yang baru; (4) orang atau perkara baru. Manakala “*xuè 血*” bermakna darah. Leksis *xīn xuè 新血* merupakan leksis yang direka cipta yang membawa makna metafora iaitu orang baharu dalam sesuatu .

#### 6. *Lǜdēng 绿灯* (Lampu hijau)

Halaman 06 (13/4/2013)

据了解，在纳吉没亮出“**绿灯**”前，一班准候选人都按兵不动，对外“噤声”，避免在最终名单公布前徒生风波。

Difahamkan bahawa, sebelum Najib menyalakan “**lampu hijau**”, kumpulan bakal calon undi yang akan bertanding dalam pilihan raya hanya berdiam diri mengenai senarai calon undi pilihan raya untuk mengelakkan sebarang perkara yang tidak diingini berlaku.

Maksud asas *lǜdēng 绿灯* adalah salah satu warna lampu isyarat selain warna merah dan warna kuning, apabila lampu isyarat warna hijau dinyalakan bermaksud boleh berjalan. Leksis lampu hijau dalam konteks politik di sini bermaksud metafora iaitu membawa maksud memberi kebenaran mengumumkan berita berkenaan dengan senarai calon undi pilihan raya.

#### 7. *Huánghǎi 黄海* (Laut kuning)

Halaman 10 (23/4/13)

.....呼吁大马人民从今日起至 5 月 5 日的投票日，把大马“染成”一片**黄海**。

.....menyeru kepada rakyat Malaysia mulai dari hari ini sehingga 5 Mei tarikh mengundi, menjadikan Malaysia dibanjiri **laut kuning**.

*Huáng 黄* bermakna (1) sejenis warna; (2) emas; (3) kandungan anasir kuning(seks); (4) gagal dalam sesuatu rancangan; (5) sungai *Huánghé 黄河* di negara China; (6) gelaran maharaja China. *Hǎi 海* bermakna (1) laut; (2) bilangan banyak dari kategori yang sama; (3) banyak (dialek); (4) kata sendi dialek, tidak sekat. Leksis *huá*

*ngh ăi 黄海* merupakan leksis yang direka cipta dengan mengibaratkan bilangan pengikut yang ramai menyertai kempen gelombang kuning. Pengikut-pengikut yang melaungkan slogan “bersih” memakai pakaian kuning berkumpul bersama-sama kelihatan seperti laut kuning.

#### 8. *Dà huò* 大镬 (Kuali besar)

Halaman depan (24/4/2013)

我是清白的，无惧人家天天说要爆，**大镬**“你们可以去问安邦再也市议会、市议员，最清洁的就是李映霞。

Saya tidak bersalah. Tidak takut kepada sesiapa yang ingin mendedahkan **kuali besar**. Kamu semua boleh pergi bertanya kepada Majlis Perbandaran, orang Majlis Bandaran Ampang Jaya. Calon undi yang paling bersih ialah saya, Janice Lee Ying Ha.

*Dà huò* 大镬 adalah dialek Kantonis yang bermaksud kuali besar yang digunakan untuk memasak. Leksis *dà huò* 大镬 mengibaratkan isu besar yang mengejutkan. Janice Lee Ying Ha merupakan penyandang Ahli DUN Teratai, ingin mendedahkan isu besar yang mengejutkan parti DAP setelah tuduhan Jawatankuasa Disiplin parti tersebut mengenai beliau menyalahguna kuasa dan mengambil rasuah dalam usaha menaik taraf tembok keselamatan di Taman Seraya, sedangkan beliau tidak diberi peluang memberi keterangan semasa mesyuarat pendengaran Jawatankuasa Disiplin.

#### 9. *Pěng dàn* 捧蛋 (Menatang telur)

Halaman 13 (5/5/2013)

他也抨击姚再添，指后者领军的森州马华，在本届大选中**捧蛋**，连唯一的州议席都输掉。

Beliau juga mengkritik Yeow Chai Thiam, MCA Negeri Sembilan di bawah pimpinannya telah **menatang telur** semasa pilihan raya. Hanya satu-satunya dewan undangan negeri juga mengalami kekalahan.

*Pěng 捧* bermakna (1) perbuatan menatang; (2) penjodoh bilangan; (3) perbuatan memuji yang berlebihan. *Dàn 蛋* bermakna (1) telur yang dihasilkan burung, ular, kura-kura dan sebagainya; (2) benda berbentuk bulat. Leksis *pěng dàn 捧蛋* mempunyai perubahan makna yang diibaratkan sebagai tidak mendapat kemenangan langsung dalam pilihan raya mengikut konteks politik.

#### 10. *Cā xié 擦鞋* (Menggosok kasut)

Halaman 13 (5/5/2013)

他表示，姚再添要“擦鞋”是他的自由，但他看不到马华真的惨败的原因，眼中只看见蔡细历.....

Beliau berkata, Yeow Chai Thiam ingin **menggosok kasut** adalah hak kebebasannya, tetapi dia tidak nampak masalah kegagalan MCA dalam pilihan raya. Beliau hanya berfokus kepada Chua Soi Lek.....

Leksis *cā xié 擦鞋* merupakan leksis dialek Kantonis yang bermakna perbuatan mengosok kasut. Leksis ini mengibaratkan sikap memuji-muji yang keterlaluan, menyejek Yeow Chai Thaim yang terlalu memuja matan Presiden MCA Chua Soi Lek.

#### 11. *Tiàosǎn yuán 跳伞员* (Ahli payung terjun)

Halaman 16 (4/4/13)

.....曾派发传单及设面子书专页表明他们拒绝“跳伞员”候选人，并且全力支持赛哈密阿里竞选峇株巴辖国席。

.....mereka pernah menolak calon undi “**payung terjun**” melalui risalah dan facebook, dan menyokong sepenuhnya Said Hamid Ali bertanding dalam kerusi Parlimen Batu Pahat.

Makna asas *tiàosǎn yuán 跳伞员* ialah orang yang terjun dari kapal terbang dengan menggunakan payung terjun. Leksis *tiàosǎn yuán 跳伞员* telah mengalami perubahan makna. Ia mengibaratkan calon undi baru atau tidak kekal di sesuatu tempat mengikut konteks politik.

12. *Jīn zhōng zhào* 金钟罩 (Topeng emas)

Halaman A5 (8/4/2013)

靠你的大臣金钟罩挡火箭了.....

Bergantung pada **topeng emas** Menteri Besar untuk menentang roket.....

*Jīn zhōng zhào* 金钟罩 merupakan salah sejenis ajaran seni mempertahankan diri tradisional yang penting di negara China. Pengikut-pengikut ajaran memerlukan daya kegigihan, ketekalan dan kecekapan yang amat sangat untuk menguasai kemahiran. *Jīn zhōng zhào* 金钟罩 begitu diminati oleh pengikut ajaran tersebut, mereka mempercayai setelah menguasai ilmu kemahiran berkenaan, seseorang itu akan kalis senjata tajam, tidak takut pada api, malah kalis peluru. Leksis ini mengalami perubahan makna iaitu daripada seni mempertahankan diri kepada mengibaratkan Menteri Besar Johor sebagai pelindung untuk menentang calon undi DAP dalam konteks yang dipaparkan.

13. *Bǎi shàngtái* 摆上台 (Meletakkan..... di pentas)

Halaman 03 (8/4/2013)

.....这是国阵要把阿都干尼“踢”掉而将大臣“摆上台”的招数，.....

.....ini adalah BN ingin menukar Abdul Ghani dan taktik “**meletakkan**” Menteri Besar “**di pentas**”.....

Leksis *bǎi shàngtái* 摆上台 bermaksud meletakkan sesuatu di atas pentas. Leksis ini mengalami perubahan makna iaitu mengibaratkan dianiaya atau diperalatkan. BN dituduh menganiaya, memperalatkan Menteri Besar Johor Abdul Ghani.

14. *Guò jiāng lóng* 过江龙 (Naga yang menyeberangi sungai)

Halaman 16 (11/4/13)

“不管是当地人还是过江龙上阵，我们都要沉着应战，这次大选的局势和之前大不同，我们不可掉以轻心。”

“Tidak kira orang tempatan atau **naga yang menyeberangi sungai**, kami perlu bertanding secara bijak. Keadaan pilihan raya kali ini jauh berbeza dari dahulu. Kami tidak patut menganggap sebagai perkara remeh.

*Guò jiāng lóng* 过江龙 merupakan lexis yang bermakna sejenis ular bisa iaitu ular tedung. Lexis ini telah mengalami perubahan makna daripada makna asas ular tedung kepada makna konteks iaitu mengibaratkan calon undi dari tempat lain.

15. *Cǎogēn xíng* 草根型 (jenis akar rumput)

Halaman 09 (11/4/2013)

配合林吉祥 士姑来须派**草根型**人选。

Demi mengikut langkah Lim Kit Siang, Skudai perlu menghantar calon **jenis akar rumput**.

Lexis *cǎogēn* 草根 bermaksud akar rumput. Lexis ini muncul pada kurun ke 19. Pada ketika itu, Amerika Syarikat serius dalam soal menggali emas. Mereka percaya bahawa kawasan permukaan yang subur dengan tumbuhan rumput, maka akan terkandung emas di bawah lapisan permukaan. Lexis ini telah mengalami perubahan makna daripada makna asas akar rumput kepada makna metafora memilih calon undi jenis golongan umum untuk bertanding dalam pilihan raya umum.

16. *Hóngdòu bīng* 红豆兵 (Tentera kacang merah)

Halaman 12 (13/4/2013)

由于今届大选空前激烈，朝野政党施浑身解数想尽点子赢得大选。目前网络已充斥红豆兵、黄豆兵和绿豆兵等网络军团，这些网络军在网络上试图造谣、诽谤和谩骂等，.....

Oleh sebab saingan sengit pilihan raya kali ini, parti pembangkang telah berjuang habis-habisan untuk memenangi pilihan raya. Setakat ini, internet telah dibanjiri **tentera kacang merah**, tentera kacang kuning, tentera kacang hijau dan pejuang-pejuang lain melalui internet. Pejuang internet ini cuba membuat khabar angin, memfitnah dan memaki-hamun melalui laman web.....

*Hóngdòu* 红豆 bermaksud biji saga atau kacang merah. *Bīng* 兵 bermaksud

1. askar; 2. senjata; 3. pangkat terendah dalam pasukan tentera. Leksis *hóngdòu bīng* 红豆

兵 merupakan lexis yang direka cipta dan mempunyai makna metafora iaitu organisasi

internet yang bergerak sepasukan umpama *Bīng* 兵 (tentera) kerana ahli-ahlinya terdiri daripada rakyat biasa tetapi memiliki doktrin yang sama dalam bidang politik.

*Hóngdòu* 红豆 merupakan gelaran organisasi tersebut. *Hóngdòu bīng* 红豆兵

ditubuhkan pada Februari tahun 2013 di Malaysia. Organisasi internet ini bergerak aktif

secara kumpulan di halaman khas Facebook. Ia merupakan organisasi yang memberi

banyak komennya dalam bidang politik. Pada permulaan, organisasi internet ini hanya

terdiri daripada 22 orang kenalan lama yang sama-sama memiliki doktrin yang sama

dalam bidang politik. Tentera kacang merah meluahkan pandangan politik mereka

melalui penulisan yang tajam dan bukti pengumpulan data. Organisasi ini mengadakan

perdebatan yang ketara dengan pengguna internet pro-BN. Penggunaan kata-kata sengit

mereka dalam perdebatan menyebabkan penyokong pro-BN mempunyai pandangan

negatif terhadap organisasi berkenaan. Pada bulan Mei 2013 sebelum pilihan raya,

bilangan ahli organisasi telah meningkat kepada 350 orang ahli ekoran kemasukan etnik

Melayu secara rasmi.

#### 17. *Chī zǐ dàn* 吃子弹 (Makan peluru)

Halaman 17 (13/4/2013)

.....“吴池池，东甲你一定赢”!就在他礼貌道谢后，对方随即爆粗，接着说：“你就等着吃子弹”!

.....“Goh Tee Tee, kamu pasti menang di Tangkak”! Setelah dia berterima kasih dengan sopan, pihak lawan seterusnya marah dengan kasar “awak tunggu untuk **makan peluru**”

*Chī* 吃 bermaksud makan. *zìdàn* 子弹 bermaksud peluru. Kedua-dua leksem digabungkan akan membawa makna metafora iaitu kena tembakan pistol atau senapang dan bukan seperti makna asas yang dijelaskan. Ancaman “makan peluru” merupakan taktik menghalang Goh Tee Tee daripada menjadi calon undi di Tangkak.

18. *Tiě niángzǐ* 铁娘子 (Wanita besi )

Halaman 08 (13/4/2013)

.....也透露女性参政困难重重，一时感慨良多而掉下**铁娘子**的眼泪，一时传为大选话题。

.....**wanita besi** telah mendedahkan wanita yang menceburkan diri dalam bidang politik akan mengalami pelbagai masalah. Perasaan yang terkilan menyebabkannya telah menitikkan air mata. Perkara ini telah menjadi tajuk perbualan semasa pilihan raya.

Makna asas *tiě niángzǐ* 铁娘子 adalah gelaran yang diberikan kepada Perdana Menteri negara England iaitu Madame Thatcher yang bermaksud wanita yang berpersonaliti seperti gaya lelaki tabah, gagah dan berani. Wanita yang sedemikian baru mampu bersaing dengan masyarakat yang mengutamakan lelaki sebagai pemimpin. Leksis *tiě niángzǐ* 铁娘子 diguna pakai untuk mengibaratkan wanita kuat yang menceburkan diri dalam bidang politik dalam konteks yang dinyatakan.

19. *Suān pútáo* 酸葡萄 (Anggur masam)

Halaman 12 (15/4/2013)

叶炳汗接受记者询问时只表示，对方抱着**酸葡萄**的心理，却无法提出让人信服的理由，.....

Apabila Yap Pian Hon ditanya oleh wartawan, dia berkata pihak lawan hanya berperasaan **anggur masam**, tetapi tidak dapat mengemukakan alasan yang menyakinkan orang.....

*Suān pútáo* 酸葡萄 bermaksud anggur yang masam. Leksis ini telah berubah makna asas kepada makna ejekan iaitu mengibaratkan seseorang yang pandai mencari alasan untuk mengimbangkan perasaan ketidakpuasan diri apabila tidak berjaya mendapat sesuatu yang diinginkan.

## 20. *Zǒuhòumén* 走后门 (Jalan pintu belakang)

### Halaman 12

他说，区会推荐的候选人是勤政爱民，对党忠诚不二的党员，可是却有人通过“**走后门**”的方式争取成为候选人。

Beliau berkata, calon undi tempatan yang dicadangkan ialah orang yang rajin memberi layanan perkhidmatan dan cinta akan rakyat setempat. Selain itu beliau juga merupakan ahli yang setia kepada parti. Tetapi ada ahli parti telah melalui cara **jalan pintu belakang** untuk merebut peluang menjadi calon undi.

Leksis pinjaman Kantonis *zǒuhòumén* 走后门 membawa maksud masuk ke rumah mengikut pintu belakang. Leksis ini diguna pakai untuk mengibaratkan calon undi menggunakan taktik kotor untuk mendapatkan kerusi yang bertanding dan bukan atas daya usaha sendiri.

## 21. *Qiāoqiāobǎn* 跷跷板 (Jongkang-jongket)

### Halaman 08 (17/4/2013)

“.....他告诉马来人不必害怕行动党，因为行动党与马华关系犹如**跷跷板**，而且两党的势力只能在华社扩张，当行动党壮大，马华就会微弱，或相反的情况。”

“.....dia memberitahu orang Melayu tidak perlu takut pada DAP kerana hubungan antara DAP dan MCA adalah seperti **jongkang-jongket**. Lagipun kuasa kedua-dua parti hanya berleluasa dalam kalangan masyarakat Cina. Apabila DAP menjadi kuat, MCA akan menjadi lemah, begitu juga keadaan sebaliknya.

*Qiāoqiāobǎn* 跷跷板 bermaksud sejenis permainan kanak-kanak yang terdiri daripada papan panjang bergandar di tengah dan kedua-dua hujungnya boleh turun naik.

Ia telah mengalami perubahan makna daripada makna asas iaitu sejenis permainan kanak-kanak kepada mengibaratkan perhubungan yang bersangkutan paut di kedua-dua belah pihak. Jika baik di satu pihak maka sebaliknya mudarat di pihak yang lain.

22. *Xiǎo làjiāo* 小辣椒 (Cili Padi)

Halaman 17 (17/4/2013)

“我身为小辣椒就不应该退缩，因为有沙登人作为我的后盾，才能让我有勇气打这场硬仗。”

Saya sebagai **Cili Padi** tidak patut berundur kerana ada orang Serdang menjadi penyokong saya, baru saya ada keberanian yang secukupnya untuk bertanding dalam saingan sengit ini.

Leksis *xiǎo làjiāo* 小辣椒 bermaksud sejenis cili yang bersaiz kecil dan teramat pedas. *Xiǎo làjiāo* 小辣椒 mengalami perubahan makna daripada makna asas sejenis tumbuhan beralih kepada mengibaratkan sikap seseorang yang gagah berani walaupun badan bersaiz kecil.

23. *Chòu dòufu* 臭豆腐 (Taufu busuk)

Halaman A2 (17/4/2013)

国阵的失策，就好像一场盛宴，出现了一道臭豆腐。

Kegagalan strategi BN umpama satu jamuan besar telah muncul satu hidangan **taufu busuk**.

*Chòu dòufu* 臭豆腐 merupakan sejenis taufu yang berbau busuk. Ia diberi gelaran ini kerana bau busuknya yang teramat sangat melalui proses penapaian. Leksis *chòu dòufu* 臭豆腐 telah membawa perubahan makna asas kepada makna mengibaratkan membawa mudarat yang parah pada keseluruhan rancangan.

#### 24. *Tuōchē jiě* 拖车姐 (Cik Tarik Kereta)

Halaman 02 (16/4/2013)

有拖车姐外号之称的黄糍璠上阵新古毛本来就不是一场容易打的仗，现在又遇到地头蛇拦路，情况堪忧。

Jessie Ooi Hui Wen yang mempunyai gelaran **Cik Tarik Kereta** ingin bertanding di Kuala Kubu Bahru bukan merupakan satu perkara yang mudah. Tambahan pula terdapat ular tempatan yang menghalang kelancaran bertanding menyebabkan keadaan bertambah membimbangkan.

Gelaran kepada Jessie Ooi kerana telah menuduh Ketua Menteri Pulau Pinang Lim Guan Eng tidak berusaha meringankan bebanan rakyat. Pada pukul 10.30 malam masih mengarah pihak yang bertanggungjawab menarik kereta yang menyalahi undang-undang. Dakwaan Jessie Ooi yang tidak logik dan tidak kena-mengena dengan tema perbincangan antara Chua dengan Lim telah menjadi tajuk perbualan hangat di internet dengan gelaran Cik Tarik Kereta. Tuduhan Jessie Ooi terhadap Lim Guan Eng menjadi isu perbualan penyokong DAP kerana mereka menyangsi bagaimana Jessie Ooi yang berada di Selangor dapat mengetahui perkara yang berlaku di Pulau Pinang dengan seolah-olah dia menyaksikan perkara tersebut dengan matanya sendiri. Leksis ini telah berubah daripada makna asas iaitu wanita yang bekerja sebagai tugas menarik kereta yang bermasalah kepada makna metafora yang mengandungi unsur ejekan dan sindiran bahawa menuduh seseorang tanpa bukti yang logik.

#### 25. *Lánshuǐxiāng* 蓝水箱 (Tangki biru)

Halaman 22 (23/4/2013)

其实在内陆地区除了“Ini kalilah”,还有另一个口号换掉蓝水箱，或许更能进一步解释为何立新党能在短时间内爆红，.....

Sebenarnya di kawasan pedalaman selain slogan “Ini kalilah”, ada lagi satu slogan “**tukar tangki biru**”. Mungkin ini boleh menjelaskan kenapa Parti Star Sabah boleh menjadi terkenal secara mendadak dalam jangka masa pendek.

*Lán 藍* bermakna warna biru, *shuǐxiāng 水箱* ialah tangki untuk mengisi air, alat tersebut penting untuk mengisi bekalan air dalam kehidupan seharian. Leksis *Lánshuǐxiāng 藍水箱* mengalami perubahan makna daripada makna asas kepada makna yang diibaratkan sebagai pentadbiran Barisan Nasional di Malaysia kerana warna rasmi BN ialah warna biru, *shuǐxiāng 水箱* mengibaratkan pentabir yang penting dan utama dalam sesebuah negara.

## 26. *yīyèqíng 一夜情* (Cinta satu malam)

Halaman 35 (2/5/2013)

马华署理总会长拿督斯里廖中莱受邀为晚宴主持开幕。他致词时批评行动党，利用网络及网站，发动一场“一夜情”假象的激情，准备藉此手段推翻政府。

Timbalan Presiden MCA Datuk Seri Liow Tiong Lai dijemput mengadakan pembukaan rasmi bagi jamuan malam. Beliau mengkritik DAP semasa memberi ucapan dengan mengatakan DAP menggunakan internet dan stesen internet untuk melancarkan ilusi iaitu **cinta satu malam**, dan menggunakan taktik ini untuk menggulingkan kerajaan.

Leksis *yīyèqíng 一夜情* bermaksud pertemuan seksual antara peserta seksual tanpa jangkaan, biasanya berlaku di luar nikah. Leksis *yīyèqíng 一夜情* dalam konteks ini mengibaratkan calon undi melepaskan emosi yang berkobar-kobar dan bergelora melalui tindakan.

## 27. *Wénzi dǎng 蚊子党* (Parti nyamuk)

Halaman 24 (4/5/2013)

.....人联党竞选 7 国，输到只剩下 1 国席，沦为“蚊子党”。

SUPP bertanding untuk 7 kerusi undangan parlimen. Hanya satu-satu dewan undangan parlimen dimenangi, mengalami perubahan nasib menjadi **parti nyamuk**.

*Wénzi* 蚊子 merupakan sejenis serangga kecil bersayap dua dan menghisap darah. *Dǎng* 党 merupakan orang yang bergerak untuk tujuan (dasar dan lain-lain) yang sama dalam politik *wénzi dǎng* 蚊子党 diibaratkan parti yang lemah dan teramat kurang ahli partinya mengikut konteks.

28. *Bàijiā zǐ* 败家仔 (Anak yang menjatuhkan maruah keluarga)

Halaman 10 (13/4/2013)

他说，马华 64 年来的历史从未如此过，今届大选马华竞选的国席肯定少过 40 席。这是因为马华领导层已经没用，如同“败家仔”一样。

Beliau berkata, walaupun MCA sudah melalui detik sejarah selama 64 tahun, tidak pernah mengalami keadaan sebegitu. Dalam pilihan raya kali ini, MCA pasti bertanding kurang daripada 40 kerusi parlimen. Hal ini adalah disebabkan pemimpin MCA sudah tidak berguna lagi umpama **anak yang menjatuhkan maruah keluarga**.

*Bàijiā zǐ* 败家仔 merupakan lexis pinjaman Kantonis yang bermakna anak lelaki derhaka yang menjahanamkan harta dalam sesebuah keluarga. Lexis *bàijiā zǐ* 败家仔 mengibaratkan pemimpin derhaka. Menurut apa yang dikatakan oleh pemimpin DAP, MCA telah dihancurkan oleh pemimpin MCA yang derhaka dalam konteks politik.

29. *Lǎo māo shāo xū* 老猫烧须 (Misai kucing tua terbakar)

Halaman A2 (30/4/2013)

但谁又会想到，马华却在 2008 年老猫烧须，以 722 票之差，把一直以来都被视为马华堡垒区的峇吉里，拱手相送。

Tetapi siapa terfikir, pada tahun 2008 MCA telah mengalami tragedi **misai kucing tua terbakar**. Hanya dengan perbezaan sebanyak 722 kertas undi, kubu kuat MCA Bakri telah terlepas ke tangan pihak lawan bertanding.

Lexis dialek Kantonis *lǎo māo shāo xū* 老猫烧须 merupakan kiasan yang mengatakan bahawa kucing yang kesejukan suka mendekati kayu api di dapur yang

dapat menghilangkan kesejukan. Kucing yang berpengalaman dapat mengelakkan dirinya daripada terkena api di dapur yang membakar misainya. Leksis ini mengibaratkan calon undi yang berpengalaman, kerap menang dalam pilihan raya, serta lama bertanding telah kalah dalam pilihan raya kerana kecuaiannya, dan kecuaiannya ini sebenarnya boleh dielakkan.

30. *Suō tóu wūguī* 缩头乌龟 (kura-kura yang mengecut kepala ke dalam cengkerang)

Halaman 09 (1/4/2013)

..... 林冠英要告诉邓章耀，别以为他在闹玩，对方不接受，就是“缩头乌龟”。.....

.....Lim Guan Eng memberitahu Teng Chang Yao, jangan sangka beliau bermain-main dengannya. Jika Teng menolak, maka Teng merupakan **kura-kura yang mengecut kepala ke dalam cengkerang** .....

*Suō tóu wūguī* 缩头乌龟 adalah daripada leksis dialek Kantonis yang bermaksud pergerakan kura-kura yang kerap mengecut kepalanya ke dalam cengkerang. Leksis di sini mengibaratkan tingkah laku calon undi yang penakut, mengelak daripada segala hal yang memudaratkannya.

31. *Qīngtíngdiǎnshuǐ* 蜻蜓点水 (Pepatung menyentuh air)

Halaman 12 (8/4/2013)

另一方面，国阵主席拿督斯里纳吉在周六晚推介国阵竞选宣言时，也“蜻蜓点水”提及这封传言中的信件。

Di samping itu, pengerusi BN Dato Sri Najib memperkenalkan manifesto pilihan raya BN pada malam Sabtu. Beliau umpama “**pepatung menyentuh air**” menyebut tentang surat yang dikhabarkan.

Makna leksis *qīngtíngdiǎnshuǐ* 蜻蜓点水 sebenarnya merujuk kepada perbuatan pepatung menggunakan ekor untuk menyentuh air apabila terbang di

permukaan air. Leksis ini kemudiannya menjadi leksis yang bermakna metafora iaitu tidak menitikberatkan dapatan hasil sesuatu perkara yang dibincangkan.

Terdapat 6 item leksis BC bermetafora yang berunsur warna iaitu “*láncháo* 蓝潮”, “*huánghǎi* 黄海”, “*lùdēng* 绿灯”, “*hóngdòu bīng* 红豆兵”, “*jīn zhōng zhào* 金钟罩”, dan “*lánshuǐxiāng* 蓝水箱”. Menurut Lim (2000:134-149), banyak leksis BC kaya dengan unsur warna. Kepekaan pengguna bahasa mengenai warna turut merangsangkan penghasilan leksis warna. Warna merah, biru, kuning merupakan warna asas yang mempunyai hubungan yang rapat dengan kehidupan seharian pengguna bahasa.

Pada zaman dahulu, warna hijau sebagai simbol kepada golongan bawahan yang berstatus rendah bagi masyarakat Cina. Pada Dinasti Ming Qing topi hijau dan selendang hijau pula melambangkan perempuan murahan (Lim:142). Kini pandangan mengenai warna hijau sudah berbeza. Pembentukan leksis BC “*lùdēng* 绿灯” (lampu hijau) membawa maksud metafora iaitu merujuk kepada pengumuman berita berkenaan dengan senarai nama calon undi PRU 13, maksud leksis ini bukan sahaja tiada kena mengena langsung dengan lampu hijau yang melambangkan kereta boleh jalan, malah tidak melambangkan golongan bawahan atau perempuan yang menjual diri. Tarikh PRU 13 diumumkan pada saat-saat genting, pengumuman “*lùdēng* 绿灯” memang dinantikan oleh kebanyakan rakyat yang benar-benar mengambil berat mengenai soal politik negara.

Biru ialah warna rasmi parti BN sejak 1 Jun 1974. “*Láncháo* 蓝潮” (gelombang biru) mempunyai makna metafora iaitu parti pemerintahan demokrasi negara, BN yang terdiri daripada gabungan parti perikatan UMNO, MCA dan MIC yang mempunyai gerakan atau tunjuk perasaan dalam kumpulan yang besar, dan meliputi kawasan yang

luas yang dilakukan secara berturut-turut. Parti Star Sabah menolak “*lánshuǐxiāng* 蓝水箱” mengibaratkan parti tersebut menolak pentadbiran BN di Sabah semasa PRU 13. Leksis “*lánshuǐxiāng* 蓝水箱” digunakan untuk menyampaikan hajat dan keinginan parti.

“*Huánghǎi* 黄海” tidak lagi membawa maksud warna diraja yang melambangkan kekayaan dan kekuasaan mutlak, unsur kuning dalam lexis ini membawa maksud metafora iaitu keinginan dan harapan rakyat kepada pentadbir negara agar melaksanakan kempen pelancaran pilihan raya yang bersih dan tulus. Warna kuning menjadi lambang dan simbol kempen berkenaan. Warna kuning telah hilang daripada makna asal yang sebenar, tetapi mengibaratkan perhimpunan Bersih 3.0 yang diadakan pada 28 April, 2012. Seramai 250,000 orang dari seluruh pelosok negara, tanpa mengira warna kulit, agama, kebudayaan mengambil bahagian dalam perhimpunan demokrasi gerakan protes terbesar dalam sejarah Malaysia. Para penghimpun menunjukkan semangat satu hati, satu jiwa sambil berjalan sambil melaungkan slogan “bersih” demi demokrasi di Malaysia dan telah mencatat halaman baharu yang gemilang dalam sejarah. Dokumentari ini menerangkan kuasa rakyat yang menentukan nasib pemimpin yang bakal mentadbir negara.

Merah malambangkan gagah dan berani secara umum, lexis “*hóngdòu bīng* 红豆兵” (tentera kacang merah) bukan sahaja membawa unsur merah tersurat juga mengibaratkan kemenangan dan kejayaan kepada pertubuhan dan dotrin organisasi internet tersebut.

Leksis “*jīn zhōng zhào* 金钟罩” merupakan salah sejenis seni mempertahankan diri tradisional yang memerlukan daya ketekalan, kegigihan dan kecekapan individu yang berlipat ganda untuk menguasai kemahiran. “*Jīn zhōng zhào* 金钟罩” mengalami

perubahan makna iaitu daripada seni mempertahankan diri kepada mengibaratkan Menteri Besar Johor sebagai pelindung untuk menentang calon undi DAP dalam konteks yang dipaparkan. “*Jīn 金*” bermakna warna keemasan nyata sekali sudah hilang fungsi penggunaannya sebagai lambang warna untuk menunjukkan unggul, anggun, kecemerlangan.

### 3.3.3 Makna Pinjaman Leksis dalam Kempen PRU Ke-13 Malaysia

#### 1. *Hóng máo rén* 红毛人 (Orang bulu merah)

Halaman 10 (13/4/2016)

他也揶揄马华借出选区一事，如同刘备借荆州，并指蔡细历是“红毛人”应该不知道此名言的意思。

Beliau juga mengejek MCA mengenai hal meminjam kawasan bertanding kepada parti lain, adalah ibarat Liubei meminjam negeri Jing, dan mengatakan Chua Soi Lek merupakan **orang bulu merah**, jadi dia tidak akan faham peribahasa ini.

Makna asas *hóng máo rén* 红毛人 merujuk kepada Orang Asia berpandangan bahawa orang Belanda adalah berbulu warna merah. Pada kurun ke-19, *Mài dōu sī* 麦都思 dalam kamus dialek Hokkien <<*Fújiàn Fāngyán Zìdiǎn* 福建方言字典>> merekod dialek Hokkien “*āng mó* 红毛” adalah merujuk kepada orang England. Ekoran penghijrahan orang Hokkien ke Asia Tenggara, dan kebanyakan negara Asia ketika itu dijajah oleh negara Eropah, leksis “*āng mó* 红毛” dipergunakan secara meluas khususnya penduduk Malaysia dan Singapura. Dialek Hokkien “*āng mó* 红毛” dipinjam pakai iaitu ciri-ciri menonjol di anggota badan orang Eropah untuk melambangkan maksud orang putih.

## 2. *Hóushé bào* 喉舌报 (Akhbar tekak lidah)

Halaman 03 (15/4/2013)

..... 中文报并没像上述由马华与巫统控制的报章一般沦为,“喉舌报”中文报除了是华人的,“精神粮食”.....

.....akhbar Cina tidak seperti akhbar lain menjadi **akhbar tekak lidah** kawalan MCA dan UMNO, akhbar Cina selain merupakan „sumber makanan rohani“ bagi orang Cina.....

*Hóushé* 喉舌 bermaksud organ untuk bersuara. *Bào 报* bermaksud akhbar. *Hóushé bào* 喉舌报 dipinjam guna untuk melambangkan akhbar kawalan untuk menyampaikan buah fikiran dan pendapat sesuatu parti.

## 3. “*Qián*” *xiàn zhōu* “钱”线州 (Wang negeri)

Halaman 09 (15/4/2013)

提名日未到, 大财团已在背后疯狂撒钱还每天提供免费的吃喝玩乐, 民主行动党秘书长林冠英称, 现在槟城已经变成了大选的 “钱”线州了!

Sebelum tiba hari pencalonan undi, telah ada konsortium gila membahagikan duit dan membekalkan makan minum percuma saban hari, setiausaha DAP Lim Guang Eng berkata, kini Pulau Pinang telah menjadi **wang negeri** semasa pilihan raya.

Leksis *qián* 钱 mempunyai bunyi fonetik yang sama dengan *qián* 前 tetapi kekua-dua leksis ini mempunyai makna yang berbeza. *Qián* 钱 bermakna duit; manakala *qián* 前 bermakna depan. *Qián* 钱 dipinjam guna untuk menyampaikan maksud negeri yang dibeli dengan wang duit.

Leksis *hóng máo rén* 红毛人 mempunyai ciri-ciri fizikal anggota badan bulu merah “*hóng máo* 红毛” dan leksis *hóushé bào* 喉舌报, mempunyai ciri-ciri fizikal organ tekak dan lidah “*hóushé bào* 喉舌” yang merupakan ciri-ciri fizikal sebahagian anggota badan manusia yang dipinjam pakai untuk melambangkan makna leksis.

Leksis “*qián*” *xiàn zhōu* “钱”线州, menggunakan “*qián* 钱” untuk menggantikan “*qián* 前” kerana kedua-dua leksem berkenaan mempunyai bunyi fonetik yang sama iaitu “*qián*”. Leksem “*qián* 钱” mempunyai makna tersirat menurut Lim Guang Eng iaitu UMNO ingin memenangi kerusi yang bertanding di negeri Pulau Pinang dengan cara memberi rasuah sama ada dalam bentuk wang tunai atau dalam bentuk hadiah sagu hati.

Leksis BC dikaji dari segi perubahan makna asas dalam konteks politik PRU Ke-13 Malaysia penting untuk mengetahui leksis yang dikumpul selain daripada mengekalkan makna asas, maknanya boleh berubah melalui cara peluasan, metafora dan pinjaman menurut keperluan konteks politik ketika itu. Keupayaan leksis BC diguna pakai secara flaksibel selain daripada makna asas amat bergantung kepada keperluan pengguna bahasa, pendek kata mereka yang menentukan hidup mati sesuatu leksis BC.

#### **4.4 Kesimpulan**

Bab ini telah membentangkan hasil dapatan kajian dan membincangkan hasil dapatan. Kesemua hasil dapatan kajian ditunjukkan dalam bentuk jadual bagi memudahkan perbincangan dan memperjelas dapatan kajian ini. Bab berikutnya membuat kesimpulan berdasarkan hasil dapatan kajian bagi menjawab persoalan kajian ini iaitu mengklasifikasi leksis-leksis BC mengikut suku kata, mengkategorikan struktur pembentukan leksis BC, menganalisis leksis BC yang mengalami perubahan makna asas.

## **BAB 5**

### **KESIMPULAN DAN CADANGAN**

#### **5.1 Dapatan Kajian dan Perbincangan**

Kajian leksis merupakan salah satu bidang kajian linguistik yang amat berguna. Memang tidak dapat dinafikan bahawa perkembangan bahasa sentiasa mengalami perubahan. Perubahan ini boleh berlaku di dalam bahasa itu sendiri atau tindakan daripada pengguna-pengguna atau masyarakatnya. Kajian ini telah memfokuskan bidang kajian politik seperti Soon, yang berbeza di sini cuma kajian ini tidak menggunakan kaedah linguistik korpus untuk mendapatkan data analisis tetapi menggunakan kaedah pengiraan secara manual kerana data kajian tidak melibatkan jumlah pengiraan leksis yang besar kuantitinya.

Kajian ini bukan sahaja mempunyai bidang kajian yang sama dengan Ng iaitu bidang politik, malahan telah menumpukan kajian bahasa dari segi leksis dalam tempoh tertentu iaitu dalam kempen PRU Ke-13 Malaysia. Sebanyak 78 leksis bahasa Cina berunsur politik telah dikenal pasti dan dikumpul selama dua bulan iaitu awal bulan April sehingga akhir bulan Mei, sempena kempen PRU 13 Malaysia. Leksis-leksis ini telah dikategori dan dianalisis daripada beberapa aspek, iaitu suku kata leksis, struktur pembentukan leksis, perubahan makna leksis asas berlandaskan teori yang disarankan oleh Ge. Dalam kajian ini, oleh sebab keperluan konteks politik pengguna bahasa semasa kempen PRU Ke-13 Malaysia, maka pelbagai bentuk leksis BC direka cipta secara produktif dalam tempoh tersebut tanpa melihat kepada ketulenan BC standard tetapi lebih kepada menganalisis suku kata leksis dan struktur pembentukan dalaman leksis.

Leksis yang terdiri daripada trisuku kata atau tiga suku kata merupakan leksis yang paling produktif dihasilkan iaitu sebanyak 42 item (atau 53.9%) jika dibandingkan dengan dwisuku kata atau dua suku kata sebanyak 32 item (atau 41.0%) dan leksis yang terdiri daripada empat suku kata sebanyak 4 item (atau 5.1%). Antara enam jenis struktur pembentukan leksis, leksis majmuk jenis kata berulang tidak wujud langsung dalam data yang dikumpulkan, manakala leksis majmuk yang terdiri daripada kombinasi penerang dengan kata dasar mempunyai kekerapan penggunaan yang paling tinggi iaitu 54 item daripada 78 item (atau 69.2%) leksis. Salah satu objektif kajian ini ialah menganalisis struktur pembentukan leksis BC dalam kempen PRU Ke-13 Malaysia, dapatan kajian juga menyerupai kajian Fan iaitu leksis majmuk yang terdiri daripada kombinasi penerang dengan kata dasar paling banyak dihasilkan dalam tempoh yang dikaji.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa antara 78 leksis BC yang dikumpul, ada yang terdiri daripada leksis dialek, leksis pinjaman, leksis sejarah dan leksis sosial yang dikategorikan di bawah leksis umum. Ada sedikit persamaan kajian ini dengan kajian yang dijalankan oleh Prema kerana segelintir leksis BC didapati meminjam leksis-leksis daripada dialek Hokkien sebanyak 3 item (atau 3.9%) dan dialek Kantonis sebanyak 10 item (atau 12.8%) untuk menyampaikan makna dalam konteks politik dengan lebih berkesan. Kesemua leksis yang dikumpul telah mengalami perubahan maksud asas kerana keperluan pengguna semasa PRU Ke-13 Malaysia.

Sekali lagi kesemua 78 leksis kemudiannya diperjelaskan perubahan maknanya dibanding dengan makna asas dalam konteks politik berdasarkan panduan yang disarankan oleh Ge. Makna leksis BC dalam konteks politik telah dibincangkan berdasarkan beberapa kriteria untuk penjelasan yang lebih spesifik dan berfokus. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat 3 item (atau 3.9%) leksis BC menggunakan makna pinjaman jika dibandingkan dengan makna asas. Selain itu, data

juga menunjukkan bahawa terdapat 31 item (atau 39.7%) leksis BC mempunyai makna metafora jika dibanding dengan makna asas. 44 item (atau 56.4%) leksis BC mengalami makna yang diperluas jika dibanding dengan makna asas. Hasil dapatan tersebut jelas menjawab ketiga-tiga persoalan kajian yang dikemukakan oleh pengkaji, iaitu mengklasifikasi suku kata leksis, mengkategorian struktur pembentukan leksis, menganalisis leksis-leksis BC kepada makna pinjaman, makna metafora, makna yang diperluas dibanding dengan makna asas dalam konteks politik.

## **5.2 Implikasi Kajian**

Satu jawatankuasa tentang kepiawaian penggunaan leksis-leksis BC berunsur konteks politik seharusnya ditubuhkan untuk memasti dan memantau sama ada penggunaan leksis-leksis BC berkenaan memenuhi kejituan dan kepiawaian peraturan-peraturan tata bahasa sesuatu bahasa. Tidak boleh dinafikan bahawa surat khabar memainkan peranan yang amat penting dalam kehidupan seharian para pembaca, dengan adanya jawatankuasa yang disarankan, maka akan mengurangkan kekeliruan semasa keperluan penggunaan bahasa.

## **5.3 Cadangan Kajian Selanjutnya**

Saranan kepada bakal pengkaji, analisis leksis BC yang berkaitan dengan kempen PRU Ke-13 Malaysia boleh dilanjutkan dan diberi penekanan dengan membuat perbandingan penciptaan leksis BC antara PRU Ke-13 dengan PRU Ke-14. Kesenambungan kajian sebagai usaha pengenalpastian sama ada leksis-leksis BC yang dikumpul semasa PRU Ke-13 mempunyai potensi untuk hidup secara diakronik atau sinkronik. Selain itu, kajian tentang leksis-leksis sama ada dari segi bahasa, nahu, bentuk atau bidang penggunaannya seharusnya dititikberatkan juga untuk menakrifkan fikiran, konsep, imej dan perkara baharu yang sebenarnya mengimbaskan sesuatu masyarakat oleh pengguna-pengguna bahasa.

## 5.4 Penutup

Asmah (2009) mentaksirkan perkembangan bahasa adalah perubahan yang mempertingkatkan keefisienan bahasa berkenaan. Perubahan berlaku pada struktur dan sistem yang menjadi infrastruktur kepada sesuatu bahasa. Sumber perubahan boleh berada di dalam bahasa itu sendiri, yakni dengan adanya tindakan daripada pihak pengguna, maka akan berlakunya perubahan itu, tanpa adanya pengaruh dari luar. Walaupun data kajian hanya berpandukan sejenis surat khabar sahaja, tidak cukup menyeluruh dari segi analisis, tetapi memang tidak dapat dinafikan bahawa lexis BC dalam konteks politik terbukti mengalami perubahan makna asas dalam tempoh PRU Ke-13 Malaysia. Jadi, sama ada lexis-lexis berkenaan berpotensi hidup secara diakronik atau sinkronik, pengguna bahasa memainkan peranan yang sangat penting. Tidak ketinggalan, lexis-lexis yang dikaji sepanjang kempen PRU Ke-13 Malaysia turut membuka era baru dalam perkembangan lexis BC, dapatlah kita membuat kesimpulan di sini BC memang merupakan bahasa ideograf yang bernyawa dan unik.

## RUJUKAN

- Abdullah Hassan. (1993). Bahasa Kiasan. *Jurnal Dewan Bahasa*, 37(10), 907-913.
- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (2002). *Kamus Simpulan Bahasa*. Pahang, Malaysia: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Aripin Said. Jalai. (1991). Falsafah dan Pemikiran Orang Dahulu. *Jurnal Pelita Bahasa*, 3(7), 8-9.
- Asmah Omar. (1991). *Aspek Bahasa dan Kajiannya*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Omar. (2005). Budaya dan bahasa kiasan. *Jurnal Peradaban Melayu*, Vol.4.0 25 April 2011 dalam penerbitan.upsi.edu.my/website\_ejurnal/jurnal%20site/.../bab1.html
- Asmah Omar. (2009, Ogos). *Perkembangan Bahasa Melayu dari Aspek Leksikon dan Etimologi*. Paper presented at the Edutorium MOE Singapura Conference, Singapura.
- Bogdan, R.C., & Biklen, S.K. (2003). *Qualitative research for education: An introduction to theory and methods* (4th ed.). Boston, MA: Allyn and Bacon.
- Bryman, A. (2006). Paradigm Peace and the Implications For Quality. *International Journal Social Research Methodology*, 9(2), 111–126.
- Chaer, Abdul. (2008). *Morfologi Bahasa Indonesia*. Jakarta: RinekaCipta.
- Chen, C. P. (2006). *Pemindahan Leksis Bahasa Inggeris ke dalam Bahasa Cina di Malaysia*. Disertasi MML. Kuala Lumpur: Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Cheng, S. H., & Lai, C. (2005). *Kamus Perdana*. Selangor, Malaysia: United Publishing House (M) Sdn. Bhd.
- Chia, C. E. (1999). *Kata Pinjaman Bahasa Malaysia dalam Bahasa Cina Di Malaysia*. Disertasi MML. Kuala Lumpur: Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.

- Choirul Aminuddin. (2015, Mei 11). Bahasa Cina paling banyak digunakan di dunia. *Arab News*. Retrieved from <https://m.tempo.co/read/news/2015/05/11/121665385/bahasa-cina-paling-banyak-digunakan-di-dunia>
- Croft., & William. (2000). *Explaining Language Change: An Evolutionary Approach*. England: Pearson Education Limited.
- Daniel Jebon Janaun. (2001). Keindahan Bahasa Dalam Peribahasa Melayu. *Dewan Bahasa*, 1(6), 27-33.
- Fan, F. J. 樊福菊 (2014). *Jin Shi Nian Xin Ci Xin Yu De Gou Ci Fangfa Yanjiu*. 《近十年新词新语的构词方法研究》 *Journal of Jixi University*, 鸡西大学学报 14(11), 141-143.
- Fu, H. Q. 符淮青 (2004). *Xiandai Hanyu Cihui*. 《现代汉语词汇》(增订本) Beijing, China: Beijing Gaodeng Jiaoyu Jingpin Jiaocai 北京: 北京高等教育精品教材
- Gao, W. T., & Wang, L. Y. 高文达、王立延 (1980). *Ci Hui Zhishi*. 《词汇知识》 Jinan, China: Shandong Renmin Chubanshe. 济南: 山东人民出版社
- Ge, B. Y. 葛本仪 (2006). *Hanyu Cihui Yanjiu*. 《汉语词汇研究》 Beijing, China: Waiyujiaoxue Yu Yanjiu Chubanshe. 北京: 外语教学与研究出版社
- Ge, B. Y. 葛本仪 (2009). *Xiandai Hanyu Cihui Xue (Xiuding ban)* 《现代汉语词汇学 (修订版)》 Jinan, China: Shandong Renmin Chubanshe. 济南: 山东人民出版社
- Grundy, P. (1995). *Doing Pragmatics*. London, England: Arnold.
- Halliday, M.A.K. (1974). *Language and Social Man*. London: Longman group limited.
- Heah, L. H. (1989). *The Influence Of English On The Lexical Expansion Of Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hui, J. (1985). *Hanyu Jiben Zhishi* 《汉语基本知识》. Hong Kong: Shangwu Yinshuguan. 香港: 商务印书馆

<http://ekamus.dbp.gov.my/Search.aspx?spec=false&type=1&cari=kempen#sthash.xwIXeuoI.dpuf>

[http://www.spr.gov.my/index.php?option=com\\_content&view=article&id=142&Itemid=230](http://www.spr.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=142&Itemid=230)

Jackson, H. (1998). *Words and Their Meaning*. New York: Addison Wesley Longman Inc.

Jiang, L. S., Tang, J. C., & Cheng, R. (2012). *XianDai HanYu CiDian (6<sup>th</sup> ed.)*. 《现代汉语词典 第 6 版》. Beijing, China: The Commercial Press. 北京：商务印书馆

Jiang, W. Q. 姜望琪 (2003). *Dangdai Yu Yong Xue* 《当代语用学》. Beijing, China: Beijing Daxue Chubanse 北京：北京大学出版社

Johnson, R. B., & A. J. Onwuegbuzie. (2004). Mixed Methods Research: A Research Paradigm Whose Time has Come, *Educational Researcher*, 33(7), 14–26.

Keris Mas. (1998). *Perbincangan Gaya Bahasa Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Koh, B. B. (1982). Pengajaran Peribahasa Melayu. *Dewan Bahasa*, 26(3), 196-200.

Lau, S. H. (2007). *Kajian tentang variasi leksis bahasa Cina di Malaysia*. Tesis Sarjana Pengajian Bahasa Moden. Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Lee, M. S. 李孟殊 (2014). Yinyu Ren Zhi Shijiao Xia de Yingyu Xin Ci Yanjiu. 《隐喻认知视角下的英语新词研究》 *Journal of Qiqihar University (Phi & Soc Sci)*, 齐齐哈尔大学学报（哲学社会科学版）3, 136-138.

Lee, W. F. (2007). *Tinjauan penggunaan leksis. Angka-angka dan emotikon dalam forum internet pelajar bahasa Cina*. Tesis Sarjana Pengajian Bahasa Moden. Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

- Leech, G. (1983). *Principles of Pragmatics, First Edition*. (Azhar Simin, Trans.). Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka. (Original work published 1993).
- Levinson, S. (1983). *Pragmatics*. Cambridge, UK: Cambridge University Press.
- Lim, B. Q. 林宝卿 (2000). *Hanyu yu Zhongguo Wenhua*. 《汉语与中国文化》 Beijing, China: Kexue Chubanshe. 北京: 科学出版社
- Liu, P., & Li, S. 刘苹 & 李松 (2013). Wenge Yuyan de Yanjiu Duixiang Ji Qi Fansi. 《“文革”语言的研究对象及其反思》 *Journal shangxi Agric. University (Social Science Edition)*, 山西农业大学学报 (社会科学版) 12(2), 146-151.
- Liu, S. X., & Liang, X. H. 刘叔新、梁晓虹 (1999). *Cihuixue Jianshuo*. 《词汇学简说》 Beijing, China: Yuyan Chubanshe. 北京: 语文出版社
- Liu, J. C., & Gao, Y. L. 刘继超、高月丽 (2002). *How To Use Chinese Rhetoric*. 《修辞的艺术》 Beijing, China: Shiyou Gongye Chubanshe. 北京: 石油工业出版社
- Liu, S. X. 刘叔新 (1980). *Cimu de Queding he Ci de Fanwei* 《词目的确定和词的范围》. Tianjin: Tianjin Renming Chubanshe. 天津: 天津人民出版社
- Liu, S. L. (2007). *Pragmatic Strategies*. 《语用策略》 Beijing, China: Social Science Academic Press. 北京: 社会科学文献出版社
- Lyons, J. (1992). *Bahasa dan Linguistik Suatu Pengenalan*. (Ramli Salleh, Toh Kim Hoi, Trans), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ng, P. P. (2003). *Perkembangan Perkataan Bahasa Cina: Satu kajian dalam majalah Bahasa Cina*. Tesis Sarjana Linguistik. Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, & Hashim Hj. Musa. (1992). *Tatabahasa Dewan Jilid 2: Perkataan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noraini Razak. (2013, April 4). Gelanggang PRU-13 kini dibuka. *Utusan Online*. Retrieved from [http://ww1.utusan.com.my/utusan/Rencana/20130404/re\\_02/Gelanggang-PRU-13-kini-dibuka](http://ww1.utusan.com.my/utusan/Rencana/20130404/re_02/Gelanggang-PRU-13-kini-dibuka)

- Noraini Razak. (2013, Februari 24). Arab Spring tidak sesuai di Malaysia. *Utusan Malayu*. Retrived from <http://www.utusan.com.my>
- Norazlina Haji Mohd. Kiram. (2002). *Strategi Penggunaan Kiasan Melayu Dalam Pengucapan Awam: Satu kajian Teks Ucapan di dalam Prosiding Persidangan Melayu Ke-2 Beijing, Kuala Lumpur* (pp. 946-955).
- Nor Hashimah Jalaluddin. (1992). *Semantik dan Pragmatik: Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Omar Mamat. (2001). Gaya Bahasa Dalam Limpahan Darah Di Sungai Semur. *Pelita Bahasa*, 13(9), 36-37.
- Parera, Jos Daniel. (1994). *Morfologi Bahasa edisi kedua*. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama.
- Phang, M. C. (2004). *Bahasa Kiasan Dalam Komponen Kesusasteraan Melayu (KOMSAS): Satu Kajian Semantik*. Laporan penyelidikan Ijazah Sarjana Linguistik. Kuala Lumpur: Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Prema Chalaya. (2008). *Lexical Borrowings from Malaysian substrate languages in local English dailies*. Master of English as a second language. Kuala lumpur: Faculty of Languages and linguistics university of Malaya.
- Ramlan, M. (1983). *Morfologi Suatu Tinjauan deskriptif*. Yogyakarta: Karyono.
- Seng, L. C. (2006). *Penciptaan istilah-istilah baru Bahasa Cina dan penggunaannya dalam surat khabar dan majalah*. Tesis Sarjana Pengajian Bahasa Moden. Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Seng, L. C. (2006). *Penciptaan Istilah-istilah Baru Bahasa Cina dan Penggunaannya dalam Surat khabar dan Majalah*. Disertasi ML. Kuala Lumpur: Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Shao, J. M. 邵敬敏 (2001). *Xiandai Hanyu Tonglun*. 《现代汉语通论》 Shanghai, China: Shanghai Jiaoyu Chubanshe. 上海：上海教育出版社
- Shu, X., & Xiao, H. 叔新、晓红 (1999). *Cihui Xue Jian Shuo*. 《词汇学简说》 Beijing, China: Yuwen Chubanshe. 北京：语文出版社

- Soon, C. T. (2008). *Pembentukan dan penggunaan leksis pinjaman Bahasa Cina dalam Suratkhobar*. Tesis Sarjana Pengajian Bahasa Moden. Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Soon, G. P. (2010). *A lexical Study of the ideology of „political Tsunami”: a corpus linguistics method*. Thesis Master Language and Linguistic. Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Su, X. C. 苏新春 (1995). *Dangdai Zhongguo Cihui Xue*. 《当代中国词汇学》 Guangzho, China: Guangdong Jiaoyu Chubanshe. 广州: 广东教育出版社
- Sun, R. X. 孙瑞霞 (2015). 2013nian Hanyu Wangluo Xinci Zaocifa Yangjiu. 《2013 年汉语网络新词造词法研究》 *Journal of Mudanjiang University*, 牡丹江大学学报 24(1), 17-21.
- Tan, K. C. (2008). *Analisis Perkataan baru Bahasa Cina dalam bidang hiburan dan sukan*. Tesis Sarjana Pengajian Bahasa Moden. Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Tan, X. Ch., & Xiao, L. 谭学纯 & 肖莉 (2008). Biyu yi shiyi moshi ji qi ren zhi liju – jian tan ciyi jiaoxue he cidian bianzuan zhong de biyu yi chuli. 《比喻义释义模式及其认知理据---兼谈词义教学和词典编纂中的比喻义处理》 *Jurnal Kajian dan Pengajaran Bahasa*, 语言教学与研究 1, 8-13.
- The New Oxford Dictionary Of English. (2001). New York: Oxford University Press Inc.
- Thomas, J. (1995). *Meaning in interation: an introduction to pragmatics*. London, England: Longman.
- Wong, N. K. (2003). *Penggunaan laras Ekonomi dalam akhbar Melayu: Satu analisis leksikal*. Tesis Sarjana Pengajian Bahasa Moden. Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Yap, J. 叶军 (2001). *Xiandai Hanyu Secaici Yanjiu*. 《现代汉语色彩词研究》. Zhongguo: Neimenggu Renmin Chubanshe. 中国: 内蒙古人民出版社
- Yan, H. (2007). *Pragmatics*. Oxford, United Kingdom: Oxford University Press.

- Zeng, Z. F. 曾子凡 (2008). *A Study of Idiomatic Expressions in Hong Kong Cantonese* 《香港粤语惯用语研究》 Hong Kong: City University of Hong Kong Press  
香港:香港城市大学出版社
- Zhang, Y. Y. 张永言 (1982). *Cihui Xue Jian Lun*. 《词汇学简论》 Hubei, China: Huazhong Gongxueyuan Chubanshe. 湖北: 华中工学院出版社
- Zhang, Z. Q. 张志强 (1996). *Gudai Hanyu* 《古代汉语》. Beijing: Beijing Shifan Daxue Chubanshe 北京: 北京师范大学出版社
- Zhou, J. 周荐 (1998). *Hanyu Cihui Xin Jiang* 《汉语词汇新讲》 Beijing, China: Yuwen Chubanshe. 北京: 语文出版社
- Zhou, Z. M. 周祖模 (2006). *Hanyu Cihui Jianghua*. 《汉语词汇讲话》 Beijing, China: Waiyu jiaoxue Yu Yanjiu Chubanshe. 北京: 外语教学与研究出版社
- Zulkifli Jalil. (2012, Jun 20). Jangan pandang mudah akhbar Cina. *Utusan Melayu*. Retrieved from <http://www.utusan.com.my>
- Zuo, S. M. 左思敏 (2000). *Pragmatik Bahasa Cina*. 《汉语语用学》 Zhengzhou, China: Henan Renmin Chubanshe. 郑州: 河南人民出版社